

PROSIDING SEMINAR MAJLIS ILMU 2015
Tema: Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat

Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang ke-69 Tahun

27 Muharram 1437H - 29 Muharram 1437H
09 November 2015M - 11 November 2015M

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين القائل في كتابه المبين: ﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾ [البقرة:143]، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين.
أما بعد،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, Segala puji dan syukur dirafa‘kan ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang dengan limpah kurniaNya jua, Seminar Majlis Ilmu 2015 sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-69 pada tahun ini dapat kita ungkayahkan bersama-sama

Majlis Ilmu pada tahun 2015 ini adalah merupakan Sambutan Majlis Ilmu kali yang ke-10 sejak ianya diadakan pada tahun 2004. Di antara program yang diungkayahkan pada Majlis Ilmu 2015 ialah Seminar Majlis Ilmu 2015, yang mana ianya dianjurkan dengan objektif untuk memberikan tasawwur yang tepat dan jelas mengenai Islam sebagai agama *wasatiah* untuk diadaptasi sebagai manhaj rabbani dalam menjalani kehidupan ini. Konsep *wasatiah* yang berpandukan pandangan dan ukuran al-Qur’an sebagai kitab wahyu Allah yang terakhir kepada manusia dan sunnah RasulNya yang terakhir. Di samping itu, Seminar Majlis Ilmu 2015 juga diadakan bagi mengetengahkan peranan dan pandangan al-Imam Shafi‘i dalam mendokong prinsip *wasatiah* ini dan menangkis sebarang stigma negatif berhubung fahaman yang tidak seimbang dalam era globalisasi ini.

Penjelasan, perbincangan, dan pembahasan ilmu dengan ikhlas untuk menemui kebenaran akan membawa ke arah kesempurnaan, kesejahteraan dan keadilan. Kefahaman yang jelas akan maksud *wasatiah* sangat diperlukan dalam keadaan ummat berdepan dengan berbagai pandangan ideologi dan kemajuan teknologi agar tidak terbabas daripada landasan yang betul menurut panduan yang digariskan dalam al-Qur’an dan sunnah RasulNya yang terakhir. Sumber kefahaman ini amat penting untuk memastikan bahawa kita tidak hanya bergantung kepada pemikiran manusia yang mempunyai sifat lemah.

Sebanyak 15 buah kertas termasuk kertas perdana dibentangkan dalam Seminar yang berlangsung selama tiga (03) hari bermula 9 hingga 11 November 2015. Kertas-kertas seminar ini dibentangkan oleh para sarjana dan pakar dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan mengangkat tema “Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat”. Beberapa pembentang dari luar negara juga dijemput khusus bagi menyampaikan kertas masing-masing.

Dikeempatan ini sukacita dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak *Rabitah al-‘Alam al-Islami (World Islamic League)* - sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang

ditubuhkan pada tahun 1962, yang berpangkalan di Saudi Arabia, yang turut sama berkolaborasi dalam penganjuran Seminar Majlis Ilmu 2015 ini. Ucapan penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) atas usaha sama menjayakan Seminar Majlis Ilmu 2015.

Semoga kertas-kertas yang dikumpulkan ini akan memberi manfaat kepada ummah dan usaha ini direedhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohammad Juanda
bin Haji Abdul Rashid**
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

**Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz
bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof**
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Selaku
Pengerusi Bersama Seminar Majlis Ilmu 2015
Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Ke-69 Tahun

ISI KANDUNGAN

KERTAS KERJA DALAM BAHASA MELAYU

KERTAS PERDANA: WASATHIYYAH ASAS KESEJAHTERAAN SEJAGAT	1
<i>Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan</i>	
MAZHAB-MAZHAB FIQH & PENGUKUHAN DASAR-DASAR WASATIAH	25
<i>Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Ketua Hakim Mahkamah Rayuan</i>	
KONSEP WASATIAH DAN PRINSIP-PRINSIPNYA DALAM ISLAM	57
<i>Profesor Unggul Datuk Dr Osman Bakar Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Universiti Brunei Darussalam (UBD)</i>	
MODEL WASATIAH DALAM SEJARAH ISLAM	67
<i>Profesor Dato Wira Dr Ismail bin Ibrahim, Mantan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia</i>	
WASATIAH DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM	85
<i>Dr Azme bin Haji Matali Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)</i>	
MODEL WASATIAH DALAM FIQH AL-SHAFI'I	105
<i>Dr Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh, Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)</i>	
PENGALAMAN-PENGALAMAN PRAKTIKAL DALAM MEMPERKASA PRINSIP WASATIAH DI KALANGAN GENERASI MUDA	127
<i>Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Pensyarah Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)</i>	

KERTAS KERJA DALAM BAHASA ARAB

145.....	تجارب وبرامج عملية لتعزيز الوسطية بين الشباب
أ.د. عارف علي عارف القره داغي، الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا	
163.....	رؤية الإمام الشافعي للوسطية في الإسلام
الدكتور شمس الدين يابي، جامعة العلوم الإسلامية الماليزية	
189.....	المذاهب الفقهية وتوطيد دعائم الوسطية
دكتور علي علي غازي محاضر أول بكلية الشريعة والقانون، جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية	

- 209..... دور المؤسسات الدينية والتربوية في نشر الوسطية
أ. م. د. نعمان جعيم
كلية الشريعة القانون، جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
- 221..... رؤية الإمام الشافعي للوسطية في الإسلام
د. الحاج عبد الرحمن رادن آجي حقي
المحاضر الأول، كلية الشريعة والقانون، جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
- 243..... الوسطية الفكرية وأهميتها في العصر الحاضر
الدكتور عمر نجار علي
الأستاذ بكلية أصول الدين، الجامعة السلطان شريف علي الإسلامية بروناي دار السلام
- 259..... منهج الوسطية في الفكر الإسلامي: دراسة عن أفكار الإمام الأشعري الدينية
الأستاذ المشارك الدكتور شمس البحر أندي غالينغو
جامعة سرى بكاون للتربية الدينية، سلطنة بروني دار السلام

KERTAS KERJA DALAM BAHASA INGGERIS

REVISITING FANATICISM IN THE CONTEXT OF WASATIYAH.....271

Prof Dr Ahmad Fadhel Yousif

Visiting Scholar, Faculty of Usuluddin, Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA)

KERTAS PERDANA
WASATHIYYAH ASAS KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Yang Berhormat
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
(Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا ومولانا
محمد، وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد.

Mengadap Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Ampun beribu ampun!

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung limpah kurnia perkenan untuk hamba Kebawah Duli Tuan Patik menunaikan hajat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu pada tahun ini, bagi membentangkan Kertas Perdana bertajuk: **“Wasathiyah Asas Kesejahteraan Sejagat”**. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung untuk menggunakan perkataan biasa di sepanjang pembentangan ini sebagai kemudahan jua.

Para hadirin yang dihormati,

Elok terlebih dahulu kita melihat-lihat apa itu **“wasathiyah”**.

Wasathiyah berasal dari perkataan **“وَسَطٌ”**, maknanya dalam bahasa kita: tengah-tengah atau pertengahan. Sementara oleh pakar bahasa⁽¹⁾ dan pakar Ilmu Tafsir⁽²⁾ pula mendefinasikannya sebagai: ‘adil, terpilih, terbaik, terutama, termulia dan tertinggi. Berfirman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

⁽¹⁾ Lihat Lisan Al-‘Arab, Jilid 7, ms. 426.

⁽²⁾ Antara boleh dirujuk: Abu Ja‘afar Muhammad bin Jarir Ath-Thabari (*Jami‘ Al-Bayan ‘An Ta‘wil Aai Al-Qur’an*), Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Anshari Al-Qorthubi (*Al-Jami‘ Liahkami AL-Qur’an*) dan AL-Imam Al-Jalil Al-Hafiz ‘Imaduddin Abi Al-Fida Ismail bin Kathir Ad-Demsiyaqi (*Tafsir Al-Qur’an Al-‘Azim*).

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى

النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ... الآية (3)

Tafsirnya: “Demikianlah Kami (Allah) telah menjadikan kamu umat pertengahan, supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia (tentang apa-apa yang benar dan apa-apa yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi di atas (kebenaran dari apa yang telah) kamu lakukan...”

أُمَّةً وَسَطًا kata al-Qur'an, umat yang berdiri di tengah-tengah untuk menjadi saksi.

Apa makna “menjadi saksi”? Dan apa status saksi?

Ya, menjadi saksi. Dalam mahkamah, saksi itu adalah amat penting. Saksi menjadi neraca keadilan. Tanpa saksi, hakim boleh jadi buntu, mahkamah boleh jadi buntu, tidak dapat berbuat apa-apa. Itulah kepentingan saksi.

Kemudian, berbangkit pula “status” saksi, nilai dan kualiti saksi.

Dalam Islam, status atau nilai atau kualiti saksi itu, adalah tidak boleh berlebihan kurang, tidak boleh ala kadar, tidak boleh! Tetapi saksi dalam Islam adalah wajib yang terbaik lagi bersih, wajib yang ‘adil, wajib yang amanah. Tanpa terbaik lagi bersih, tanpa ‘adil, tanpa amanah, Islam tidak akan terima untuk jadi saksi. *Sorry*, Islam tidak boleh terima.

Ah inilah kedudukan saksi, kepentingan saksi itu. Dan kita, أُمَّةً وَسَطًا, umat yang berada di tengah-tengah telah dilantik oleh Allah untuk menjadi saksi ke atas sekalian manusia, bukan ke atas sesama kita umat Islam sahaja, bukan! Tetapi saksi ke atas sekalian umat, muslimkah mereka ataupun bukan muslim.

Ini lantikan, tidak siapa pun yang berhak mempertikainya. Ini lantikan bukan datang atau dibuat oleh Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam* atau oleh sesiapa jua, tetapi ini lantikan adalah langsung datangnya daripada Allah *Subhanahu Wa Ta‘ala* sendiri, firmanNya:

(3) Al-Baqarah: 143.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى

النَّاسِ ... الآية.

Tafsirnya: (Demikianlah Kami (Allah), telah menjadikan kamu umat pertengahan untuk menjadi saksi ke atas sekalian manusia...).

Saksi bagaimana ini? Macammana hendak digambarkan yang kita umat wasathiyah ini menjadi saksi? Menjadi saksi terbaik dan ter‘adil? Bagaimana?

Mari kita bawakan satu contoh indah, untuk sama-sama kita amati:

Al-Khadyawi ‘Abbas⁽⁴⁾, seorang Penguasa Mesir pada akhir abad ke-19, telah mengaturkan satu perjumpaan di antara pemimpin-pemimpin agama. Maka hadirilah seorang pemuka agama Yahudi, Hakham Al-Yahud dan seorang pemuka agama Nashrani, Al-Batrik. Turut hadir sama ialah pemuka dan ulama terbilang, Asy-Syeikh Muhammad ‘Abduh⁽⁵⁾.

Apabila ketiga-tiga pemimpin agama ini telah mengambil tempat masing-masing, lalu kedengaranlah Al-Khadyawi ‘Abbas berkata:

”أُرِيدُ مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْكُمْ أَنْ يَثْبِتَ لِي أَنَّهُ هُوَ الَّذِي سَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ“

Maksudnya: “*Saya mahu, tiap-tiap seorang daripada kamu hendaklah memberitahu saya, bahawa masing-masing kamu akan masuk syurga*”. (Orang Yahudi masuk syurga, orang Nashrani masuk syurga dan orang Islam masuk syurga).

Mendengar ini, kedua-dua pemimpin agama Yahudi dan Nashrani bertolak-tolakan. Berkata pemimpin agama Yahudi: ”أَرْجُو مِنَ الْبَثْرِيكِ أَنْ يَتَكَلَّمَ أَوَّلًا“ (Saya berharap supaya pemimpin agama Nashrani, Al-Batrik akan bercakap dahulu). Berkata pula Al-Batrik, pemimpin agama Nashrani:

”أَرْجُو مِنَ الْإِمَامِ مُحَمَّدِ عَبْدِهِ أَنْ يَتَكَلَّمَ أَوَّلًا“

(Saya pula berharap agar pemimpin agama Islam Muhammad ‘Abduhlah yang akan bercakap dahulu).

Melihat ini, kepada Muhammad ‘Abduh, Penguasa Al-Khadyawi berkata: ”تَكَلَّمْ يَا إِمَامًا!“ (Cakaplah, wahai Imam!).

⁽⁴⁾ Hidup tahun 1874M-1944M.

⁽⁵⁾ Hidup tahun 1849M-1905M.

Maka berkatalah Imam Muhammad ‘Abduh:

”إِنْ كَانَ الْيَهُودُ سَيَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ فَحَنُّ دَاخِلُوهَا لِأَنَّا آمَنَّا
بِمُوسَى. وَإِذَا كَانَ النَّصَارَى سَيَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ فَحَنُّ دَاخِلُوهَا
لِأَنَّا آمَنَّا بِعِيسَى. وَإِذَا كُنَّا دَاخِلِينَهَا فَلَنْ يَدْخُلَهَا الْيَهُودُ وَلَا
النَّصَارَى لِأَنَّهُمْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِمُحَمَّدٍ.” (6)

Maksudnya: “Sekiranya orang-orang Yahudi masuk syurga, maka, nescaya kami orang-orang Islam juga pasti masuk sama, kerana kami juga adalah beriman dengan kenabian Nabi Musa, (siapa yang diagungkan oleh orang-orang Yahudi). Begitu juga kalau orang-orang Nashrani masuk syurga, maka kami orang-orang Islam pun pasti masuk sama, kerana kami juga beriman dengan kenabian Nabi Isa, (siapa yang diagungkan oleh orang-orang Nashrani). Tetapi...kalau kami orang-orang Islam masuk syurga, maka orang-orang Yahudi dan Nashrani – sama sekali – tidak akan mungkin akan dapat masuk syurga bersama-sama dengan kami, kerana mereka itu tidak beriman dengan kenabian Nabi Muhammad Shallallahu ‘alaihi wasallam.”

Nampak kita, para hadirin! Peristiwa ini adalah satu “penyaksian besar”. Maha Benar Allah yang telah melantik umat Islam ini selaku أُمَّةً وَسَطًا (umat wasathiyah) untuk menjadi saksi di tengah-tengah kelompok seluruh umat manusia tentang kebenaran agama Islam. Al-Imam Muhammad ‘Abduh telah memberikan satu contoh tepat dan jitu tentang kesaksian. Pendekatan beliau ini tidak berbau sentimen atau permusuhan, tetapi semata-mata satu penyaksian, yang asasnya adalah “kebenaran” jua, yang tidak boleh diganggu-gugat atau dipertikaikan lagi.

Dari penyaksian ini membuktikan, bahawa umat Islam adalah umat yang hebat. Membuktikan agama Islam adalah agama yang benar.

Dari penyaksian ini ternyata, وَسَطًا atau wasathiyah itu tidak boleh ditafsir, melainkan hanya dengan makna yang hebat jua: umat yang hebat dengan agamanya yang tertinggi, sebagaimana sabda Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam:

«الْإِسْلَامُ يَعْلو وَلَا يُعْلَى»

Maksudnya: (Agama Islam itu tinggi, lagi tinggi dari itu tidak ada).⁽⁷⁾

⁽⁶⁾ Fadhilah Asy-Syiekh Abdul Hamid Kasyk: *Al-Khutab Al-Minbariyah*, Juz 35.

⁽⁷⁾ Hadits Marfu’, riwayat Ad-Daruquthni. Lihat *Fath Al-Bari Bisyarh Shahih Al-Bukhari*, ms. 584.

Ah ini wasathiyah itu. Ciri-ciri wasathiyah adalah tergolong ke dalam makna: **tertinggi, terbaik, teragung, terunggul, ter'adil, termulia** dan **terutama**. Uagama Islam bukan setakat baik tetapi terbaik. Bukan setakat tinggi tetapi tertinggi. Bukan setakat unggul tetapi terunggul.

Jadi kalau Islam sudah begitu, tentu saja umatnya juga mesti begitu, sebagaimana Allah berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ ... الآية. (8)

Tafsirnya: “Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk (faedah) sekalian umat manusia...”

Ya, memang benarlah dan tepat sekali tafsiran atau definasi yang diberikan oleh para pakar bahasa dan para pakar Ilmu Tafsir terhadap makna “**خَيْرَ** dan **وَسَطًا**” iaitu sebagai terbaik, tertinggi, terunggul, ter'adil dan terutama.

Tetapi, tetapi, amat mengecewakan sekali, tiba-tiba kedengaran, ada orang menafsir dengan tafsiran lain: lain dari tafsiran pakar bahasa dan pakar Ilmu Tafsir. Mereka mentafsir **وَسَطًا** dan **خَيْرَ** itu dengan tafsiran “sederhana”. Ertinya, umat Islam ini adalah umat sederhana dan uagama Islam juga uagama sederhana.

Kemudian, paling mengecewakan lagi, apabila sederhana itu dihurai pula sebagai tidak melampau, sebagai banyak tolak anurnya, banyak mengalahnya, banyak bersedia untuk melayani semua kemahuan atau kehendak, walaupun, apa yang dimahui itu menyalahi akidah atau menjejaskan muruah, demi atas nama Islam uagama sederhana dan umat Islam umat sederhana.

Kita melihat, tafsiran ini sebagai tidak ada kena mengenanya dengan Islam. Islam wasathiyah bukan Islam sederhana. Islam wasathiyah adalah Islam tertinggi, Islam terhebat. Islam wasathiyah bukan menyuruh umatnya lemah, tetapi sabda Nabi:

«الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ» (9)

Maksudnya: “Orang beriman yang kuat adalah lebih baik dan lebih disukai oleh Allah, berbanding orang beriman yang lemah.”

Islam wasathiyah malah menuntut supaya umatnya lebih kuat dan lebih hebat.

(8) Aali 'Emran: 110.

(9) Hadits Abu Hurairah: Lihat *Al-Manhaj Syarh Shahih Muslim*, ms. 220.

Ini terakam dalam ungkapan ayat, Allah berfirman:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ... الآية. (10)

Tafsirnya: “Dan sediakanlah oleh kamu untuk (menentang musuh-musuh kamu yang menceroboh) dari apa saja jenis kekuatan yang termampu oleh kamu dan dari kuda-kuda yang disediakan untuk berperang, supaya kamu dapat menggerunkan musuh Allah dan juga musuh kamu sendiri...”

Ini ayat adalah promosi untuk kuat, bukan untuk lemah. Ini ayat adalah promosi untuk hebat, bukan untuk sederhana atau untuk berlemah-lemah atau mengalah, bukan! Islam adalah Islam. Betul, sifat sederhana sangat dihargai dan digalakkan oleh Islam, tetapi bukan Islamnya yang sederhana itu. Adapun sederhana yang dituntut oleh Islam ialah seperti sederhana dalam perkara makan minum, berfirman Allah:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا... الآية. (11)

Tafsirnya: “Makan dan minumlah kamu tetapi jangan berlebih-lebihan”. Yakni sederhana saja. Atau dalam perkara berbelanja. Firman Allah Ta‘ala:

وَأْتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا
تُبَدِّرْ تَبْدِيرًا... الآية. (12)

Tafsirnya: “Dan berikanlah kepada kaum kerabat haknya dan begitu juga kepada orang-orang miskin dan orang musafir yang keputusan belanja, tetapi jangan sampai membazir”. Mengapa? Kerana:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ... الآية. (13)

Tafsirnya: “Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan.”

Ah ini contoh-contoh sederhana yang dituntut oleh Islam. Bukan Islam yang sederhana itu. Islam tidak boleh ia dipanggil dengan nama sederhana, bukan itu nama Islam. Kalau hendak menamakannya juga, maka sila rujuk firman Allah Ta‘ala:

مَلَّةٌ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا... الآية. (14)

(10) Al-Anfaal: 60.

(11) Al-A‘raaf: 31.

(12) Al-Isra’: 26.

(13) Al-Isra’: 27.

Tafsirnya: “Ugama Nabi Ibrahim (Ugama Islam) yang hanif (hanif ertinya lurus)”. Ah ini Islam itu. Jika mahu memberinya nama juga, maka panggillah ia dengan hanif, Islam hanif, Islam yang lurus, bukan Islam sederhana.

Inilah Islam yang sebenar-benarnya, bukan ia sederhana. Tetapi ia menuntut supaya segala-galanya mesti terbaik. Kalau bekerja mesti bekerja bersungguh-sungguh. Kalau beribadat, beribadatlah bersungguh-sungguh. Bukan sederhana-sederhana. Bukankah Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah memberi gambaran, bahwa dalam beribadat, Baginda itu pernah sembahyang sehingga pecah-pecah kaki. Dan bahkan, kalau meminta kepada Allah, kita disuruh supaya meminta yang terbaik. Kalau meminta syurga, mintalah syurga Firdaus, sabda Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

«...فَإِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ الْفِرْدَوْسَ فَإِنَّهُ أَوْسَطُ الْجَنَّةِ
وَأَعْلَى الْجَنَّةِ...»⁽¹⁵⁾

Maksudnya: (Apabila kamu memohonkan (syurga) kepada Allah, maka pohonlah kepadanya syurga Firdaus, kerana sesungguhnya syurga ini adalah yang paling utama dan paling tinggi).

Para hadirin!

Istilah “sederhana” yang disandarkan kepada Islam, kalau silap-silap, ia mungkin beracun, mampu untuk meracuni kemurnian Islam, mengapa? Kerana dengan istilah ini, kita sebenarnya sedang membuka ruang untuk membolehkan orang melakukan tawar menawar. Harga seratus mungkin ditawarkan 50 atau 70 sahaja dengan alasan untuk mensederhanakan harga. Maka demikian itulah, atas nama sederhana orang akan menawar misalnya, supaya undang-undang Islam disederhanakan sahaja, tak payahlah laksanakan Qanun Hukuman Jenayah Syar‘iah, kita pakai saja undang-undang biasa, cukup. Maka kita pun fikir-fikirlah..., ya, atas nama Islam sederhana, ok, boleh terima, kata kita. Atau hukum halal-haram akan ditawarkan, misalnya hukum hijab (tudung kepala) perempuan muslimah, atas nama Islam sederhana, apa salahnya ia dibuang? Bukankah sudah cukup bagus kalau saya memakai baju kurung, cukuplah! Lalu atas nama Islam sederhana saya pun membuang tudung.

Atau dari perkembangan semasa kini, dunia kita sekarang sedang resah gelisah dengan wujudnya kumpulan tertentu yang mengaku Islam, tetapi digambarkan sebagai berkelakuan ganas dengan membunuh orang-orang yang tidak berdosa. Kumpulan ini juga mendakwa, bahawa apa yang mereka lakukan itu adalah *jihad fii sabilillah*. Lalu oleh mereka yang jahil atau yang kurang ilmu, akan melihat di sini: mungkin saja ada *something wrong* dengan hukum jihad. Makanya tidak mustahil umat Islam akan digesa untuk *revise* balik hukum jihad itu, seperti mana pernah terjadi di India dalam era penjajahan dahulu di mana jihad dianggap sebagai tidak lagi wujud atau telah mansukh.

⁽¹⁴⁾ Al-Baqarah: 135.

⁽¹⁵⁾ Lihat *Fathul Bari Bisyarh Shahih Al-Bukhari*, ms. 87.

Apa orang Islam perlu buat?

Sekarang semua mata dunia tertumpu kepada kumpulan yang dilabel sebagai kumpulan pengganas ini. Siapa sebenarnya mereka? Siapa mereka? Benarkah mereka itu dari golongan muslim? Tetapi dari tindak tanduk mereka, tidak pun menandakan mereka itu muslim, kerana Islam tidak pernah merestui perbuatan seperti yang mereka lakukan, bahkan menegahnya. Tetapi malang sekali, dunia telah pun diyakinkan bahawa mereka itu adalah golongan muslim.

Jadi tidak diragukan lagi, ini adalah satu fitnah dahsyat terhadap Islam. Islam telah difitnah selaku agama yang menaja keganasan, yang membenarkan pengganasan, agama yang tidak peka dengan peri kemanusiaan, agama yang miskin dengan kasih sayang dan miskin dengan sifat belas kasihan. Sedangkan kumpulan-kumpulan hak asasi di seluruh dunia telah melaungkan elemen-elemen kasih sayang dan peri kemanusiaan itu sebagai paksi perjuangan mereka.

Kita orang-orang Islam sayugia berhati-hati dari terperangkap. Kita ini kadang-kadang boleh terperangkap dengan istilah-istilah yang kita cipta sendiri. Misalnya, untuk tujuan mengambil hati atau supaya orang suka kepada kita, ataupun kerana kita tidak mahu dianggap, seperti *extreme* atau melampau atau tidak *moderate*, lalu kita pun – walau tidak diminta – dengan secara sukarela akan menamakan diri kita ini sebagai “sederhana”: umat yang sederhana dan agama Islam juga, agama sederhana.

Kalau betullah penamaan “sederhana” itu kita maksudkan sebagai semata-mata untuk mengambil hati atau supaya orang suka, atau kerana kita takut ditohmah melampau, maka perkara itu adalah sia-sia belaka dan malah merugikan.

Sepatutnya kita tidak perlu gelabah, malah tidak perlu juga untuk mengambil hati, apatah lagi takut ditohmah, tidak perlu! Kerana bukannya Allah dengan terang-terang telah memberitahu kita dalam al-Qur’an, firmanNya:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ⁽¹⁶⁾

Tafsirnya: “Dan orang-orang Yahudi dan Nashrani itu sekali-kali tidak akan redha (tidak akan bersetuju dan suka) kepadamu (wahai Nabi Muhammad) sehinggalah engkau mengikut agama mereka (menukar agama Islam dengan agama mereka).”

Tidakkah ini satu “deklarasi” jelas daripada Allah? Deklarasi ini memberitahu kita umat Islam khususnya, bahawa selama mana umat bernama “Umat Islam” dan agama bernama “Ugama Islam”, maka selama itulah, usah diharapkan yang hati-hati

⁽¹⁶⁾ Al-Baqarah: 120.

di luar Islam akan redha atau bersetuju atau suka kepada umat dan ugama yang bernama Islam itu.

Ini adalah deklarasi Allah, deklarasi bersifat muktamad, yang tidak boleh lagi diubah-ubah atau dipinda-pinda.

Adapun yang penting bagi kita, kalaulah betul ada tohmahan atau tuduhan terhadap Islam dan umat Islam, yang penting bagi kita ialah apa respons kita? Apa respons para pemimpin dan ulama mengenainya? Adakah kita hendak diam-diam sahaja? Atau cukup setakat menafikan yang kita ini tidak terlibat? Atau kita akan cepat-cepat memberitahu dunia: wahai dunia, ugama kami (Islam) adalah ugama sederhana, tidak mungkin ugama sederhana melakukan kerja-kerja melampau atau sebagainya? Adakah ini cukup?

Rasa-rasanya tidak cukup. Tetapi apa yang perlu, kita mesti buktikan dengan fakta. Kita mesti berhujjah dengan alasan, dan semua fakta serta alasan itu hendaklah ditulis dalam buku-buku, dalam kertas-kertas kerja, dalam surat-surat khabar, dalam jurnal-jurnal dan diseminarkan. Dan untuk itu, para kaum cendikiawan Islam dan para ulama di seluruh dunia perlu bangun bersama-sama menyahut cabaran ini. Mereka mesti bercakap, mesti menulis dan menyebarkannya melalui seminar-seminar, sebagaimana contoh, seperti yang kita sedang lakukan pada hari ini.

Inilah “cara” menurut ugama: musuh itu dihadapi ia dengan penerangan-penerangan, dengan debat-debat, dengan hujjah-hujjah, dengan alasan-alasan atau fakta-fakta yang betul lagi bernas. Inilah dia cara, yang dikehendaki oleh Allah sendiri untuk kita melakukannya, sebagaimana firmanNya:

وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ... الآية⁽¹⁷⁾

Tafsirnya: “Dan berdebatlah kamu dengan mereka dengan (mengemukakan hujjah-hujjah dan alasan-alasan) yang terbaik.”

Ya, kita memang tidak wajar bersetuju orang menuduh Islam sebagai kejam, sebagai bengis atau ganas. Dan adalah sangat keliru untuk menyangka Islam itu sebagai miskin kasih sayang, miskin ihsan dan miskin sifat belas kasihan.

Ya, kita perlu buktikan ini dengan hujjah, dengan fakta, bahawa apa-apa yang dituduh atau disangka itu adalah TIDAK betul. Sama sekali TIDAK betul.

Yang betulnya, Islam adalah terkaya dengan sifat peri kemanusiaan, terkaya dengan ihsan, terkaya dengan sifat kasih sayang dan sifat belas kasihan.

Ah ini, kita perlu buktikan ini kepada dunia.

⁽¹⁷⁾ An-Nahl: 125.

Wahai dunia! Silakan tuan-tuan sudi mendengarnya, bahawa Nabi kami, Sayyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* ada memberitahu, bahawa seorang perempuan telah dihumbankan ke dalam api neraka, kerana dia itu mengurung kucing sampai mati⁽¹⁸⁾. Dan sebaliknya, seorang lelaki dimasukkan ke dalam syurga hanya kerana memberi minum seekor anjing yang sedang kehausan⁽¹⁹⁾.

Nah! Nampakkah tuan-tuan, wahai dunia? Inilah Islam itu. Inilah Islam yang menjulang harga peri kemanusiaan, inilah Islam yang menjulang harga kasih sayang dan inilah Islam yang menjulang harga belas kasihan, sehingga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, bersedia, untuk membayarnya dengan syurga.

Ya, nyawa kucing jadi perhitungan, nyawa anjing jadi perhitungan, betapa dengan nyawa manusia? Haiwan perlu dilayani dengan kasih sayang, dengan belas kasihan, betapa manusia?

Mari, mari kita buktikan perkara ini dengan fakta. Silakan kita sama-sama mengamati riwayat ini:

Sayyidina 'Umar Ibnu Al-Khattab *Radhiallahu 'anh* pada suatu ketika telah dikunjungi oleh seorang menterinya. Menteri ini, sebaik-baik sahaja masuk ke dalam rumah Sayyidina 'Umar, dia amat terkejut apabila menyaksikan anak-anak Sayyidina 'Umar sedang bermain-main dengan bapa mereka, 'Umar. Ya 'Umar, *Amirul Mu'minin*, bermain-main dengan anak-anaknya. Mungkin sahaja bentuk permainan itu berupa: 'Umar sedang ditunggang ibarat kuda oleh anak-anak, yang menjadikan si menteri bertambah-tambah lagi naik bingung dan terpinga-pinga.

Melihat ini Sayyidina 'Umar bertanya: “Mengapakah engkau tercengang-cengang atau terpinga-pinga?”

Menteri menjawab menjelaskan:

”عَجِبْتُ لَكَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ مِنْ حَالِكَ مَعَ أَوْلَادِكَ”

(Saya sangat hairan menyaksikan keadaan Tuan dengan anak-anak Tuan, wahai Amirul Mu'minin).

Bertanya Sayyidina 'Umar: ”فَكَيْفَ حَالِكَ مَعَ أَهْلِكَ؟”

(Jadi bagaimana pula keadaanmu sendiri dengan keluargamu?).

Menjawab menteri berterus terang:

⁽¹⁸⁾ Nash Hadits: عذبت امرأة في هرة حبستها حتى ماتت جوعا، فدخلت فيها النار : Lihat *Fath Al-Bari Bisyarh Shahih Al-Bukhari*, ms. 315.

⁽¹⁹⁾ Nash Hadits: أن رجلا رأى كلبا يأكل الثرى من العطش، فأخذ الرجل خفه فجعل يغرف له به حتى أرواه، فشكر الله له، فأدخله الجنة : Lihat *Fath Al-Bari Bisyarh Shahih Al-Bukhari*, ms. 372.

”إِذَا دَخَلْتُ بَيْتِي سَكَتَ الْمُتَكَلِّمُ ، وَاخْتَفَى الظَّاهِرُ ، وَخَشَعَ الْكُلُّ“

(Manakala saya masuk rumah saya, orang yang sedang bercakap-cakap akan diam. Yang sedia ada di situ akan lari dan bersembunyi. (Pendeknya) semua orang adalah tunduk dan takut belaka).

Dalam makna, keluarga menteri ini adalah tidak sama dengan keluarga ‘Umar. Anak-anak menteri tidak pernah bermain-main dengan bapa mereka, si menteri. Semuanya takut, sehingga apabila menteri masuk rumah, orang yang sedang bercakap-cakap pun pasti diam, berhenti dari bercakap, dan yang sedia ada di situ juga akan lari dan bersembunyi, kerana takut.

Mendengar keterangan menteri ini, Sayyidina ‘Umar lalu berkata spontan:

”يَا هَذَا، اعْتَزِلْ عَمَلَنَا!“

(Wahai Menteri, berundurlah kamu dari memegang pekerjaan kami, yakni kamu dipecat sekarang dari jawatan kamu sebagai menteri).

Bertanya menteri: ”وَلِمَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ؟“ (Apakah sebab saya dipecat, wahai Amirul Mu‘minin?).

Berkata ‘Umar:

”إِذَا لَمْ تَكُنْ رَحِيمًا بِأَهْلِ بَيْتِكَ فَلَنْ تَكُونَ رَحِيمًا بِأُمَّةٍ مُحَمَّدٍ. اعْتَزِلْ عَمَلَنَا. إِذَا لَمْ يَكُنْ عِنْدَكَ رَحْمَةٌ بِأَهْلِ بَيْتِكَ فَكَيْفَ تَكُونُ رَحِيمًا بِأُمَّةٍ مُحَمَّدٍ؟ لَا ... لَا ... الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ... ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُمُ مَنْ فِي السَّمَاءِ.“⁽²⁰⁾

Ertinya: “Kalau engkau sudah tidak mempunyai perasaan kasih sayang terhadap ahli keluargamu, maka sama sekali engkau tidak akan dapat mengasihi umat Nabi Muhammad. Oleh itu (elok benarlah) engkau berundur saja dari memegang jawatan dalam pekerjaan kami (jawatan dalam kerajaan). Kerana apabila engkau tidak dapat memberikan kasih sayang kepada keluargamu sendiri, bagaimana mungkin untuk kamu dapat menyayangi umat Nabi Muhammad? Menyayangi rakyat? Tidak mungkin...tidak mungkin...(ingatlah!) Adapun orang-orang yang pengasihannya itu, mereka adalah dikasihani oleh Yang Maha Pengasih. Oleh itu kasihnilah siapa yang di bumi, nescaya kamu akan dikasihani oleh siapa yang di langit.”

Kita camkan baik-baik para hadirin! Sayyidina ‘Umar sampai memecat menterinya, semata-mata kerana si menteri ini tidak pernah bermain-main dengan anak-anaknya, kerana anak-anaknya takut kepadanya dan bahkan seluruh isi keluarganya juga takut kepadanya.

⁽²⁰⁾ Fadhilah Asy-Syeikh Abdul Hamid Kasyk: *Al-Khutab Al-Minbariyyah*, Juz 16.

Sayyidina ‘Umar, melihat perkara ini sebagai satu kekurangan ketara, kekurangan mana sehingga menjadikan si menteri dianggap sebagai tidak layak untuk jadi menteri, tidak boleh kekal untuk menjawat jawatan menteri, semata-mata kerana si menteri tidak mempunyai sifat rahmat, sifat penyayang dan sifat belas kasihan, berdalil, tidak pernah bermain dengan anak-anak sendiri, dan berdalil, tidak siapa pun yang mahu hampir kepadanya kerana takut.

Ah ini, ini harga kasih sayang itu, wahai dunia! Ini harga sifat penyayang, harga sifat belas kasihan dalam Islam, bagaimana mungkin ugama yang macam ini akan membenarkan pengganasan? Tidak mungkin! Tidak mungkin!

Ah, inilah jawapan kami terhadap tohmahan, yang Islam konon-kononnya menaja pengganasan dan Islam konon-kononnya miskin dengan sifat peri kemanusiaan. Kita bertanya: siapakah dalam dunia ini, di Timur mahupun di Barat, yang bersikap seperti ‘Umar dalam menghargai sifat kasih sayang, mengagungkan sifat belas kasihan, sehingga menteri yang tidak memiliki sifat-sifat tersebut, telah dipecat oleh beliau daripada jawatannya.

Ampun beribu ampun, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung limpah kurnia kemaafan jua, sekiranya terdapat sebarang tutur kata yang kurang kena atau sorok langkah di sepanjang pembentangan ini. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية ، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Menjunjung anugeraha.

* * *

INAUGURAL PAPER
WASATIYYAH – THE FOUNDATION OF UNIVERSAL WELLBEING

The Honourable
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
(Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين ، وعلى آله وصحبه
أجمعين ، أما بعد .

In the Audience of His Majesty Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Dipertuan of Brunei Darussalam. Begging your pardon your Majesty.

With deep respect, your loyal subject seeks permission to fulfil the wishes of the Knowledge Convention Steering Committee this year and present the Inaugural Lecture entitled: **“Wasatiyyah – The Foundation of Universal Wellbeing.”** Your loyal subject also seeks permission to use the common language throughout this presentation to facilitate understanding.

Respected audience,

Let us first look at **“wasatiyyah”** and what it is exactly.

Wasatiyyah comes from the word **“وَسَطٌ”**, which, in our language, means: centre or middle. Meanwhile, among language experts⁽¹⁾ and experts in the Science of Interpretation⁽²⁾ the word has been defined as: just, chosen, best, most important, noblest, and highest. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* says:

⁽¹⁾ See Lisan Al-‘Arab, Vol. 7, pg. 426.

⁽²⁾ Possible references: Abu Ja‘afar Muhammad bin Jarir at-Tabari (*Jami‘ al-Bayan ‘An Ta‘wil Aai al-Qur’an*), Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Anšari al-Qurtubi (*Al-Jami‘ Liahkami al-Qur’an*) and al-Imam al-Jalil al-Hafiz ‘Imaduddin Abi al-Fida Ismail bin Katir ad-Demshaqi (*Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*).

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى

النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ... الآية (3)

Interpretation: “Thus We have appointed you a middle nation, that you may be witnesses against mankind, and that the messenger may be a witness against you...”

أُمَّةً وَسَطًا says the Qur’an, an *ummah* [people] that stands in the middle as witnesses.

What does “may be witnesses” mean? And what is the status of the witness?

The witness is very important in court. The witness is the balance of justice. Without a witness the judge may face a stalemate, the court may come to a deadlock, nothing can be done. Such is the importance of the witness.

Next is the issue of the “status”, the value and the quality of the witness.

In Islam, the status or value or quality of the witness is non-negotiable, it cannot be mediocre, it cannot! In Islam it is *wajib* [obligatory] for the witness to be the best, clean, just and trustworthy. If the witness is not the best, not clean, not just and trustworthy then Islam will not accept him as a witness. Sorry, Islam cannot accept.

Ah, this is the position of the witness, the importance of a witness. And we, the أُمَّةً وَسَطًا *ummah* in the middle have been appointed by Allah to be witnesses against all of mankind, not simply against us Muslims, no! Not only against us but witnesses against the whole *ummah*, be they Muslims or non-Muslims.

No one has the right to question this appointment. This appointment did not come from the Prophet Muhammad or from anyone else but it came directly from Allah Himself, who has said:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى

النَّاسِ ... الآية.

(3) Al-Baqarah: 143.

Interpretation: (*Thus We have appointed you a middle nation, that you may be witnesses against mankind...*).

What kind of witnesses? How do we envision ourselves, the *ummah wasatiyyah*, as witnesses? Becoming the best and the most just witnesses? How?

Allow me to quote a beautiful example for us all to ponder upon:

Khedive ‘Abbas⁽⁴⁾, an Egyptian viceroy of the 19th century, had once organised a meeting of religious leaders. In attendance were a Jewish leader, Hakham al-Yahud and a Christian leader, al-Batrik. Also present was the renowned Muslim leader and scholar, ash-Sheikh Muhammad ‘Abduh⁽⁵⁾.

When these three religious leaders took their stand, Khedive ‘Abbas started by saying:

”أُرِيدُ مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْكُمْ أَنْ يَثْبِتَ لِي أَنَّهُ هُوَ الَّذِي سَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ“

Meaning: “*I want every one of you to tell me that each of you will enter paradise*”. (The Jews will enter paradise, the Christians will enter paradise and the Muslims will enter paradise.)

Upon hearing this both the Jewish and the Christian religious leaders started to nudge each other. The Jewish leader said: ”أَرْجُو مِنَ الْبَتْرِيكِ أَنْ يَتَكَلَّمَ أَوَّلًا“ (*I hope the Christian religious leader, al-Batrik, will speak first*). However, al-Batrik, the Christian leader said: ”أَرْجُو مِنَ الْإِمَامِ مُحَمَّدِ عَبْدِهِ أَنْ يَتَكَلَّمَ أَوَّلًا“ (*I hope the Muslim religious leader, Muhammad ‘Abduh, will speak first*).

Upon seeing this, the Khedive said to Muhammad ‘Abduh: ”تَكَلَّمْ يَا إِمَامًا!“ (*Speak O Imam!*).

Imam Muhammad ‘Abduh then said:

”إِنْ كَانَ الْيَهُودُ سَيَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ فَنَحْنُ دَاخِلُوهَا لِأَنَّآ آمَنَّا
بِمُوسَى. وَإِذَا كَانَ النَّصَارَى سَيَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ فَنَحْنُ دَاخِلُوهَا“

⁽⁴⁾ Lived in 1874M-1944M

⁽⁵⁾ Lived in 1849M-1905M.

لَأَنَّا آمَنَّا بِعِيسَى. وَإِذَا كُنَّا دَاخِلِيهَا فَلَنَ يَدْخُلَهَا الْيَهُودُ وَلَا
النَّصَارَى لِأَنَّهُمْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِمُحَمَّدٍ.⁽⁶⁾

Meaning: “Should the Jews enter paradise, then we Muslims will surely enter too because we believe in the prophethood of Prophet Musa [Moses] (whom the Jews honour). Similarly, if the Christians enter paradise, we Muslims will surely enter too because we also believe in the prophethood of Prophet Isa [Jesus], (whom the Christians honour). But if we Muslims enter paradise, the Jews and the Christians will definitely not enter paradise with us because they do not believe in the prophethood of Prophet Muhammad *Šallallahu ‘alaihi wa sallam*.”

Do you see ladies and gentleman? This incident was a “great witnessing”. Most True is Allah, who has appointed the Muslim *ummah* as the *أُمَّةً وَسَطًا* (*ummah wasatiyyah*) to be witnesses to the truth of Islam in the middle of all of mankind. Al-Imam Muhammad ‘Abduh had given a most apt and correct example of a witness. His approach had no trace of sentimentality or animosity, rather it was purely a witnessing based on truth; one that cannot be questioned or shaken.

This witnessing proves that the Muslim *ummah* is a great *ummah*. It proves that Islam is the true religion.

From this witnessing it is clear that *أُمَّةً وَسَطًا* or *wasatiyyah* cannot be defined other than by an equally great meaning: a great *ummah* with the highest religion, as the Prophet *Šallallahu ‘alaihi wa sallam* has said:

«الْإِسْلَامُ يَعْْلُو وَلَا يُعْلَى»

Meaning: (*Islam is the highest, nothing is higher*).⁽⁷⁾

Ah this is *wasatiyyah*. The characteristics of *wasatiyyah* are included within the meanings of: **highest, best, noblest, uppermost, fairest, greatest and most important**. Islam is not merely good, it is the best. It is not merely high but the highest. It is not merely great, but the greatest.

Therefore, if Islam is such, surely its *ummah* must also be the same, as stated by Allah:

⁽⁶⁾ Fadhilah ash-Sheikh Abdul Hamid Kashk: *Al-Khutab al-Minbariyyah*, vol. 35.

⁽⁷⁾ *Hadith Marfu’*, narrated by ad-Daruqutni. See *Fat al-Bari Bisharh Šahih al-Bukhari*, pg. 584.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ ... الآية. (8)

Interpretation: “You are the best community that has been raised up for mankind...”

Yes, the definitions or interpretations given by the language experts and experts in the Science of Interpretation for the meanings of “خَيْرَ” and “وَسَطًا” as the best, the highest, the greatest, the fairest and the most important, are indeed apt and correct.

So it is very disappointing to suddenly hear that some people are rendering the word a different interpretation: an interpretation that is different from that given by the language experts and experts in the Science of Interpretation. They have interpreted وَسَطًا and خَيْرَ as “moderate”. Meaning to say the Muslim *ummah* is an *ummah* that is moderate and Islam too is a moderate religion.

What is most disappointing is when this “moderation” is explained as not extreme, as compromising, giving in, very prepared to entertain all wishes or desires, although these may go against the ‘*aqidah* [faith] or undermine dignity, all in the name of Islam, the moderate religion, and Muslims the moderate *ummah*.

We see this interpretation as alien to Islam. Islamic *wasatiyyah* does not mean a moderate Islam. Islamic *wasatiyyah* is the highest Islam, the greatest Islam. Islamic *wasatiyyah* does not command its *ummah* to be weak; rather the Prophet has said:

«الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ» (9)

Meaning: “The stronger believer is better and more beloved to Allah than the weak believer.”

Islamic *wasatiyyah* in fact demands that its *ummah* becomes stronger and greater.

This is implicit in the verse in which Allah says:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ

تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ... الآية. (10)

(8) Aali ‘Emran: 110.

(9) *Hadith* of Abu Hurairah: See *al-Manhaj Sharh Sahih Muslim*, pg. 220.

Interpretation: “Make ready for them all you can of (armed) force and of horses tethered, that thereby you may dismay the enemy of Allah and your enemy...”

This verse is an endorsement for Muslims to be strong, not weak. This verse is an encouragement to be great, not moderate or soft or yielding, no! Islam is Islam. It is true that moderation is very much valued and encouraged in Islam, but it is not the Islam itself that is moderate. The moderation that is enjoined by Islam is for example, moderation in eating and drinking. Allah says:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ... الآية. (11)

Interpretation: “Eat and drink, but be not prodigal...” meaning (eat and drink) in moderation or in spending. Allah Ta’ala says:

وَأَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا
تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ... الآية. (12)

Interpretation: “Give the kinsman his due, and the needy, and the wayfarer, and squander not (your wealth) in wantonness.”

Why? Because:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ... الآية. (13)

Interpretation: “Lo! The squanderers were ever brothers of the devils.”

Ah! These are examples of the kind of moderation enjoined in Islam. It is not the Islam that is moderate. Islam cannot be called moderate; that is not the name for Islam. If one insists on naming it then please refer to the words of Allah Ta’ala:

مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا ... الآية. (14)

Interpretation: “The religion of Abraham (Islam), the upright”.

(10) Al-Anfaal: 60.

(11) Al-A’raaf: 31.

(12) Al-Isra’: 26.

(13) Al-Isra’: 27.

(14) Al-Baqarah: 135.

Ah! This is Islam. If we must give it a name then just call it *hanif*, the Islam that is *hanif*, the Islam that is upright, not the Islam that is moderate.

This is the true Islam, it is not moderate, rather it demands that everything must be at its best. When working, one must work diligently. When worshipping, do so assiduously, not moderately. Has not the Prophet *Ṣallallahu 'alaihi wa sallam* illustrated to us that in worship he prayed until his feet cracked? In fact, even when asking from Allah we have been told to ask for the best. If asking for paradise, ask for Firdaus paradise. The Prophet *Ṣallallahu 'alaihi wa sallam* has said:

«...فَإِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ الْفِرْدَوْسَ فَإِنَّهُ أَوْسَطُ الْجَنَّةِ
وَأَعْلَى الْجَنَّةِ...»⁽¹⁵⁾

Meaning: When you ask Allah (for paradise) ask for Firdaus paradise because it is the best and the highest paradise.

Respected audience!

The term “moderate”, if erroneously attributed to Islam, may be toxic and capable of poisoning the purity of Islam; why? Because with this term we are actually giving people room, thus enabling them to negotiate. They will negotiate from one hundred to 50 or 70, on the pretext of moderating the rate. Similarly, in the name of moderation people will negotiate, for example, that Islamic law should just be made moderate, there is no need to implement the Shar‘iah Criminal Penal Code, we can just implement ordinary laws and they are sufficient. So we start to think....yes, in the name of moderate Islam, ok, acceptable, we say. Or the *halal-haram* rulings will be negotiated and bargained, for example the ruling on the Muslim women’s *hijab* (head covering); in the name of moderate Islam what’s the harm in removing it? Isn’t it good enough that I wear the *baju kurung*, that should be sufficient! And so, in the name of moderate Islam I discard the head covering.

Meanwhile, our world has become restive due to recent developments and the existence of certain groups that declare themselves Muslims but are perpetrating acts of violence and murdering the innocent. These groups also claim that what they do is *jihād fī sabilillah*. The ignorant or less knowledgeable will then look at this and conclude: perhaps there is something wrong with the ruling on *jihād*. It is therefore probable that Muslims will be exhorted to revise the *jihād* ruling. This was what happened in India during the colonisation era when *jihād* was considered inexistent or abrogated.

⁽¹⁵⁾ See *Fatul Bari Bisharh Ṣahih al-Bukhari*, pg. 87.

What should the Muslims do?

All eyes are now on those groups labelled terrorists. Who are they? Are they really Muslims? Their behaviour does not indicate that they are Muslim because Islam has never approved of the kind of actions they have committed, in fact Islam forbids it. Unfortunately however, the world has been made to believe that these people are from among the Muslims.

Therefore, there can be no doubt that this is a terrible *fitnah* against Islam. Islam has been made out to be a religion of violence, a religion that tolerates terrorism, a religion that does not care about humanitarianism, one that lacks love and compassion. Meanwhile, human rights groups all over the world are loudly proclaiming elements of love and humanitarianism as the cornerstone of their crusade.

We Muslims should be careful lest we fall into the trap. Sometimes we may find ourselves entrapped by the terms that we have coined. For example, in order to win people over, so that they will like us, or because we do not want to be considered as extremists or fanatics, or not moderate, we call ourselves - without being asked to - we voluntarily refer to ourselves as “moderate”: an *ummah* that is moderate and a religion - Islam – that is also moderate.

If by labelling ourselves as “moderate” we are indeed merely seeking approval from others or because we fear being accused of extremism then we have acted in vain, in fact it is our loss.

We should not panic, we need not be offended, much less fear, of being accused, it is unnecessary! Has not Allah clearly informed us in al-Qur’an, by His words:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ⁽¹⁶⁾

Interpretation: “And the Jews will not be pleased with you, nor will the Christians, till you follow their creed.”

Is not this a clear “declaration” from Allah? This declaration tells us Muslims that for as long as the *ummah* is called the “Muslim *ummah*” and the religion is called the “Religion of Islam”, then we should not expect hearts that are outside of Islam to be pleased with us, or to agree with us, or to like the Muslim *ummah* and this religion called Islam.

⁽¹⁶⁾ Al-Baqarah: 120.

This is a declaration from Allah, it is a final declaration that cannot be altered or amended.

If indeed there are accusations or allegations against Islam and Muslims then what we should be concerned with is how we should respond. What is the response of the leaders and the scholars to this issue? Are we to remain silent? Or should we Muslims simply deny any involvement? Should we rush to tell the world: O world, our religion (Islam) is a religion of moderation and it is impossible for a moderate religion to commit extremism and such? Is this sufficient?

I doubt it is. What is important is that we must prove it with facts. We must argue with reasons and all these facts and reasons should be written in books, working papers, newspapers and journals, and discussed in seminars. And, for this, the Muslim scholars and intellectuals the world over need to rise and take up the challenge together; they must speak, write and then propagate through seminars, just as we are doing here today.

This is the “method” that is in accordance with the religion: confront the enemy with facts and explanations, with debates and arguments, with reasons that are correct and evidentially supported. This is the way Allah Himself wants us to act, as seen in His words:

وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ... الآية⁽¹⁷⁾

Interpretation: “*And reason with them in the better way.*”

It is indeed insensible for us to agree with accusations of Islam being cruel, harsh or violent. It is a grave error to suspect Islam of being devoid of love, kindness and compassion.

Yes, we need to prove this with arguments, with facts, that all of these accusations and suspicions are NOT true. They are completely UNTRUE.

The truth is, Islam is replete with humanitarianism, kindness, love and compassion.

Ah this, we need to prove this to the world.

O world! If you would care to listen sirs, our Prophet, Sayyidina Muhammad *Šallallahu ‘alaihi wa sallam* once said that a woman was thrown into hell for

⁽¹⁷⁾ An-Nahl: 125.

confining a cat until it died⁽¹⁸⁾. Conversely, a man was admitted to paradise simply for giving a thirsty dog a drink⁽¹⁹⁾.

See! Do you see O world? This is Islam. This is the Islam that has raised the price of humanitarianism, this is the Islam that has raised the value of love and this is the Islam that has raised the worth of compassion to the extent that Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* is prepared to compensate with paradise.

Yes! The life of a cat is taken into consideration, the life of a dog is taken into consideration, what about the life of a human being? If animals need to be treated with love and compassion more so human beings!

Come. Come, let us provide factual proof. Let us reflect on this incident together:

Sayyidina 'Umar Ibnu Al-Khattab *Radhiallahu 'anhu* was once approached by one of his ministers. Upon entering the house of Sayyidina 'Umar the minister was shocked to see the children of Sayyidina 'Umar playing with their father. Yes, 'Umar, the *Amirul Mu'minin*, was playing with his children. It was very probable that 'Umar was playing horse with his children 'riding' on his back. The scene was both shocking and perplexing to the minister.

Upon seeing his confusion Sayyidina 'Umar asked: "Why are you bewildered?"

The minister replied: "عَجِبْتُ لَكَ مِنْ حَالِكَ مَعَ أَوْلَادِكَ". (*I am astounded to see how you are with your children*).

Sayyidina 'Umar asked: "فَكَيْفَ حَالِكَ مَعَ أَهْلِكَ؟" (*How are you with your family?*).

The minister candidly replied:

”إِذَا دَخَلْتُ بَيْتِي سَكَتَ الْمُتَكَلِّمُ ، وَاخْتَفَى الظَّاهِرُ ، وَخَشَعَ الكُلُّ“

(*If I enter my house the one who is speaking will be silent and those present will run and hide. (Basically) everyone is submissive and afraid*).

⁽¹⁸⁾ *Našš Hadīth*: عذبت امرأة في هرة حبستها حتى ماتت جوعا، فدخلت فيها النار : See *Fat al-Bari Bisharh Šahih al-Bukhari*, pg. 315.

⁽¹⁹⁾ *Našš Hadīth*: أن رجلا رأى كلبا يأكل الثرى من العطش، فأخذ الرجل خفه فجعل يغرف له به حتى أرواه، فشكر الله له، فأدخله الجنة : See *Fat al-Bari Bisharh Šahih al-Bukhari*, pg. 372.

This means that the minister's family was different from that of 'Umar's. The minister's children did not play with their father, the minister. They were all afraid to the extent that when the minister entered the house, those who were talking would keep quiet, they would stop talking and those who were there would run and hide, out of fear.

Upon hearing this Sayyidina 'Umar spontaneously said: "يَا هَذَا، اعْتَزِلْ عَمَلَنَا!" (O Minister, withdraw from your post, i.e. you are dismissed from your post of minister).

The minister asked: "وَلِمَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ؟" (Why am I dismissed O Amirul Mu'minin?).

'Umar said:

"إِذَا لَمْ تَكُنْ رَحِيمًا بِأَهْلِ بَيْتِكَ فَلَنْ تَكُونَ رَحِيمًا بِأُمَّةٍ مُحَمَّدًا. اعْتَزِلْ عَمَلَنَا. إِذَا لَمْ يَكُنْ عِنْدَكَ رَحْمَةٌ بِأَهْلِ بَيْتِكَ فَكَيْفَ تَكُونُ رَحِيمًا بِأُمَّةٍ مُحَمَّدًا؟ لَا ... لَا ... الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ... ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُمُ مَنْ فِي السَّمَاءِ."⁽²⁰⁾

Meaning: "If you are not compassionate towards your own family members, you will not be compassionate towards the ummah of Prophet Muhammad. Therefore (it is best) you withdraw from your post (in the government). Because if you do not have compassion for your family how can you be compassionate towards the ummah of Prophet Muhammad? Love the people? No... it is not possible ... (remember!) The merciful are loved by the Most Merciful. Therefore have mercy on whoever is on earth that you may be shown mercy by whoever is in the sky."

Let us ponder over this ladies and gentlemen! Sayyidina 'Umar went to the extent of sacking his minister simply because the minister had never played with his children, because his children were afraid of him, in fact his whole household feared him.

Sayyidina 'Umar viewed the matter as a serious flaw, a fault that rendered the minister unqualified for the post of minister. He could not continue to hold the ministerial post simply because he did not have compassion, he was not loving and compassionate and no one wanted to be near him, not even his own children.

Ah this is it, this is the value of love O world! This is the value of being loving and compassionate in Islam. How can it ever be possible for such a religion to tolerate terrorism? Impossible! It is just impossible!

⁽²⁰⁾ Fadhilah ash-Sheikh Abdul Hamid Kashk: *Al-Khutab al-Minbariyyah*, vol.16.

Ah, this is our response to the accusation that Islam is allegedly supporting terrorism and that Islam is purportedly devoid of humanitarianism. We ask: Who on earth - in the East or in the West - is akin to 'Umar in appreciating love and honouring compassion to the extent of sacking an uncompassionate minister from his post?

Begging your pardon your Majesty, your humble servant seeks forgiveness for any error or impropriety throughout this presentation.

وبالله التوفيق والهداية ، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Honouring the bestowal.

* * *

MAZHAB-MAZHAB FIQH & PENGUKUHAN DASAR-DASAR WASATIAH¹

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia
Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin,
Ketua Hakim Mahkamah Rayuan

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menyingkap bagaimana al-madzahib al-fiqhiyyah itu berperanan dalam memperkasakan tonggak al-wasathiyyah. Maka sebagai pencerahan kepada tujuan tersebut, di dalam kertas kerja ini akan dijelaskan apakah mafhum al-wasathiyyah yang sebenar dalam ajaran Islam itu. Seterusnya akan menonjolkan inti-inti ajaran Islam yang boleh memperlihatkan ciri-ciri wasathiyyah Islam, sekaligus menepis dakwaan-dakwaan yang mempersoalkan kesesuaian Islam dengan pemikiran tersebut. Dalam usaha itu, akan diketengahkan sumbangan al-madzahib al-fiqhiyyah dalam mendokong dan memperkasa nilai-nilai al-wasathiyyah khususnya berkaitan peranannya dalam memberikan gambaran dan penjelasan tepat mengenai pandangan dan ajaran Islam yang sebenar. Maka dalam hal berkaitan, penulis akan mengetengahkan isu-isu berkaitan jihad, takfir, dan hukuman irtidad yang telah dibahas oleh ulama-ulama madzahib fiqh Ahli Sunnah wal Jama'ah yang berupaya melestarikan wasathiyyah Islam dan mampu menepis tohmahan pihak-pihak yang memusuhi Islam. Di akhir kertas kerja ini akan dikongsikan pengalaman bagaimana Negara Brunei Darussalam mempraktikkan dan menerapkan teori bermazhab yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan oleh Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin dalam Seminar Majlis Ilmu 2015 dengan tema **Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat** bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada 27 Muharram 1437H bersamaan 09 November 2015M

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَقَّهَ فِي الدِّينِ مَنْ أَرَادَ ، وَجَعَلَ الْأَفْهَامَ أَرْزَاقًا تُقَسَّمُ بَيْنَ الْعِبَادِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ الْهَادِي إِلَى سَبِيلِ الرَّشَادِ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْمَعَادِ ، أَمَّا بَعْدُ

Pendahuluan

Isu-isu ehwal semasa masih memaparkan perbincangan-perbincangan mengenai Islam dan apa pandangannya terhadap *wasathiyyah*. Di satu pihak, sering ditonjolkan Islam sebagai agama yang menjunjung tinggi nilai kasih sayang dan keamanan, dalam masa yang sama menolak unsur-unsur ekstremisme dan keganasan.

Namun, keganasan demi keganasan yang berlaku dewasa ini di merata penjuru dunia kerap kali pula dikaitkan dengan nama Islam. Dikatakan bahawa Islam mengkompromi unsur-unsur ekstremisme dan keganasan dalam sesetengah ajarannya sendiri.

Bertolak daripada itu, kertas kerja ini akan menjelaskan pertama sekali apakah pandangan Islam mengenai hakikat *wasathiyyah* yang sebenar. Seterusnya, akan ditonjolkan inti-inti ajaran Islam yang dapat memperlihatkan ciri-ciri *wasathiyyah* Islam, sekaligus menepis dakwaan-dakwaan yang mempersoal kesesuaian Islam dengan pemikiran berkenaan. Dalam usaha tersebut, akan diketengahkan sumbangan *al-madzahib al-fiqhiyyah* dalam menyokong dan memperkasa nilai-nilai *wasathiyyah* khususnya berkaitan peranannya dalam memberikan gambaran dan penjelasan yang tepat mengenai pandangan dan ajaran Islam yang sebenar.

1 Definisi Kata Kunci

2.1 Pengertian *al-Madzahib al-Fiqhiyyah*

Al-Madzahib adalah kata jamak bagi perkataan *madzhab* (dalam bahasa Melayu disebut ‘mazhab’). *Madzhab* terbit daripada kata dasar *dzahaba* (ذهب); dari segi bahasa bererti pergi atau berlalu. Adakalanya ia juga diertikan sebagai berpendapat. Sebagai contoh, apabila seseorang mengambil pendapat orang lain, maka akan dikatakan “ذهب فلان إلى قول فلان”, ertinya *si fulan itu telah berpendapat dengan pendapat si fulan*.²

Berdasarkan pengertian di atas, *madzhab* telah diertikan pula sebagai *jalan* yang ditempuh atau yang dilewati. Ia juga diertikan sebagai *destinasi* yang dituju oleh seseorang, sama ada

² Majma‘ al-Lughah al-Arabiah bi al-Qahirah, *al-Mu‘jam al-Wasith*, Dar ad-Da‘wah, t.tpt, t.t, jil. 1, hlm. 316

destinasi yang bersifat material atau bukan material.³ Inilah pengertian yang mendekati maksud istilah mazhab di sisi para ulama’.

Menurut istilah para ulama’, *madzhab* bererti himpunan pendapat atau teori ilmiah dan falsafah yang berhubungkait antara satu sama lain menjadikannya suatu kesatuan yang erat.⁴ Dalam ilmu kalam, sebagai contoh, *madzhab* digunakan bagi merujuk manhaj yang digunakan oleh ulama’ ahli kalam dalam usaha mereka mendapatkan keterangan-keterangan berkaitan perkara aqidah. Sesiapa yang menggunakan manhaj mereka dalam *beristidlal*, maka dikatakan mereka itu telah mengikut mazhab ulama’ ahli kalam berkenaan.

Dalam ilmu Fiqh, *madzhab* adalah satu manhaj *fiqhiy* yang digunakan oleh seorang ulama’ *mujtahid* di mana manhaj *fiqhiy* berkenaan mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam mengenalpasti sejumlah hukum dalam masalah-masalah *furu’* (cabang agama).⁵ Ad-Dardir *rahimahullah* tatkala menerangkan perihal mazhab Imam Malik berkata: “*Madzhab Malik, sebagai contoh, adalah ungkapan yang menunjukkan jalan (manhaj) yang digunakan dalam menghasilkan hukum-hukum yang diijtihadkan.*”⁶

Secara umumnya telah difahami bahawa apabila seorang ulama’ yang berpangkat *mujtahid* mengeluarkan hukum-hukum berdasarkan ijtihadnya daripada al-Qur’an, as-Sunnah dan lain-lain sumber perundangan Islam yang diiktiraf, maka hasil ijtihad dan pemikirannya itu dinamakan sebagai *madzhabnya*. Hasil ijtihad Imam asy-Syafi’i *rahimahullah*, sebagai contoh, dinamakan *madzhab* atau mazhab Syafi’i. Hasil ijtihad Imam Malik *rahimahullah* dinamakan mazhab Maliki dan seterusnya.⁷

Perlu dijelaskan bahawa *al-madzahib al-fiqhiyyah* yang dimaksudkan dalam konteks perbincangan ini ialah mazhab Hanafi, Maliki, Syafi’i dan Hanbali sahaja semata-mata kerana keberadaan keempat-empat mazhab tersebut dalam lingkungan Ahli Sunnah wal Jama’ah. Inilah juga mazhab *jumhur* para ulama’ dan majoriti umat Islam masa kini. Tetapi bukan kerana itu sahaja, pemusatan *al-madzahib al-fiqhiyyah* kepada empat mazhab ini adalah juga disebabkan ciri-ciri yang dimiliki dan keistimewaan-keistimewaannya yang tersendiri, sebahagiannya akan diketahui pada keterangan yang menyusul kemudian.

2.2 Pengertian Wasathiyah

Wasathiyah berasal daripada perkataan Arab *wasath* (وسط). Dari segi bahasa, ia mempunyai beberapa pengertian yang berhampiran maknanya antara satu sama lain.

³ Ibid., hlm. 317

⁴ Ibid

⁵ Umar Sulaiman Abdullah al-Asyqar (Dr.), *al-Madkhal ila Dirasat al-Madzahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*, Dar an-Nafa’is, Jordan, Cetakan ketiga, 2003, hlm. 49-50

⁶ Muhammad bin Ahmad bin ‘Arfa’ ad-Dusuqi al-Maliki, *Hasyiah ad-Dusuqi ‘ala Syarh al-Kabir*, Dar al-Fikr, t.tpt, t.t, jil. 1, hlm. 19

⁷ K.H. Sirajuddin Abbas, *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi’i*, Pustaka Tarbiyah, Jakarta, cet. ketujuh, 1995, hlm. 52-53

Selain bererti *pertengahan* iaitu sebagai pengertiannya yang paling menonjol, *wasath* juga membawa erti *keadilan*. Di kalangan orang-orang Arab sering diucapkan bahawa orang yang paling adil itu ialah siapa yang paling seimbang atau yang berada di tengah-tengah.⁸

Al-Qamus al-Muhith antaranya telah menyatakan bahawa *wasath* bagi sesuatu perkara itu ialah yang paling adil antara kesemuanya.⁹

Selain daripada itu, *wasath* juga bererti *pilihan yang baik* (الخيار). Al-Fairuzabadi umpamanya menyatakan bahawa *ummatan wasathan* dalam firman Allah Ta'ala (وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا) telah diertikan sebagai umat yang adil lagi terpilih.¹⁰

Ibnu Atsir pula menyatakan bahawa apabila dikatakan seseorang itu sebagai yang *awsath* daripada kalangan kaumnya, bermakna dialah yang *terbaik* antara mereka.¹¹

Dari segi pemakaian ungkapan *wasath* di sisi syara', pengertiannya pada dasarnya tidak terkeluar daripada pengertiannya daripada segi bahasa. Hal ini diterangkan dalam al-Qur'an dan hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri.

Firman Allah Ta'ala:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

(سورة البقرة: 143)

Tafsirnya: *Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia (tentang yang benar dan yang salah).*

(Surah al-Baqarah: 143)

Tafsiran ayat di atas ada diberikan dalam hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Abu Sa'id al-Khudriy *radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

«يُدْعَى نُوحٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيَقُولُ: لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ يَا رَبِّ، فَيَقُولُ: هَلْ بَلَغْتَ؟ فَيَقُولُ: نَعَمْ، فَيُقَالُ لِأُمَّتِهِ: هَلْ بَلَغَكُمْ؟ فَيَقُولُونَ: مَا أَتَانَا مِنْ نَذِيرٍ، فَيَقُولُ: مَنْ يَشْهَدُ لَكَ؟ فَيَقُولُ: مُحَمَّدٌ وَأُمَّتُهُ، فَتَشْهَدُونَ أَنَّهُ قَدْ

⁸ Abu al Husain Ahmad Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Dar al Fikr, t.tpt., 1399/1979, jil. 6, hlm. 108

⁹ al-Fairuzabadi, Majd ad-Din Abu Thahir Muhammad bin Ya'qub, *al-Qamus al-Muhith*, Maktab Tahqiq at-Turats fi Muassasah ar-Risalah, t.tpt, 1426H/2005M, hlm. 691

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibn al-Atsir, Majd ad-Din Abu as-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad Ibn Abdul Karim asy-Syaibani al-Jazari, *an-Nihayah fi Gharib al-Hadits wa al-Atsar*, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Beirut, 1399H/1979M, jil. 5, hlm. 184

بَلَّغَ: {وَيَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا} [البقرة: 143] فَذَلِكَ قَوْلُهُ جَلَّ ذِكْرُهُ: {وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا} [البقرة: 143] " وَالْوَسْطُ: الْعَدْلُ. »

(متفق عليه واللفظ للبخارى)

Maksudnya: *Nabi Nuh 'alaihissalam dipanggil pada hari Kiamat, lalu dia menjawab, "Ya Tuhanku! Aku datang dan aku memenuhi seruan-Mu"*

Allah bertanya kepadanya, "Adakah engkau telah menyampaikan risalah?"

Baginda menjawab, "Ya, sudah."

Lalu ditanyakan kepada umat Baginda, "Apakah dia telah menyampaikan kepada kamu sekalian?"

Mereka menjawab, "Tidak ada pemberi peringatan yang datang kepada kami."

Allah bertanya, "Siapa yang menjadi saksi?"

Nabi Nuh menjawab, "Muhammad dan umatnya."

Lalu mereka (umat Muhammad) memberi kesaksian bahawa Nabi Nuh 'Alaihissalam benar-benar telah menyampaikan risalah.

Maka oleh sebab itu turunlah firman Allah Ta'ala yang tafsirnya: "Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia (tentang yang benar dan yang salah)" (Surah al-Baqarah: 143)

Al-wasath itu adalah adil.

(Muttafaq 'alaihi)

Al-Hafizh Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* menerangkan bahawa pengertian *al-wasath* yang terkandung dalam hadits di atas telah diberikan sendiri oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, bukannya diambil daripada kata-kata periwayat hadits berkenaan.¹²

Ibn Katsir *rahimahullah* telah menyatakan bahawa para sahabat seperti Ibnu Abbas, Mujahid, Sa'id bin Jubair, 'Ikrimah, Muhammad bin Ka'ab, ar-Rabi' bin Anas, adh-Dhahhak dan Qatadah *radhiallahu 'anhum* juga telah mentafsirkan (أوسطهم) sebagai orang yang paling adil

¹² al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadhl, *Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1379H, jil. 8, hlm. 172

dan terbaik.¹³ Al-Imam ath-Thabari *rahimahullah* pula menerangkan bahawa *al-wasath* dalam ungkapan orang-orang Arab adalah juga الخيار iaitu pilihan yang terbaik. Demikian pula, secara takwilan, pilihan yang terbaik itu pastilah juga yang paling adil antara kesemuanya.¹⁴

Al-Imam ath-Thabari *rahimahullah* selanjutnya menerangkan bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menyifatkan umat Nabi Muhammad sebagai *ummatan wasathan* kerana keadilan mereka dalam perkara agama. Umat Nabi Muhammad, sebagai contoh, tidak melampaui batas (غلو) sebagaimana keadaan kaum Nashrani yang berlebih-lebihan memencilkan diri ketika melakukan ibadah dan juga disebabkan oleh pandangan mereka yang melampau mengenai Nabi Isa *'alaihissalam*. Di sisi yang lain, umat Nabi Muhammad juga tidak cuai sebagaimana keadaan kaum Yahudi yang telah melakukan pindaan terhadap kitab Allah, membunuh nabi-nabi dan melakukan pedustaan terhadap Tuhan mereka.¹⁵

Umat Islam tidak seperti itu, bahkan umat Islam adalah yang pertengahan dan paling seimbang dalam ertikata Islam dari satu sudut menolak unsur-unsur ekstremisme dan sikap melampaui batas (*ghuluw* dan *ifrath*) dan dari sudut yang lain juga tidak menerima sikap berlebih-lebihan apabila menolak sesuatu atau secara berlebihan memandang ringan apa jua perkara (*jafa'* dan *tafrith*).

Wasathiyyah Islam, bagaimanapun, tidak dibataskan kepada pengertian dari segi bahasa semata-mata atau penilaian logik manusia yang sangat terhad. Membataskannya kepada elemen-elemen tersebut akan mendedahkannya kepada tafsiran-tafsiran yang dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling, kebiasaan dan konteks tertentu oleh pihak-pihak yang mempunyai apa pun sahaja tujuan dan kepentingan yang tertentu.¹⁶

Sering kali sahaja berlaku, apabila *wasathiyyah* ditafsirkan tanpa sumber dan manhaj yang mu'tabar, pada awalnya ia dicanangkan sebagai pemikiran atau satu konsep yang mempromosikan unsur-unsur kesederhanaan atau keseimbangan, tetapi kesudahannya menjadi sandaran untuk meringan-ringankan atau mempermudah-mudahkan tuntutan-tuntutan agama. Bukan ini yang dikehendaki daripada *wasathiyyah* Islam.

Pengertian *wasathiyyah* di sisi syara' menunjukkan bahawa ia bukanlah sesuatu yang asing dengan agama Islam, sebaliknya merupakan sebahagian daripada ajaran Islam itu sendiri

¹³ Ibn Katsir, Abu al-Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir al-Qurashi al-Bashri Tsumma ad-Dimasyqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim*, Dar Thayyibah li an-Nashr wa at-Tauzi', t.tpt, Cetakan kedua, 1420H/1999M, jil. 8, hlm. 196

¹⁴ Abu Ja'far ath-Thabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Katsir bin Ghalib al-Amali, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Muassasah ar-Risalah, t.tpt, 1420H/2000M, jil. 3, hlm. 142

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ali Muhammad Muhammad ath-Thullabi (Dr.), *al-Wasathiyyah fi al-Qur'an al-Karim*, Maktabah at-Tabi'in, Kaherah, Mesir & Maktabah ash-Shahabah, Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Cetakan Pertama, 2011 hlm. 33-34

yang matlamatnya ialah kebenaran (الحق) dan jalan yang lurus (الصراط المستقيم).¹⁷ *Wasathiyyah* Islam tidak berfokus kepada longgar atau sempitnya sesuatu perkara dan tidak juga bermaksud kesederhanaan semata-mata. Sebaliknya, apa jua perkara yang hendak dikaitkan dengan pemikiran *al-wasathiyyah*, maka ia hendaklah bertepatan dengan kehendak syara' dan ajaran Islam tanpa perlu menjadikan penilaian manusia sebagai sukat-sukat yang utama.

Jelasnya, sekalipun apabila *wasathiyyah* itu hendak dijadikan suatu idealisme dengan konsep-konsepnya yang tersendiri, pengertian asas, tafsiran-tafsiran dan sukat-sukatnya mestilah diambil daripada sumber yang mu'tabar, puncaknya tidak lain daripada al-Qur'an dan as-Sunnah sendiri. Sebagaimana dijanjikan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, berpegang kepada al-Qur'an dan as-Sunnah adalah jaminan supaya apa jua perkara yang hendak dilakukan akan berada pada landasan yang benar.

Malik bin Anas *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa telah disampaikan kepada beliau sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

«تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا مَسَكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ».

(رواه مالك)

Maksudnya: *Aku tinggalkan untuk kamu dua perkara, kamu sekali-kali tidak akan tersesat selama kamu masih berpegang kepada keduanya iaitu Kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah NabiNya.*

(Hadits riwayat Imam Malik)

2 Al-Madzahib al-Fiqhiyyah Pemangkin Wasathiyyah Islam

Jika *wasathiyyah* perlu diambil daripada sumber-sumber yang mu'tabar, *al-madzahib al-fiqhiyyah* adalah saluran yang diperlukan untuk menyingkap dan mengungkap apa yang terkandung dalam sumber-sumber berkenaan khususnya dalam perkara-perkara berkaitan ilmu Fiqh dan perundangan Islam.

Telah diterangkan oleh para ulama' bahawa kerja-kerja menggali hukum secara langsung daripada al-Qur'an dan as-Sunnah serta lain-lain sumber perundangan Islam adalah keistimewaan yang khusus bagi imam-imam yang bergelar *al-mujtahidin*. Golongan

¹⁷ *Wasathiyyah* dan *ash-shirath al-mustaqim* boleh dihubungkan antara satu sama lain dalam banyak aspek. Antaranya telah dinyatakan oleh kebanyakan ahli tafsir bahawa huruf الكاف dalam firman Allah Ta'ala (وكذلك جعلناكم أمة وسطا) adalah huruf penghubung bagi keterangan ayat sebelumnya iaitu firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Baqarah ayat 142 (يهدى من يشاء إلى صراط مستقيم). Perkara ini antara lain menunjukkan bahawa sebagaimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjadikan umat Nabi Muhammad sebagai umat yang berada pada jalan yang lurus, mereka juga merupakan umat yang adil dan pilihan yang terbaik. (Lihat Ibn 'Ashur, asy-Syeikh Muhammad ath-Thahir, *at-Tahrir wa at-Tanwir*, Dar Sahnun li an-Nashr wa at-Tauzi', Tunisia, 1997 hlm 15, jil. 2)

berkenaan merupakan ulama'-ulama' besar yang telah memenuhi syarat untuk berjihad. Keilmuan, akhlak dan 'adalah mereka bukan lagi menjadi perkara yang dipertikai.

Tatkala kewujudan imam-imam *mujtahid* pada masa kini menjadi hal yang diperselisihkan, peranan menjelaskan hukum daripada sumbernya telah diwariskan kepada *al-madzahib al-fiqhiyyah*. Sebagaimana diterangkan, *al-madzahib al-fiqhiyyah* adalah manhaj atau aliran pemikiran yang asasnya telah dibangunkan oleh imam-imam *al-mujtahidin* sendiri. Namun, bukan setakat disebabkan oleh usaha-usaha imam-imam pengasas mazhab secara individu, *al-madzahib al-fiqhiyyah* juga kukuh bertahan disebabkan hasil sumbangan barisan anak-anak didik dan ulama'-ulama' pengikut yang tidak kurang hebatnya.

Syeikh asy-Sya'rani *rahimahullah* telah menyatakan bahawa sebagaimana hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berperanan mentafsirkan al-Qur'an, ulama'-ulama' *mujtahid muthlaq* yang terdiri daripada imam-imam mazhab seperti Imam Abu Hanifah, Imam asy-Syafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahumullah* berperanan pula menjelaskan makna hadits-hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* itu. Kemudian dalam mazhab Syafi'i, sebagai contoh, para ulama' *mujtahid madzhab* selepas Imam asy-Syafi'i *rahimahullah* seperti Imam al-Haramain dan Imam al-Ghazali *rahimahumallah* berperanan pula menjelaskan maksud pendapat-pendapat imam mazhab mereka. Kemudian para ulama' *ijtihad fatwa* seperti Imam an-Nawawi dan Imam ar-Rafi'i *rahimahumallah* berperanan pula menjelaskan pendapat-pendapat ulama' *ahli ijtihad mazhab*. Seterusnya para *ulama' tarjih* seperti Syeikh Ibn Hajr al-Haitami dan Syeikh ar-Ramli *rahimahumallah* berperanan menjelaskan pendapat ulama' *ahli ijtihad fatwa*.¹⁸

Kerana itu, para ulama' seperti Utsman bin Abdullah al-'Alawi *rahimahullah* telah mengatakan bahawa segala pendapat ulama' yang terdapat dalam kitab-kitab Fiqh yang muktamad pada asasnya adalah berasal daripada al-Qur'an belaka. Berpegang kepada kitab-kitab muktamad dan mengamalkannya juga bermakna berpegang kepada al-Qur'an dan bukan berpegang kepada hukum yang dibuat oleh ulama' kerana ulama' hanya berperanan sebagai khadam iaitu setakat menyampaikan apa yang diketahuinya.¹⁹

Dalam kata lain, anak-anak didik dan ulama'-ulama' pengikut mazhab telah berperanan meneruskan, mempertahankan dan mengembangkan mazhab imam-imam mereka. Jika imam-imam mazhab telah bertanggungjawab membentangkan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah asas untuk berta'amul dengan sumber-sumber hukum, anak-anak didik dan pengikut-pengikut mereka pula memperincikan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah tersebut, menjelaskan lagi pemikiran imam-imam mereka, menghalusinya dan mengembangkannya. Merekalah yang bertanggungjawab menyusun, membukukan, menyaring, *mentahqiq* dan mengaplikasikan prinsip-prinsip *ushul* kepada masalah-masalah cabang yang prosesnya bermula dari kurun ketiga hingga kurun kesepuluh hijriyah malah masih berterusan hingga selepasnya. Secara keseluruhan, proses-proses inilah yang telah memberikan *al-madzahib al-*

¹⁸ 'Utsman bin Abdullah bin Aqil bin Yahya Al-Alawi, *Kitab al-Qawanin al-Syar'iyah*. Maktabah Arafat, t.tpt., t.th., hlm. 4

¹⁹ Ibid., hlm. 5

fiqhiyyah marhalah pengasasan, penyuburan, pengukuhan, pematangan yang sangat gemilang.

Al-Madzahib al-fiqhiyyah dalam ertikata ini telah menjadi satu institusi atau madrasah yang manhajnya tersusun kemas dan rapi serta terpelihara daripada pencemaran hingga memberikannya kekuatan untuk berkhidmat memelihara ilmu Fiqh dan agama Islam. Antara lain, inilah faktor yang menyebabkan para ulama' mewajibkan umat Islam secara umumnya bertaqlid kepada *al-madzahib al-fiqhiyyah*.

As-Sayyid Alawi bin Ahmad as-Saqqaf *rahimahullah* dalam al-Fawa'id al-Makkiyah berkata:

*“Telah ditegaskan oleh sebilangan ulama' dalam mazhab kami bahawa tidak harus bertaqlid kepada selain daripada imam-imam daripada mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali). Mereka mengillahkan perkara ini atas faktor mazhab-mazhab yang lain tiada tsiqah (kredibiliti) untuk dinisbahkan kepada pengasasnya disebabkan tiadanya sanad-sanad yang dapat memelihara mazhab berkenaan daripada penyelewengan dan pengubasuaian, berbeza dengan keadaan mazhab-mazhab yang empat. Dalam mazhab-mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali), imam-imam dalam mazhab berkenaan telah mengerahkan usaha untuk menganalisa pendapat-pendapat (ulama' yang dikemukakan dalam sesuatu perkara) dan mereka telah menjelaskan apa yang tsabit datangnya daripada yang empunya pendapat dengan apa yang sebaliknya. Maka kerana itu terperliharalah mazhab mereka daripada pemindaan, penyelewengan dan jelaslah bagi mereka apa yang sah dan apa yang lemah. Atas sebab ini, ramai para ulama' telah memberikan pandangan tentang (apa kedudukan mazhab) imam Zayd bin Ali *rahimahullah* bahawasanya beliau seorang imam yang berkedudukan tinggi dan luas ilmu pengetahuannya. Bagaimanapun, mazhabnya tiada kredibiliti kerana pengikut-pengikutnya tidak mengambil peduli terhadap sanad mazhab beliau, maka disebabkan itu mazhab imam Zayd bin Ali menjadi terdedah kepada penyelewengan dan juga pengubasuaian..”²⁰*

Sebagaimana diisyaratkan dalam keterangan ulama' seperti di atas, hatta kepada sesetengah alim ulama' yang telah dikenali di kalangan umat Islam, diharamkan bertaqlid dengan pendapat-pendapat mereka disebabkan kredibiliti mazhab mereka yang tidak setara dengan kewibawaan *al-madzahib al-fiqhiyyah*. Ini perihal golongan yang digelar sebagai ulama'. Maka bagaimana pula kedudukannya dengan pendapat-pendapat orang sembarangan yang tidak diketahui dari sumber apa pendapat-pendapatnya diambil dan tidak jelas susur galur keilmuan yang dilalui.

Amat menghairankan apabila dewasa ini telah muncul aliran-aliran yang menolak *al-madzahib al-fiqhiyyah* bahkan membid'ahkan dan memandang serong golongan yang

²⁰ As-Saqqaf, as-Sayyid Alawi bin Ahmad, *Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah*, hlm. 50, Maktabah wa Mathba'ah Mushtafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh, t.tpt., t.t.

bertaqlid kepada *al-madzahib al-fiqhiyyah*. Aliran-aliran ini sebaliknya lebih taasub menggunakan pendekatan-pendekatan yang tidak *established* manhajnya. Mereka mempelopori gerakan memahami al-Qur'an dan as-Sunnah tanpa dilengkapi oleh ilmu-ilmu alat secara sempurna, bahkan hanya mentafsirkan isi kandungannya berdasarkan zahir *nash* semata-mata. Bercabang daripada aliran ini, lahir pula golongan-golongan yang mentafsirkan al-Qur'an dan as-Sunnah secara liberal hingga menyebabkan gambaran ajaran Islam yang jauh menyimpang daripada hakikat yang sebenarnya. Tidak salah apabila dikatakan bahawa aliran dan golongan inilah yang memalapkan sinar ajaran Islam dan menyebabkan keunggulannya tidak dapat diserlahkan.

Keadaan ini dapat dibendung jika umat Islam terus memberikan kepercayaan kepada *al-madzahib al-fiqhiyyah*. Sebagaimana diterangkan, hanya *al-madzahib al-fiqhiyyah* yang dapat membantu dan memandu ke arah landasan al-Qur'an dan as-Sunnah. Dalam kata lain, *al-madzahib al-fiqhiyyah* adalah pemangkin yang boleh menyerlahkan identiti *wasathiyyah* Islam yang sebenar.

3 *Al-Madzahib al-Fiqhiyyah* Melestarikan *Wasathiyyah* Islam

Ciri-ciri *wasathiyyah* Islam boleh diperlihatkan menerusi pelbagai pendekatan. Salah satunya ialah dengan cara menepis dakwaan-dakwaan yang mempersoal kesesuaian Islam dengan nilai-nilai *wasathiyyah* sama ada dalam lapangan aqidah Islam, akhlaknya, syariahnya, perundangannya dan lain-lain.

Dalam bidang perundangan Islam, fuqaha' mazhab telah memberikan sumbangan yang sangat berharga dalam melestarikan ciri-ciri *wasathiyyah* itu dalam ilmu Fiqh. Perkara ini dapat ditonjolkan menerusi penjelasan-penjelasan mereka dalam isu-isu yang sering dibangkitkan dan diungkit-ungkit oleh pihak-pihak tertentu, antaranya seperti berikut:

3.1 Jihad Bukan Terrorisme²¹

Pengertian jihad dan pensyariatannya sering dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya daripada pihak-pihak yang memusuhi Islam. Di samping itu, ada pula kumpulan yang melakukan kekejaman dan keganasan di sana sini

²¹ Al-Kasani, 'Ala' ad-Din Abi Bakr Mas'ud, *Bada'i' ash-Shana'i' Fi Tartib asy-Syara'i'*, Dar-ihya' at-Turats al-'Arabiyy, Beirut, Cetakan Ketiga, 2000, Ibn ar-Rusyd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Ibn Ahmad, *Syarh Bidayah al-Mujtahid wa Bidayah al-Muqtashid*, Dar- as-Salam, Cetakan Pertama, 1995, Ibn al-Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad, *al-Mughni*, Dar al-Fikr, Beirut, Cetakan Pertama, 1984, asy-Syarbini, Syams ad-Din Muhammad bin al-Khathib, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, Cetakan Pertama, 1998, al-Muthi'iy, Muhammad Najib, *Takmilah Kitab al-Majmu'*, *Syar al-Muhadzdzab Li asy-Syiraziyy*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.t., Muhammad az-Zuhailiy (Dr.), *al-Mu'tamad fi al-Fiqh asy-Syafi'i*, Dar al-Qalam, Dimasyq, Cetakan Pertama, 2007, Amir Abd al-'Aziz (Dr.), *Fiqh al-Kitab wa as-Sunnah*, Dar as-Salam Li at-Thiba'ah wa at-Tauzi' wa at-Tarjamah, Beirut, Cetakan Pertama, 1999 & al-Buthiy, Muhammad Sa'id Ramadhan (Dr), *al-Jihad fi al-Islam, Kaifa Nafhamuh?*, Dar-al-Fikr al-Mu'shir, Dimasyq, Cetakan Kedua.1999.

menisbahkan diri mereka sebagai pejuang Islam, namun hakikatnya merupakan kumpulan teroris yang berselindung di sebalik nama jihad.

Senario seperti ini telah menjadikan jihad itu sering kali dianggap sebagai sesuatu yang negatif dan sering kali ia disalahtafsirkan sebagai semata-mata ajaran yang memerintahkan umat Islam untuk memerangi orang kafir atau orang-orang Islam sendiri yang tidak seialiran dengan fahaman-fahaman tertentu seperti yang dilakukan golongan *Khawarij* dan *Syiah*.

Dalam hal ini, fuqaha' telah memberikan penjelasan-penjelasan tertentu bagi membetulkan kekeliruan yang berlaku.

Dari segi pengertian sahaja boleh dilihat bahawa jihad bukanlah bermaksud berperang semata-mata, tetapi ia boleh dilakukan dalam banyak bentuknya. Menyampaikan ilmu pengetahuan, memberikan kefahaman mengenai hakikat Islam, membelanjakan harta pada jalan Allah dan sebagainya juga termasuk dalam kategori jihad.

Adapun jihad yang menjurus kepada peperangan dengan senjata, fuqaha' telah menekankan bahawa jihad jenis ini adalah tertumpu kepada menumpukan sepenuh daya dan tenaga bagi mempertahankan diri dan melawan serangan musuh. Dalam hal ini, fuqaha' telah menggariskan prinsip-prinsip tertentu, antaranya;

- a. Jihad tidak boleh dicetuskan melainkan atas sebab-sebab tertentu, seperti:
 - i. Hendak mempertahankan diri daripada serangan dan menolak pencerobohan dan permusuhan serta mewujudkan keamanan dan kedamaian agar orang ramai dapat beramal tanpa campur tangan atau halangan dari sesiapa.

Firman Allah *Ta'ala*:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُم وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا

يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Tafsirnya: *Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.*

(Surah al-Baqarah: 190)

- ii. Hendak mempertahankan diri daripada penganiayaan dan kezaliman serta menegakkan keadilan supaya semua orang mendapat keadilan dan menikmati hak undang-undang, ekonomi, sosial, agama dan politik atas dasar yang sama tanpa perbezaan atau pilih kasih.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ
وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ
لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Tafsirnya: Dan mengapa kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan (menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kalangan laki-laki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Ya Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang zalim penduduknya (kaum kafir musyrik), dan jadikanlah bagi kami dari sisiMu seorang pelindung, dan jadikanlah bagi kami dari sisiMu seorang penolong (yang membela kami dari ancaman musuh).

(Surah an-Nisa': 75)

- iii. Tidak boleh berjihad untuk membalas dendam apatah lagi sengaja membuat permusuhan.

Firman Allah Ta'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْلُوا شَعِيرِ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ
وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا
وَلَا تَجْرِمَنكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا
وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ
اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧٦﴾

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu melanggar syi'ar-syi'ar Allah dan kehormatan bulan-bulan Haram (bulan-bulan yang dihormati), jangan mengganggu binatang-binatang hadyu dan binatang-binatang qala'id, serta jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitulharam yang bertujuan mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka. Tetapi apabila kamu telah bertahallul, maka bolehlah kamu berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap suatu kaum yang menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam itu mendorong kamu melampaui batas (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu tolong-menolong dalam dosa

dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu wa Ta'ala). Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksaNya.

(Surah al-Maidah: 2)

- b. Kemudian, ketika berlangsungnya peperangan terdapat batas-batas hukum yang digariskan, seperti:
- i. Musuh-musuh yang menyertai peperangan sahaja yang halal dibunuh.
 - ii. Tidak dihalalkan membunuh mereka yang tidak ikut serta dalam peperangan.
 - iii. Tidak halal membunuh kaum wanita, kanak-kanak, orang sakit, orang tua, pendita, orang sedang beribadat dan musuh-musuh yang sudah ditawan.
 - iv. Haram menyeksa musuh seperti memotong anggota badannya atau membakarnya hidup-hidup.
 - v. Haram membunuh binatang, dan tidak sewenang-wenangnya membinasakan tumbuh-tumbuhan, merosakkan tali air, mengotorkan saluran air, dan merobohkan rumah dan bangunan.
 - vi. Tidak boleh mengejar tentera musuh yang sudah cedera dan melarikan diri daripada medan peperangan.
 - vii. Wajib menghentikan peperangan jika musuh memohon perdamaian.

Keterangan yang diketengahkan di atas sudah cukup membayangkan bahawa konsep jihad yang disyariatkan dalam Islam bukanlah sebagaimana yang digambarkan oleh sesetengah pihak. Adalah jelas bahawa jihad itu tidak sama dengan terrorisme. Prinsip jihad yang digariskan oleh fuqaha' bahkan adalah suatu ajaran Islam yang suci yang dapat memperlihatkan ciri-ciri *wasathiyah* Islam sebagai agama yang adil, terbaik lagi sempurna.

3.2 Hukuman Murtad

Hukuman jenayah murtad adalah satu lagi sasaran mudah sesetengah pihak untuk melontarkan tuduhan bahawa undang-undang Islam itu tidak dapat disesuaikan dengan pemikiran *wasathiyah*, sebaliknya merupakan undang-undang yang keras dan melampau. Hukuman jenayah berkenaan sering ditanggapi sebagai hukuman bunuh semata-mata dan dikatakan Islam itu mempunyai dasar toleransi sifar terhadap hak kebebasan beragama.

Sering kali berlaku tohmahan sedemikian itu berpunca daripada pemahaman yang tidak tepat mengenai undang-undang Islam. Sebagai bukti, Islam secara prinsipnya mengiktiraf hak kebebasan beragama dalam ertikata Islam telah memberikan hak kepada setiap individu untuk memilih agama yang ingin dianuti dan tidak memaksa orang-orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam. Islam malah menyuruh penganutnya untuk menghormati amalan agama lain.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ...

Tafsirnya: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).*

(Surah al-Baqarah: 256)

3.2.1 Hukuman Murtad Menurut Fuqaha'

Murtad bererti memutuskan keislaman dengan niat atau ucapan atau perbuatan kafir sama ada ucapan kafir itu dimaksudkan sebagai senda gurau atau dengan sikap permusuhan atau kerana suatu keyakinan.²²

Islam menganggap kesalahan murtad sebagai kesalahan yang berat. Ia dianggap sebagai perkara berdosa besar yang paling besar sekali akibatnya. Selain itu, murtad juga dianggap sebagai perkara kufur yang sangat menjijikkan serta jenayah yang mengakibatkan hukuman dan kesan yang sangat berat. Kesemua jenis dosa, kesalahan dan maksiat akan diampunkan apabila pelakunya bertaubat, akan tetapi tidak demikian halnya bagi kesalahan murtad.²³

Firman Allah Ta'ala:

...وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ ۖ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Tafsirnya: *Dan sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang dia dalam keadaan kafir, maka sia-sialah amalan mereka (yang baik-baik) di dunia dan di akhirat, mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*

(Surah al-Baqarah: 217)

Jumhur ulama' yang terdiri daripada fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa hukuman asal kesalahan murtad yang dilakukan oleh orang Islam sama ada lelaki atau perempuan ialah hukuman bunuh sampai mati.²⁴ Perkara ini adalah berdasarkan kepada zahir beberapa hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, antaranya seperti berikut:

²² an-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Syaraf, *Minhaj ath-Thalibin*, Dar al-Fikr, t.tpt, 2005, hlm. 293

²³ Muhammad az-Zuhayli (Dr.), *al-Mu'tamad fi Fiqh asy-Syafi'i*, Dar al-Qalam, Damascus, Cetakan ketiga, 1432H/2011M, jil. 5, hlm. 231

²⁴ al-Kasani, Ala'ad-Din Abu Bakar bin Mas'ud bin Ahmad al-Kasani al-Hanafi, *Badai' ash-Shanai' fi Tartib asy-Syarai'*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.tpt, 1986, jil. 7, hlm. 135, al-Hathtab ar-Ru'ayni al-Maliki, Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman ath-Tharabli al-Maghribi, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtashar Khalil*, Dar al-Fikr, t.tpt, 1992, jil. 6, hlm. 282, ar-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah Syihabuddin, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Dar al-Fikr, Beirut, 1984, jil. 7, hlm 419, Ibn Qudamah al-Muqaddisi, Abu Muhammad Muwaffiq ad-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Jama'ili al-Muqaddisi Tsumma ad-Dimasyqi al-Hanbali, *al-Mughni li Ibn Qudamah*, Maktabah al-Qahirah, t.tpt, 1968, jil. 9, hlm. 4 & 6

- i. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radhiallahu 'anhuma* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

« مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ » (متفق عليه)

Maksudnya: *Barangsiapa menukar agamanya maka bunuhlah dia.*

(Hadits *muttafaq 'alaih*)

- ii. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud *radhiallahu 'anhuma* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

« لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ، إِلَّا يَأْخُذِي ثَلَاثٌ: الشَّيْبُ الزَّانِي، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّارِكُ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ » .

(متفق عليه)

Maksudnya: *Tidak halal darah seorang Muslim yang naik saksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa aku adalah Rasulullah, kecuali dengan salah satu dari tiga perkara: duda atau janda (tsaib) yang berzina, jiwa dengan jiwa dan orang yang meninggalkan ugamanya yang mengasingkan diri daripada jama'ah.*

(Hadits *Muttafaq 'Alaih*)

Fuqaha' mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa hukuman mati hanya dikenakan kepada pesalah murtad daripada kaum lelaki. Manakala pesalah murtad daripada kaum perempuan Islam, mereka tidak dihukum mati tetapi wajib dipenjara, kemudian dikeluarkan daripada penjara setiap hari dan diminta bertaubat serta kembali kepada Islam. Sekiranya mereka kembali menganut Islam, maka mereka akan dibebaskan. Tetapi jika enggan, maka mereka akan dipenjara semula. Beginilah hukumannya sehingga pesalah murtad daripada kaum perempuan Islam kembali semula kepada Islam atau sehingga mereka mati.²⁵

Sekalipun telah menetapkan hukuman bunuh ke atas pesalah murtad, jumhur ulama' bagaimanapun bersepakat bahawa seorang murtad tidak boleh dijalankan hukuman bunuh ke atasnya melainkan setelah dia diminta untuk bertaubat terlebih dahulu. Menurut pendapat dalam mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali, hukum meminta pesalah berkenaan supaya bertaubat adalah wajib, manakala dalam mazhab Hanafi hukumnya adalah sunat.²⁶

²⁵ al-Kasani, *Badai' ash-Shanai'fi Tartib asy-Syarai'*, jil. 7, hlm. 135

²⁶ al-Kasani, *Badai' ash-Shanai'fi Tartib asy-Syarai'*, jil. 7, hlm. 135, al-Haththab ar-Ru'ayni al-Maliki, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtashar Khalil*, jil. 6, hlm. 282, ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, jil. 7, hlm 419, Ibn Qudamah al-Muqaddisi, *al-Mughni li Ibn Qudamah*, jil. 9, hlm. 3

Mengenai jangkamasa pesalah murtad diberikan peluang untuk bertaubat, fuqaha' berbeza pendapat mengenainya sebagaimana berikut:

- i. Dalam mazhab Maliki, pesalah murtad diberikan tempoh selama tiga hari dan tiga malam untuk bertaubat iaitu bermula daripada hari dia disabitkan menjadi kafir, bukan daripada hari dia mendakwa menjadi murtad dan bukan juga daripada hari kesnya dibawa ke mahkamah.
- ii. Dalam mazhab Hanafi, tempoh untuk bertaubat adalah diserahkan kepada ketentuan Imam. Sekiranya pesalah menyatakan keinginan untuk bertaubat atau memohon penangguhan, maka hukuman bunuh hendaklah ditangguhkan selama tiga hari. Jika dia tidak menyatakan keinginannya untuk bertaubat dan tidak memohon untuk penangguhan, maka dia dibunuh pada ketika itu juga.
- iii. Dalam mazhab Syafi'i, pesalah murtad dibunuh serta merta apabila dia enggan bertaubat setelah dia dikehendaki berbuat demikian. Dalam satu qaul, tempoh bertaubat diberikan selama tiga hari.
- iv. Fuqaha' mazhab Hanbali pula berpendapat bahawa tempoh bertaubat diberikan selama tiga hari dan pesalah murtad hendaklah ditahan selama tempoh tersebut.²⁷

Selain pendapat di atas, ada lagi pendapat lain yang dikemukakan oleh fuqaha'. Al-Khathib asy-Syirbini *rahimahullah* antaranya telah menukil kata-kata az-Zuhri *rahimahullah* bahawa pesalah murtad hendaklah dipelawa kembali ke agama Islam. Sekiranya dia enggan, maka baharulah dia dibunuh. Menurut Sayyidina Ali *karramallahu wajhah* pula tempoh yang diberikan supaya pesalah murtad diminta untuk bertaubat adalah selama dua bulan. Manakala menurut Ibrahim an-Nakha'i dan Sufyan ats-Tsauri *radhiallahu 'anhuma*, orang murtad dikehendaki bertaubat buat selamanya. Sepanjang tempoh tersebut, pesalah murtad berkenaan hendaklah ditahan.²⁸

Apabila seorang pesalah murtad bertaubat, maka hukuman bunuh adalah ditarik balik dan dia diterima kembali sebagai golongan yang dilindungi nyawanya sebagaimana keadaan dirinya sebelum dia murtad.²⁹

Para ulama' juga menerangkan bahawa orang Islam yang murtad berulang kali adalah tetap diterima semula ke dalam agama Islam dan hukuman bunuh akan ditarik balik

²⁷ Abu Adullah al-Maliki, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad 'Alaisy, *Manh al-Jalil Syarh Mukhtashar Khalil*, Dar al-Fikr, Beirut, 1989, jil. 9, hlm. 213, al-Kasani, *Badai' ash-Shanai'fi Tarib asy-Syarai'*, jil. 7, hlm. 135, ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, jil. 7, hlm 419, Ibn Qudamah al-Muqaddisi, *al-Mughni li Ibn Qudamah*, jil. 9, hlm. 3

²⁸ asy-Syirbini, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khathib asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfazh al-Minhaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.tpt, 1994, jil. 5, him. 436

²⁹ al-Haththab ar-Ru'ayni al-Maliki, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtashar Khalil*, jil. 6, hlm. 282, ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, jil. 7, hlm 419, Ibn Qudamah al-Muqaddisi, *al-Mughni li Ibn Qudamah*, jil. 9, hlm. 6

apabila dia bertaubat. Hakim, bagaimanapun, boleh mengenakan hukuman ta'zir bermula daripada kesalahan murtad yang dilakukan kali kedua.

'Ali asy-Syibramalissi *rahimahullah* ketika mensyarah kata-kata Imam ar-Ramli *rahimahullah* berkata:

وَأِنْ أَسْلَمَ صَحَّ إِسْلَامُهُ وَتُرِكَ أَيُّ وَإِنْ تَكَرَّرَتْ رَدَّتُهُ مِرَارًا لَكِنَّهُ لَا يُعَزَّرُ عَلَى أَوَّلِ مَرَّةٍ .

Ertinya: *Dan jika dia kembali menganut agama Islam, sah keislamannya itu dan dia tidak dikenakan hukuman iaitu sekalipun perbuatannya keluar daripada agama Islam itu dilakukan berulang kali, akan tetapi dia tidak dihukum dengan hukuman ta'zir pada kali yang pertama.*³⁰

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang yang melampau. Hukuman jenayah murtad bukanlah semata-mata hukuman bunuh, bahkan ada perincian-perincian tertentu yang perlu difahami dan diteliti sebelum seorang pesalah murtad dijalankan hukuman bunuh ke atas dirinya.

Antara lain, hukuman bunuh tidak akan dijalankan kecuali setelah pesalah enggan untuk bertaubat. Jika pesalah berkenaan bertaubat, maka hukuman bunuh akan ditarik balik dan dia akan diterima semula ke dalam agama Islam.

Undang-undang Islam kelihatannya sahaja keras, tetapi di sebalik ketegasannya ada rahmat dan keistimewaan yang unik dan tiada tolok bandingnya.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam salah satu penulisan beliau pernah menonjolkan perkara berikut:

“Mereka bukan membuang Islam semata-mata, tetapi membuang Allah, melawan Allah dan bahkan menghina Allah, Pemilik Agama tersebut. Sebab itulah jenayah irtidad dianggap jenayah paling teruk dan paling biadab, sehingga Allah menyediakan hukumannya yang setimpal: Dengan bunuh.

Namun saudara! Sila camkan! Walaupun hamba ini bertindak biadab tetapi kebiadaban itu tidak menghakis ihsan Allah, tidak menghakis rahmat Allah. Malah ihsan dan rahmat itu sentiasa ada mengintai-intai atau menunggununggu taubat si hamba yang biadab. Ya, walaupun kamu wahai hamba, bertindak biadab dengan Allah: Membuang agamaNya, namun jika kamu cepat sedar dan bertaubat, Dia tetap akan menerima kamu: Kamu diampunkan dan malah dilepaskan daripada hukuman. Ya! Cuma dengan taubat saja. Apa payahnya bertaubat itu? Tidak payah. “Aku bertaubat, ya Allah!

³⁰ ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, jil. 7, hlm 419

أشهد أن لا إله إلا الله ، وأشهد أن محمدا رسول الله

Cukup! Kalau tadi saudara berada di luar Islam, sekarang masuk semula, bukan masuk saja, malah diampunkan dan hukuman bunuh juga ditarik balik, saudara dibebaskan.

Apa ini? Di mana boleh dapat ihsan seperti ini? Di mana boleh cari rahmat semacam ini? Di mana? Carilah ia ke manapun, saudara tidak akan dapat. Ketuklah pintu di seluruh dunia ini untuk mendapatkan ihsan atau rahmat seperti itu, saudara tidak akan dapat. Seluruh dunia akan menutup pintu bagi saudara kerana saudara penjenayah. Tetapi Allah tidak pernah menutup pintunya kepada siapa saja, walaupun seperti saudara yang telah berlaku biadab terhadapNya dengan menghina agamaNya, dengan membuang agamaNya, tetapi apabila saudara ketuk, walau dengan sekali ketuk sahaja: Saudara ketuk dengan taubat saudara, Allah tanpa bertanggung akan membuka pintunya itu untuk saudara dan menerima saudara masuk.

Begitulah mudahnya saudara diterima, begitu mudah juga saudara dimaafkan dan malah dibebaskan daripada hukuman mati.

Jadi di mana alasan di sini untuk mentohmah bahawa Allah itu kejam dengan undang-undang ini? Tidak ada.

Betul ia keras, tetapi bila-bila masa saja ia bertukar lembut dengan ihsan dan rahmat Allah. Rahmat Allah sentiasa menunggu taubat para hamba. Sekali bertaubat rahmat itu terus mencurah.

*Inilah uniknya Qanun Allah. Dalam kerasnya itu bersalut dengan rahmat.*³¹

3.2.2 Perspektif Lain Mengenai Murtad

Selain pendapat-pendapat jumbuh di atas, ada pula pendapat-pendapat lain mengenai permasalahan murtad.

Ibn at-Taimiyah *rahimahullah* antaranya telah membicarakan permasalahan murtad dengan membahagikannya kepada dua jenis:

- i. Murtad semata-mata murtad (*ar-riddah al-mujarradah*) seperti disebabkan semata-mata tidak lagi mempercayai perkara-perkara i'tiqad yang wajib diimani.

³¹ Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Cetakan pertama, 2013, hlm. 171-172

- ii. Murtad yang berat (*ar-riddah al-mughallazhah*) seperti murtad disebabkan menghina Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* atau murtad yang diiringi dengan penentangan terhadap orang-orang Islam dengan cara memerangi, membunuh atau mengambil harta mereka.

Kedua-dua jenis kesalahan murtad ini pada dasarnya adalah kesalahan murtad yang membawa kepada hukuman bunuh sampai mati. Walau bagaimanapun, dalil-dalil telah menunjukkan bahawa hukuman bunuh yang ditarik balik setelah pesalahnya bertaubat adalah tidak umum melainkan hanya tertumpu kepada murtad jenis yang pertama (*ar-riddah al-mujarradah*). Adapun murtad daripada jenis yang kedua, kedudukannya tidak berubah; pesalahnya adalah tetap sahaja disabitkan hukuman bunuh dan tidak terdapat dalil-dalil daripada al-Qur'an atau sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, *ijma'* atau qias yang menunjukkan hukuman tersebut boleh digugurkan.³²

Ibn Taimiyah *rahimahullah* berkata: "*Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam telah menerima taubat sekumpulan orang-orang murtad dan memerintahkan sekumpulan yang lain untuk dibunuh. Selain menjadi murtad, kumpulan yang diperintahkan untuk dibunuh itu turut menentang dan menyebabkan mudharat kepada orang-orang Islam. Atas sebab itu mereka dijatuhkan hukuman bunuh.*

Sebagai contoh, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam telah memerintahkan Miqyas bin Hababah untuk dibunuh pada hari pembukaan Mekah kerana perbuatan murtadnya itu turut disertai dengan perbuatan membunuh orang Islam dan mengambil hartanya. Miqyas bin Hababah juga enggan bertaubat setelah dia diberikan peluang untuk bertaubat. Atas sebab yang sama, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam juga telah memerintahkan Kaum 'Arnayn untuk dibunuh.

Baginda juga telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Ibn Khaththal kerana di samping menjadi murtad, dia turut menghina Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam serta melakukan kesalahan membunuh orang Islam."³³

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi *hafizhahullah* ketika mengulas pendapat pendapat Ibn Taimiyah *rahimahullah* di atas menyatakan bahawa para ulama' telah melakukan pembezaan berhubung perkara bid'ah antara perkara bid'ah yang berat dengan perkara bid'ah yang ringan sebagaimana para ulama' juga telah melakukan pembezaan antara pembuat bid'ah yang disertai dengan dakwah dengan pembuat bid'ah yang bukan sedemikian sifatnya. Maka, pembezaan berhubung perkara murtad antara murtad yang berat dengan murtad yang ringan dan juga berhubung perkara orang-orang murtad antara orang murtad yang berdakwah menyeru orang lain untuk turut sama melakukan jenayah tersebut dengan orang murtad yang bukan sedemikian sifatnya.

³² Ibn Taimiyah, Ahmad bin Abd al-Halim bin Taimiyah al-Harrani Abu al-'Abbas, *ash-Sharim al-Maslul 'ala Syatim ar-Rasul*, Dar Ibn Hazm, Beirut, Cetakan Pertama, 1417H, jil. 1, hlm, 362

³³ *Ibid.*, hlm. 373

Kesalahan murtad yang berat seperti yang dilakukan oleh Salman Rushdi dan juga perbuatan murtad yang disertai dengan dakwah sama ada melalui lidahnya atau tulisan, maka adalah *awla* pesalah murtad sedemikian sifatnya dijatuhkan hukuman yang seberat-beratnya iaitu dengan mengambil pendapat jumbuh para ulama' dan zahir hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyatakan tentang hukuman bagi jenayah berkenaan. Hal ini adalah bagi membendung kejahatan dan menutup pintu-pintu fitnah.

Adapun kesalahan murtad selain daripada itu, maka adalah harus diambil pendapat yang lain seperti pendapat Ibrahim an-Nakha'i dan ats-Tsauri iaitu pendapat yang mereka kutip daripada keterangan yang diriwayatkan daripada Sayyidina Umar al-Khaththab *radhiallahu 'anhu*.³⁴

3.2.3 Perbezaan Pendapat Memperkaya Perbendaharaan Fiqh Islam

Daripada keterangan-keterangan yang diutarakan di atas, dapat dilihat bahawa dalam perkara hukuman jenayah murtad para ulama' berbeza pendapat dalam beberapa perkara terutama dalam perkara-perkara yang menyentuh perincian hukuman berkenaan.

Para ulama' berbeza pendapat atas sebab-sebab yang diharuskan. Namun, jauh sekali sebagai perpecahan yang menggugat kejituan ilmu Fiqh dan kesucian hukum syara', perbezaan pendapat para ulama' sebaliknya membawa rahmat kepada umat Islam. Adanya perbezaan pendapat inilah yang menjadi sebahagian daripada faktor yang menyumbang kepada kesuburan perbendaharaan undang-undang Islam yang menjadikannya lebih anjal dan relevan di setiap tempat dan sepanjang zaman.

Al-Hafizh as-Suyuthi *rahimahullah* dalam risalahnya *Jazil al-Mawahib fi Ikhtilaf al-Madzahib* berkata:

*“Ketahuilah bahawa ikhtilaf mazhab-mazhab yang ada ini adalah nikmat yang besar, ia memiliki rahasia halus yang diketahui oleh orang-orang alim namun buta terhadapnya orang-orang jahil..”*³⁵

Pada perhimpunan *Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabithah al-'Alam al-Islami* yang kesepuluh yang berlangsung pada tahun 1408H, resolusi bilangan 9 bertajuk “*Perbezaan Pendapat Antara Mazhab Dan Ketaksuban Mazhab Di Kalangan Segelintir Pengikut-Pengikut Mazhab*” menyebutkan:

“Adapun berkenaan perkara kedua iaitu perbezaan pendapat antara mazhab-mazhab Fiqh dalam sesetengah masalah hukum (furu'), ia ada sebab-sebab ilmiah yang

³⁴ Yusuf al-Qaradhawi (Dr.), *Jarimah ar-Riddah wa 'Uqubah al-Murtad fi Dhaw' al-Qur'an wa as-Sunnah*, al-Maktab al-Islami, t.tpt, Cetakan ketiga, 1998, hlm. 42-43

³⁵ Jalaluddin as-Suyuthi, Abdul Rahman bin Abu Bakar, *Jazil al-Mawahib fi Ikhtilaf al-Madzahib*, t.tpt, t.t, hlm. 2

menyebabkannya berlaku. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menjadikannya satu hikmah yang sangat besar. Antaranya menjadi rahmat kepada hamba-hambanya dan ia juga telah memperluaskan medan istinbat hukum yang diambil daripada nash-nash syara'. Ia adalah suatu kenikmatan dan sumber kekayaan Fiqh perundangan Islam yang membolehkan umat Islam mendapat keselesaan dalam perkara-perkara keagamaan dan perundangannya. Hal ini menjadikan seseorang itu apabila melaksanakan tuntutan syara' tidak lagi terbatas dengan batasan-batasan yang tidak ada jalan keluar daripadanya. Bahkan apabila masyarakat mendapat kesempitan untuk beramal dengan pendapat sesetengah ulama' pada satu-satu ketika atau pada satu-satu perkara, nescaya akan ada kelonggaran, keluasan dan kemudahan pada pendapat mazhab yang lain sama ada hal itu bersangkutan dengan perkara ibadah, mu'amalat, hal ehwal kekeluargaan, kehakiman dan jinayat berdasarkan dalil-dalil yang diterangkan oleh syara'.

Perbezaan pendapat jenis kedua ini iaitu perbezaan pendapat antara mazhab Fiqh dan perbezaan pendapat dalam bidang Fiqh bukanlah satu kekurangan dan bukanlah menyebabkan percanggahan dalam agama kita. Malah ia pasti berlaku. Tiada umat yang mempunyai peraturan undang-undang yang dilengkapi dengan Fiqh dan ijihad para ulama'nya melainkan di sana pasti berlaku perbezaan pendapat dalam bidang Fiqh."

Perbezaan pendapat para fuqaha' tidaklah pula bererti seorang awam bebas berpindah-pindah mazhab atau memilih-milih pendapat yang mana sesuai dengan selera masing-masing. Hal ini adalah menyangkut permasalahan taqlid dan memerlukan penjelasan yang panjang sebagaimana dihuraikan dalam ilmu Ushul Fiqh. Perkara taqlid juga berkait dengan undang-undang yang berkuatkuasa di sesebuah negara.

Namun, sebagaimana disebutkan, perbezaan pendapat para ulama' adalah antara faktor yang telah memperkayakan perbendaharaan ilmu Fiqh. Perbezaan pendapat inilah juga yang telah memungkinkan pihak-pihak yang berkewajiban untuk memikirkan undang-undang dan jalan-jalan penyelesaian yang terbaik yang mengambil kira kepentingan-kepentingan yang menjamin mashlahat umat Islam.

Hal ini adalah satu lagi bukti yang menunjukkan bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang yang istimewa. Dalam keistimewaannya itu dapatlah pula kelihatan agama Islam itu sebagai agama yang adil dan sangat memberikan kebaikan kepada semua. Inilah wajah *wasathiyyah* Islam yang sebenarnya.

3.3 Isu Takfir

Takfir (daripada kata dasar كَفَرَهُ تَكْفِيرًا) bermaksud menasabkan seseorang sebagai kafir.³⁶ *Takfir* juga bererti menisbahkan seseorang yang ahli kiblat kepada kafir.³⁷

³⁶ Al-Bustani, al-'Allamah asy-Syaikh Abdullah al-Bustani, *al-Bustan Mu'jam Lughawiy Muthawwal*, Maktabah Lubnan, cet. Pertama, 1992, hlm. 952

Menurut prinsip syara', seseorang itu kekal dalam Islamnya sehingga terdapat tanda-tanda dia menyalahi agamanya. Anas bin Malik *radhiallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

«مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا ، وَاسْتَقْبَلَ قِبْلَتَنَا ، وَأَكَلَ ذَيْحَتَنَا ، فَذَلِكَ الْمُسْلِمُ الَّذِي لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ ، فَلَا تُخْفِرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ».

Maksudnya: *Sesiapa yang bersembahyang seperti sembahyang kita, berkiblat pada kiblat kita dan memakan sembelihan kita, maka orang muslim itu adalah yang mempunyai jaminan dari Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu merosakkan jaminannya (jaminan Allah dan Rasul-Nya).*

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Al-Hafizh Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* ketika menjelaskan maksud hadits di atas menyatakan bahawa sesungguhnya urusan-urusan manusia itu menunjukkan pada zahirnya, sesiapa yang menzahirkan syi'ar agama maka bekekalan ke atasnya hukum-hakam agamanya selagimana dia tidak menampakkan perkara-perkara yang bertentangan dengan urusan-urusan agamanya.³⁸

Begitu juga, selagimana seseorang itu mengaku dengan mengucap syahadah, maka dia kekal dalam agama Islamnya. Ibnu 'Umar *radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

«أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ» .

Maksudnya: *Saya diperintah (oleh Allah) untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang dan memberi zakat. Apabila mereka telah melakukan itu maka terpeliharalah daripadaku darah dan harta mereka kecuali dengan hak Islam dan hisab mereka atas Allah.*

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Menurut Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani hadits ini menunjukkan larangan *takfir* kepada orang-orang Islam yang mengaku dengan tauhid serta komited dengan syariah Islam, tetapi melakukan kesalahan.³⁹

³⁷ Wizarah al-Awqaf wa sy-Syuun al-Islamiyyah, Kuwait, *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Dzat as-Salasil, Kuwait, cet. Kedua, 1408H/1988M, hlm. 227

³⁸ al-'Asqalani, al-Hafidz Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fath al-Bari*, Dar al-Fikr, cet. Pertama, 1420H/2000M, hlm. 53

³⁹ Ibid., hlm. 108

Ini memberi kefahaman bahawa setiap orang Islam yang mengucap syahadah tetapi melakukan kesalahan atau dosa tidak boleh sewenang-wenangnya dikeluarkan dari agama Islam atau takfir. Sebelum mengkafirkan seseorang itu, hendaklah dilihat dan diperiksa kesalahan-kesalahan yang disandarkan ke atasnya yang menyebabkannya menjadi kafir dari segi percakapan dan perbuatan. Bukan semua percakapan atau perbuatan maksiat yang membawa dosa, buruk dan salah menyebabkan dia boleh menjadi seorang kafir. Telah disebutkan dalam sebuah hadits daripada Raja' bin Hayah, dia berkata:

«سُئِلَ جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ هَلْ كُنْتُمْ تُسَمُّونَ شَيْئًا مِنَ الذُّنُوبِ كُفْرًا ، أَوْ شِرْكًَا ، أَوْ نِفَاقًا ؟ قَالَ : مَعَاذَ اللَّهِ ، وَلَكِنَّا نَقُولُ : مُؤْمِنِينَ مُذْنِبِينَ .»

Maksudnya: *Jabir bin Abdullah telah ditanya: Adakah kamu menggelarkan sesuatu (perlakuan) daripada dosa-dosa sebagai kufur, atau syirik, atau munafiq? Jabir menjawab: Mohon dijauhkan oleh Allah, bahkan kami mengatakan: 'orang-orang mukmin yang melakukan dosa'.*

(Hadits riwayat Imam al-Baihaqi)

Perkara menghukumkan seseorang dengan kafir atau sewenang-wenangnya dengan sengahaja mengkafirkan atau menuduh dengan tuduhan kafir, atau memanggilnya dengan kata-kata kafir seperti berkata seorang Islam kepada seorang Islam yang lain: “*Hai kafir!*” atau “*Hai Yahudi!*” atau “*Hai Nashrani!*”, sedangkan orang itu masih tetap dengan keislamannya, tuduhan atau kata-kata yang sedemikian itu oleh seseorang adalah satu perkara yang wajib dijauhi.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Ibnu ‘Umar *radhiallahu ‘anhuma*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

«أَيُّمَا امْرِيءٍ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٌ ، فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدَهُمَا ، إِنْ كَانَ كَمَا قَالَ ، وَإِلَّا رَجَعَتْ عَلَيْهِ.»

Maksudnya: *Mana-mana orang yang berkata kepada saudaranya 'Wahai kafir!', maka akan menanggung salah seseorang daripada mereka akan kekafiran itu (orang yang ditakfir) sekiranya betul tuduhannya itu. Dan jika sebaliknya, maka takfir itu kembali kepadanya (orang yang menuduh).*

(Hadits riwayat Imam Muslim)

3.3.1 Isu Takfir Dalam Sejarah

Antara aqidah Syi‘ah yang benar-benar bertentangan dengan aqidah dan kepercayaan Ahli Sunnah wal Jama‘ah ialah orang-orang Syi‘ah mengatakan Sayyidina Ali *karramallahu wajhah* telah menerima wahyu dan imam yang berpangkat kenabian, bahkan ada antara orang-orang Syi‘ah mendakwa bahawa Sayyidina Ali *karramallahu wajhah* pada hakikatnya adalah nabi yang dituju oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* ketika menerima wahyunya, tetapi malaikat Jibrail tersalah memberikan wahyu yang menyebabkan wahyu yang dibawa oleh Jibrail tadi diturunkan kepada Nabi Muhammad *shallallahu ‘alaihi wasallam*.

Juga antara i'tiqad yang sangat salah dan sangat berbahaya yang datangnya daripada sebahagian kaum Syi'ah ialah menganggap bahawa ketiga-tiga orang khalifah nabi yang pertama (Abu Bakar, Umar dan Utsman *radhiallahu 'anhum*) adalah perampas-perampas yang terkutuk, iaitu orang-orang yang merampas kekuasaan daripada Sayyidina 'Ali *karramallahu wajah*.

Bukan saja ketiga-tiga mereka ini berdosa menurut fahaman Syi'ah, tetapi ada sebahagian kaum Syi'ah yang mengatakan bahawa mereka itu kafir, kerana tidak mahu mengikut wasiat Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang kononnya mengikut kata mereka Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah memberi wasiat kepada umat Islam agar mengangkat Sayyidina 'Ali *karramallahu wajah* menjadi khalifah setelah Baginda wafat.

Pengutukan dan pengkafiran kepada ketiga orang khalifah yang utama ini menimbulkan akibat yang sangat serius, sangat luas dan sangat dalam di lingkungan Islam, kerana:

Banyak hadits-hadits yang tidak akan diterimapakai lagi, kerana ketiga-tiga khalifah ini - selain mereka itu khalifah - juga merupakan pembawa riwayat hadits Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menyuruh umat Islam supaya mengikut sunnah Khulafa ar-Rasyidin (Abu Bakar, Umar, Utsman dan Ali *radhiallahu 'anhum*). Maka dengan menolak mereka ini termasuklah kita ke dalam golongan yang tidak menjalankan perintah Nabi.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

«فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ».

Maksudnya: Peganglah dengan teguh sunnahku dan sunnah Khulafa ar-Rasyidin yang dapat petunjuk selepasku.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Khusus bagi Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina 'Umar *radhiallahu 'anhuma*, dalam sebuah hadits menyebutkan: Daripada Hudzaifah dia berkata, sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

«اِقْتَدُوا بِالَّذِينَ مِنْ بَعْدِي أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ».

Maksudnya: Ikutlah dua orang sesudah saya, iaitu Abu Bakar dan 'Umar.

(Hadits riwayat Imam at-Timidzi)

Dalam menolak mengikut Abu Bakar dan Umar bererti menolak perintah Nabi yang tersebut dalam hadits ini dan hadits lain yang di atas.

Banyak sunnah-sunnah Khulafa ar-Rasyidin yang akan kita tolak, umpamanya sembahyang Tarawih 20 raka'at adalah perintah Sayyidina Umar, adzan yang pertama hari Jumat adalah perintah Sayyidina Utsman, mushaf al-Quran yang kita pakai sekarang adalah mashaf kumpulan Sayyidina Utsman.

Sekiranya kita menolak Sayyidina Utsman sebagaimana fahaman orang Syi'ah, maka agama Islam akan hancur dari dalam, kerana mushaf yang terpakai sekarang tidak akan terpakai lagi. Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengatakan bahawa ada sepuluh orang sahabat Nabi yang akan masuk syurga langsung tak diragukan lagi, iaitu:

Abu Bakar, Umar bin al-Khaththab, Utsman bin 'Affan, 'Ali bin Abi Thalib, Thalhah bin Abdullah, Zubir bin 'Awwam, Sa'ad bin Abi Waqas, Said bin Zaid, Abdul Rahman bin 'Auf dan Ubaidah bin Jarrah *radhiallahu 'anhum*.

Ini adalah sepuluh sahabat yang telah diberi khabar gembira bahawa mereka akan masuk syurga oleh Nabi Muhammad *Shallahu 'alaihi wasallam*.

I'tiqad orang Syi'ah bertentangan dengan ini. Nabi *Shallahu 'alaihi wasallam* mengatakan bahawa Abu Bakar, Umar dan Utsman *radhiallahu 'anhum* akan masuk syurga, tetapi kaum Syi'ah mengatakan bahawa mereka itu akan masuk neraka.

Oleh kerana itu golongan Ahli Sunnah wal Jama'ah tidak menerima fahaman yang keliru daripada kaum Syi'ah ini. Pengangkatan mereka sebagai khalifah Nabi adalah sah, sesuai dengan hukum-hukum Islam yang berlaku.⁴⁰

3.3.2 I'tiqad Kaum Khawarij Berkaitan Takfir

Kaum Khawarij berpendapat bahawa Sayyidina Ali *karramallahu wajhah* menjadi kafir kerana menerima *tahkim* dalam khalifah. Maka menurut mereka menerima tahkim itu adalah dosa dan siapa yang membuat dosa menjadi kafir.⁴¹

Begitu juga kaum Khawarij mengutuk dan mencaci maki, kadang-kadang mengkafirkan Ummul Mu'minin Saydaituna 'Aisyah, Thalhah dan Zubir bin 'Awwam *radhiallahu 'anhum*, kerana ketiga-tiga mereka dikatakan bertanggungjawab menggerakkan peperangan "Jamal" iaitu perang diantara mereka dengan Sayyidina Ali *karramallahu wajhah*. Begitu juga mereka menghukum kafir Abu Musa al-Asy'ari dan 'Amru bin 'Ash *radhiallahu 'anhuma*, iaitu ketua-ketua delegasi ketika *tahkim*.⁴²

Kaum Khawarij berpendapat bahawa yang dikatakan iman itu bukan pengakuan dalam hati dan ucapan dengan lidah sahaja, tetapi amal ibadat menjadi rukun iman juga. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa sesiapa yang tidak mengerjakan sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain maka orang itu kafir. Secara ringkasnya, bagi kaum Khawarij semua orang Islam yang melakukan dosa, sama ada besar mahupun kecil, maka orang itu menjadi kafir, wajib diperangi dan boleh dibunuh serta boleh dirampas hartanya.⁴³

⁴⁰ K.H. Sirajuddin Abbas, *I'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah*, hlm. 129-130, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Malaysia, cet. Keempat, 1978

⁴¹ Ibid., hlm. 157

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid.

Begitu juga, kaum Khawarij menfatwakan bahawa orang-orang sakit atau orang yang sudah tua yang tidak ikut perang maka orang itu menjadi kafir, wajib dibunuh.⁴⁴

Menurut fatwa kaum Khawarij lagi, bahawa anak-anak orang kafir kalau mati ketika kecil masuk neraka juga, kerana dia kafir mengikut ibu bapanya.⁴⁵

3.3.3 Pendapat Fuqaha' Mengenai Isu *Takfir*

Dalam mazhab Hanafi dijelaskan bahawa apabila dalam satu perkara (berkenaan dengan masalah pengkafiran) terdapat beberapa pertimbangan yang mendukung kepada dijatuhkan hukuman 'kafir', tetapi di samping pertimbangan-pertimbangan itu, ada satu pertimbangan yang menolak dijatuhkan hukuman 'kafir', maka bagi seorang mufti itu hendaklah dia cenderung kepada pertimbangan yang menolak hukuman kafir itu, demi baik sangka kepada seorang muslim.⁴⁶

Dalam kitab al-I'tisham karangan Imam asy-Syathibi *rahimahullah*, mazhab Maliki menyebutkan telah terjadi perbezaan pendapat sekitar boleh tidaknya mengkafirkan golongan-golongan itu yang telah mengadakan banyak bid'ah dalam agama. Namun pendapat yang paling mantap ialah tidak memutuskan hukuman kafir atas mereka itu.⁴⁷

Dalam kitab al-Iqtishad karangan Imam al-Ghazali *rahimahullah*, mazhab Syafi'i menyebutkan bahawa jangan terburu-buru mengkafirkan orang lain selama masih ada jalan untuk tidak berbuat demikian itu, sebab bila seseorang sudah dinyatakan kafir, nyawa dan hartanya tidak lagi memperolehi perlindungan. Padahal menghalalkan darah seseorang yang dalam sembahyangnya menghadap qiblat; untuk dibunuh dan hartanya untuk dirampas, adalah suatu kesalahan besar. Dalam hal ini, kesalahan yang timbul kerana membiarkan hidup seribu orang kafir adalah lebih ringan daripada kesalahan menumpahkan darah seorang muslim. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

“Saya diperintah (oleh Allah) untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang dan memberi zakat. Apabila mereka telah melakukan itu maka terpeliharalah daripadaku darah dan harta mereka kecuali dengan hak Islam dan hisab mereka atas Allah.”

Beliau menyebutkan lagi bahawa tidak ditemukan suatu dalil dan bukti, bahawa kesalahan dalam penafsiran membawa keharusan untuk dikafirkan. Untuk berbuat demikian, harus ada dalil yang kuat, sedang yang terdapat sebagai bukti pada kita ialah bahawa mengucapkan

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibnu Nujaim, al-'Allamah Zainuddin ibn Nujaim al-Hanafi, *al-Bahr ar-Ra'iq Syarh Kanz ad-Daqa'iq*, Dar al-Kitab al-Islamiyy al-Qahirah, cet. Kedua, t.t., jil. 5, hlm. 134

⁴⁷

tiada tuhan selain Allah, memastikan perlindungan akan nyawa dan harta orang yang mengucapkan kalimah syahadah itu. Dan tiada yang dapat menolak pendirian tersebut, kecuali suatu bukti lain yang lebih kuat dan lebih mantap.

Ketentuan yang asli ialah bahawa orang dapat dinyatakan kafir, apabila dia dengan terang-terangan mendustakan agama Allah. Apabila orang itu tidak mendustakan agama Allah, maka dia tidak dapat dimasukkan dalam kategori orang-orang yang mendustakan agama Allah. Oleh sebab itu maka ia masuk dalam golongan orang-orang Islam yang memperoleh perlindungan kerana telah mengucapkan kalimah syahadah tauhid.⁴⁸

Dalam kitab *Shahih Muslim bi Syarah an-Nawawi*, Imam an-Nawawi *rahimahullah* menjelaskan bahawa ahli mazhab golongan-golongan yang benar (golongan Ahli Sunnah wal Jama'ah) tidak mengkafirkan sesiapaupun yang beragama Islam, kerana dosa yang dilakukan orang itu. Begitu juga mazhab yang benar tidak pula mengkafirkan golongan-golongan yang membuat bid'ah. *Hanya orang yang dengan senghaja dan sedar mengingkari kebenaran yang dia ketahui dalam agama Islam, maka dia dihukum murtad dan kafir, kecuali bila dia baru saja masuk Islam atau hidup di pendalaman (di daerah terpencil) maka kepadanya diberitahu akan kesalahannya. Tapi jika selepas diberitahu dia masih meneruskan pendiriannya, maka dia baru dihukum kafir. Juga orang yang dengan senghaja dan sedar menghalalkan perbuatan zina, minum arak, membunuh dan sebagainya dari perbuatan-perbuatan yang diharamkan oleh agama, maka dia juga dihukumkan kafir.*⁴⁹

Dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, Imam Ibnu Hajar al-Haitsami *rahimahullah* menyebutkan bahawa hendaklah bagi seorang mufti itu berhati-hati dalam mengkafirkan seseorang sepanjang dia mampu untuk berbuat mencari alasan yang meringankan, kerana mengkafirkan seseorang adalah suatu hal yang sangat berat. Apalagi dalam banyak hal, orang yang bersalah itu tidak mempunyai maksud atau niat untuk mengucapkan perkataan yang mengakibatkan kekafiran, terutama orang-orang awam. Dalam hubungan dengan hal tersebut, tokoh-tokoh ulama' Mazhab kami (mazhab Syafi'i) baik yang dahulu mahupun kini, selalu berpegang kepada pendirian tersebut.⁵⁰

Dalam kitab *Majmu'ah Rasa'il wal Masa'il*, Ibnu Taimiyah menyebutkan bahawa tidak dibenarkan mengkafirkan seorang muslim kerana dosa yang dilakukan atau kesalahan yang dia buat, sehubungan dengan persoalan-persoalan yang menjadi pertentangan antara golongan-golongan kaum muslimin.⁵¹

⁴⁸ Imam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad ath- Thusi asy-Syafi'i al- Ghazali, *Kitab al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, Dar al- Kutub al-'Ilmiah, Beirut-Lubnan, cet. Pertama, 1403H/ 1983M, hlm. 157-158

⁴⁹ an-Nawawi, al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf an-Nawawi, *Shahih Muslim bi Syarh al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf an- Nawawi*, Maktabah Nazzar Mushtafa al- Baz, cet. Pertama, 1996, jil. 1, hlm. 669

⁵⁰ al-Haitami, Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali ibn Hajar, *Tuhfah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, cet. Pertama, 1421H/2001M, jil. 4, hlm. 110,

⁵¹ Ibnu Taimiyah, Imam Taqiyuddin ibn Taimiyah, *Majmu'ah ar-Rasa'il wa al-Masa'il*, Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan, cet. Pertama, 1416H/1996M, jil. 1, hlm. 316

Dengan adanya *al-madzahib al-fiqhiyyah* yang menggariskan hukum berkaitan *takfir* adalah sebagai pembuka jalan agar tidak sewenangnyanya-wenangnyanya atau mengambil mudah isu *takfir*. Tanpa kawalan atau batasan, *takfir* akan memberi kesan sangat besar dan bahaya kerana ia boleh mengubah agama seseorang khususnya dan masyarakat Islam umumnya sebagaimana kesan dari contoh-contoh yang telah dibawakan di atas.

Oleh itu, pandangan dan pegangan *al-madzahib al-fiqhiyyah* dalam isu *takfir* berperanan penting dalam memperlihatkan *wasathiyyah*.

4 Pengalaman Brunei Mendokong Fahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah

Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Islam beraliran Ahli Sunnah wal Jama'ah dari segi aqidah dan dari segi amalan fiqh pula bermazhab Syafi'i. Dengan demikian Negara Brunei Darussalam dapat mengekalkan dan menegakkan agama Islam sebagai agama *al-wasathiyyah*. Sehingga saat ini ia terbukti membawa kepada keamanan, kesejahteraan dan keharmonian bagi Negara Brunei Darussalam.

Antara langkah yang dilaksanakan oleh Negara Brunei Darussalam ke arah kelangsungan penghayatan dan pengamalan ugama Islam sebagai ugama *al-wasathiyyah* yang membawa kepada kesejahteraan ini adalah seperti berikut:

- i. Menerusi perlembagaan Negara yang jelas menyebut bahawa Brunei adalah Negara Islam bermazhab Syafi'i.
- ii. Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti adalah berdasarkan mazhab Syafi'i atau daripada pendapat mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali jika diperlukan dan ini diperuntukkan di dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.
- iii. Pendidikan di Brunei khususnya di persekolahan agama mengajarkan kan fiqh berasaskan fiqh mazhab Syafi'i.
- iv. Penubuhan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunah Wal Jamaah

Pusat ini diisytiharkan penubuhannya oleh Baginda sendiri pada 24 Rabi'ulakhir 1432 bersamaan 29 Mac 2011 bersempena dengan Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah anjuran Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersempena Sambutan Jubli Perak Pusat Dakwah Islamiah.

Pusat yang dihasratkan untuk mengukuhkan aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah di Negara Brunei Darussalam ini diletakkan di bawah pentadbiran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

"Ahli Sunnah wal Jama'ah sebagai pegangan rasmi kita, telah dikenal pasti sebagai bersumber daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia teradun dan terbina daripada nas-nas

dan dalil-dalil syara' yang sahih. Ia juga terbukti sebagai DASAR dan PEGANGAN beragama yang berjaya, sehingga mampu menjadikan ummah dan Negara benar-benar sejahtera.

Maka oleh itu, bagi tujuan mengukuhkan lagi Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di Brunei Darussalam, Beta dengan amat sukacita mengumumkan penubuhan "PUSAT PENGAJIAN KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH" di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), kerana ia amatlah penting dipelajari, difahami, dan dipegang kuat-kuat, supaya masyarakat kita terus selamat".⁵²

- v. Penubuhan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i di bawah Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

5 Kesimpulan

Berpegang kepada *al-madzahib al-fiqhiyyah* dalam lingkungan aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah sahajalah yang dapat menjelmakan *Wasahtiyah* Islam. Maka prinsip ini hendaklah diperkasa, dipelihara dan dimertabatkan demi melestarikan keamanan dan kesejahteraan sejagat. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam kita telah mempraktikkan dan melaksanakannya sejak berkurun-kurun lamanya dan ia terbukti dengan apa yang telah kita "orang-orang Brunei" nikmati pada masa kini dan in syaa Allah sampai bila-bila iaitu Negara kita aman dan sejahtera sesuai dengan namanya Brunei Darussalam iaitu Brunei sebuah Negara yang sejahtera.

* * *

Rujukan

- Abd al-Kareem Zaiydan (Dr.), *al-Madkhal li Dirasah asy-Syari'ah al-Islamiyyah*,
Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah, *Sunan at-Tirmidzi*
Abu Adullah al-Maliki, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad 'Alaisy, *Manh al-Jalil Syarh Mukhtashar Khalil*, Dar al-Fikr, Beirut, 1989
Abu al Husain Ahmad Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Dar al Fikr, t.tpt., 1399/1979
Abu Ja'far ath-Thabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Katsir bin Ghalib al-Amali, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Muassasah ar-Risalah, t.tpt, 1420H/2000M
Al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadhil, *Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1379H
Al-Bustani, al-'Allamah asy-Syaikh Abdullah al-Bustani, *al-Bustan Mu'jam Lughawiy Muthawwal*, hlm. 952, Maktabah Lubnan, cet. Pertama, 1992.
Al-Fairuzabadi, Majd ad-Din Abu Thahir Muhammad bin Ya'qub, *al-Qamus al-Muhith*, Maktab Tahqiq at-Turats fi Muassasah ar-Risalah, t.tpt., 1426H/2005M
al-Fiqh al-Manhaji,

⁵² Petikan Titah sempena Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah sempena Sambutan Jubli Perak Pusat Dakwah Islamiah, pada 24 Rabiulakhir 1432H/29 Mac 2011

- al-Fiqh al-Muqaran,
Al-Haththab ar-Ru'ayni al-Maliki, Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman ath-Tharablisi al-Maghribi, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtashar Khalil*, Dar al-Fikr, t.tpt, 1992
- Ali Muhammad Muhammad ath-Thullabi (Dr.), *al-Wasathiyah fi al-Qur'an al-Karim*, Maktabah at-Tabi'in, Kaherah, Mesir & Maktabah ash-Shahabah, Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Cetakan Pertama, 2011
- Al-Kasani, Ala'ad-Din Abu Bakar bin Mas'ud bin Ahmad al-Kasani al-Hanafi, *Badai' ash-Shanai' fi Tartib asy-Syarai'*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.tpt, 1986
- Al-Qalyubi, Ahmad Salamah & 'Umairah, Ahmad al-Barlisi, *Hasyiata Qalyubi wa 'Umairah*, Dar al-Fikr, Beirut, 1995
- An-Nawawi, al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf, *Minhaj ath-Thalibin*, Dar al-Fikr, t.tpt, 2005
- An-Nawawi, al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf, *Shahih Muslim bi Syarh al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf an-Nawawi*, jil. 1, hlm. 669, Maktabah Nazzar Mushtafa al-Baz, cet. Pertama, 1996.
- Ar-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah Syihabuddin, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Dar al-Fikr, Beirut, 1984
- Ash-Shawi, Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad al-Khalwati, *Hasyiah ash-Shawi 'ala Syarh ash-Shaghir*, Dar al-Ma'arif, t.tpt, t.t.
- Asy-Syirbini, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khathib asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfazh al-Minhaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.tpt, 1994, jil. 5, him. 436
- Ibn 'Ashur, asy-Syeikh Muhammad ath-Thahir, *at-Tahrir wa at-Tanwir*, Dar Sahnun li an-Nashr wa at-Tauzi', Tunisia, 1997
- Ibn al-Atsir, Majd ad-Din Abu as-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad bin Abdul Karim asy-Syaibani al-Jazari, *an-Nihayah fi Gharib al-Hadits wa al-Atsar*, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Beirut, 1399H/1979M
- Ibn Katsir, Abu al-Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir al-Qurashi al-Bashri Tsumma ad-Dimasyqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim*, Dar Thayyibah li an-Nashr wa at-Tauzi', t.tpt, Cetakan kedua, 1420H/1999M
- Ibn Qudamah al-Muqaddisi, Abu Muhammad Muwaffiq ad-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Jama'ili al-Muqaddisi Tsumma ad-Dimasyqi al-Hanbali, *al-Mughni li Ibn Qudamah*, Maktabah al-Qahirah, t.tpt, 1968
- Ibn Taimiyah, Ahmad bin Abd al-Halim bin Taimiyah al-Harrani Abu al-'Abbas, *ash-Sharim al-Maslul 'ala Syatim ar-Rasul*, Dar Ibn Hazm, Beirut, Cetakan Pertama, 1417H, jil. 1, hlm, 362
- Ibnu Hajar, Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali ibn Hajar al-Haitami, *Tuhfah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, cet. Pertama, 1421H/2001M
- Ibnu Nujaim, al-'Allamah Zainuddin ibn Nujaim al-Hanafi, *al-Bahr ar-Ra'iq Syarh Kanz ad-Daqa'iq*, Dar al-Kitab al-Islamiyy al-Qahirah, cet. Kedua, t.t.
- Ibnu Taimiyah, Imam Taqiyuddin ibn Taimiyah, *Majmu'ah ar-Rasa'il wa al-Masa'il*, Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan, cet. Pertama, 1416H/1996M.
- Imam Abi Bakar Ahmad bin al-Hussien al-Baihaqi, *Syu'ab al-Iman*

- Imam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad ath-Thusi asy-Syafi'i al-Ghazali, *Kitab al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, hlm. 157-158, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Beirut-Lubnan, cet. Pertama, 1403H/1983M.
- Jalaluddin as-Suyuthi, Abdul Rahman bin Abu Bakar, *Jazil al-Mawahib fi Ikhtilaf al-Madzahib*, t.tpt, t.t
- K.H. Sirajuddin Abbas, *I'tiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah*, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Malaysia, cet. Keempat, 1978
- kertas kerja anti mazhab, JAKIM, al-Lamdzhabiyyah,
- Majma' al-Lughah al-Arabiah bi al-Qahirah, *al-Mu'jam al-Wasith*, Dar ad-Da'wah, t.tpt, t.t.
- Manna' al-Qaththan, *Tarikh Tasyri' Islami*,
- Muhammad az-Zuhayli (Dr.), *al-Mu'tamad fi Fiqh asy-Syafi'i*, Dar al-Qalam, Damascus, Cetakan ketiga, 1432H/2011M
- Muhammad bin Ahmad bin 'Arfah ad-Dusuqi al-Maliki, *Hasyiah ad-Dusuqi 'ala Syarh al-Kabir*, Dar al-Fikr, t.tpt, t.t
- Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi an-Nisaburi, *Shahih Muslim*
Pusat Dakwah Islamiah, *Bagiman Fitna Memanupulasi Ayat al-Qur'an*,
- Shahih al-Bukhari, al-Hafidz Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*
- Tengku Muhammad Hasbi as-Shiddieq, *Pengantar Ilmu Fiqh*
- The laws of Brunei Darussalam, (Revised Edition 1984), The Constitution of Brunei Darussalam, Volume 1, Chapter 1, bab 3 (1).
- Umar Sulaiman Abdullah al-Asyqar (Dr.), *al-Madkhal ila Dirasah al-Madzahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*,
- Umar Sulaiman Abdullah al-Asyqar (Dr.), *al-Madkhal ila Dirasat al-Madzahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*, Dar an-Nafa'is, Jordan, Cetakan ketiga, 2003
- Wizarah al-Awqaf wa sy-Syuun al-Islamiyyah, Kuwait, *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, hlm. 227, Dzat as-Salasil, Kuwait, cet. Kedua, 1408H/1988M.
- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Cetakan pertama, 2013, hlm. 171-172
- Yusuf al-Qaradhawi (Dr.), *Jarimah ar-Riddah wa 'Uqubah al-Murtad fi Dhaw' al-Qur'an wa as-Sunnah*, al-Maktab al-Islami, t.tpt, Cetakan ketiga, 1998, hlm. 42-43
- Petikan Titah sempena Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah sempena Sambutan Jubli Perak Pusat Dakwah Islamiah, pada 24 Rabiulakhir 1432H/29 Mac 2011

KONSEP WASATIAH DAN PRINSIP-PRINSIPNYA DALAM ISLAM¹

Profesor Unggul Datuk Dr Osman Bakar²
Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Universiti Brunei Darussalam (UBD)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

In the Name of Allāh, the Most Gracious, the Most Merciful

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kepentingan Ajaran dan Konsep Wasatiyah

Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk menjelaskan pengertian atau konsep (*madlul*) *wasatiyah* dan memperkenalkan serta menghuraikan beberapa prinsip (*muqawwim*) utamanya menurut perspektif Islam. Idea dan konsep *wasatiyah* mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam pemikiran dan kehidupan Islam sepanjang lebih empat belas kurun sejarahnya. Konsep ini merupakan salah satu konsep terpenting dalam ajaran agama Islam.

Ada beberapa sebab mengapa ajaran *wasatiyah* sangat istimewa di sisi agama Islam. **Sebab pertama**, konsep *wasatiyah* bersumberkan ajaran rabbani dan bukannya ajaran manusiawi. Konsep ini bukan terhasil daripada pemerahan otak manusiawi yang bebas daripada sebarang pengaruh wahyu Ilahi. Sebaliknya, ia terkandung dalam Kitab Suci al-Qur'an yang merupakan wahyu terakhir Ilahi kepada umat manusia. Oleh kerana al-Qur'an adalah kitab wahyu terakhir bagi umat manusia, maka implikasinya ialah bahawa ajaran *wasatiyah* itu sendiri cukup penting bukan sahaja bagi umat Islam tetapi juga bagi umat manusia seluruhnya. Tegasnya, dengan dunia menjadi semakin kacau bilau di mana fenomena keganasan dan pemikiran dan perbuatan yang keterlaluan dan melampau semakin menjadi-jadi maka dengan bersandarkan ajaran al-Qur'an bahawa Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم telah diutus oleh Allah تعالى سبحانه sebagai rahmat kepada sekalian alam (رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ) tidak hairanlah sekiranya ajaran *wasatiyah* menurut al-Qur'an akan dapat diterima dengan baik oleh umat manusia sejagat. Malahan, dalam masa kebelakangan ini konsep *wasatiyah* telah mula diketengahkan di pelbagai pentas wacana dan forum antarabangsa termasuklah di peringkat kepimpinan ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sendiri.

¹ Kertas ini dibentangkan di Seminar Wasatiyah sempena Majlis Ilmu 2015 anjuran Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam yang diadakan pada 9-11hb November 2015.

² Profesor Unggul (Distinguished Profesor) dan Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam.

Perkataan *wasatiyah* yang hendak dipopularkan di kalangan masyarakat Islam dewasa ini khasnya dan di kalangan masyarakat dunia amnya, adalah terbitan daripada perkataan *wasat* yang terdapat dalam Kitab Suci al-Qur'an. Perkataan ini terdapat hanya sekali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah al-baqarah, ayat 143, akan tetapi ada terdapat empat perkataan lain³ yang semuanya terbit daripada akar kata perbuatan yang sama, iaitu *wasata* sama seperti dengan perkataan *wasat*. Penggunaan istilah *wasat* dalam ayat 143, surah al-baqarah adalah seperti berikut:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Demikian juga Kami jadikan kamu umat pertengahan (*ummatan wasatan*) supaya kamu menjadi saksi terhadap umat manusia dan Rasulullah pula akan menjadi saksi terhadap kamu.

Namun demikian, kefahaman umum tentang konsep *wasatiyah* masih belum menepati makna dan pengertian perkataan *wasat* seperti yang dimaksudkan oleh al-Qur'an dalam ayat tersebut di atas. Kefahaman kita tentang konsep ini boleh menyimpang jauh daripada kefahaman yang sebenar sekiranya kita hanya bergantung pada istilah-istilah yang dianggap sebagai terjemahan perkataan *wasat* atau *wasatiyah* ke dalam bahasa-bahasa lain yang berkenaan. Sebagai contohnya ialah perkataan “sederhana” dalam bahasa Melayu dan perkataan “moderate” dalam bahasa Inggeris. Dua perkataan ini digunakan secara meluas di kalangan masyarakat Melayu Islam di rantau Asia Tenggara. Penggunaannya boleh menimbulkan salah faham terhadap konsep *wasatiyah* yang sebenar dan ia boleh menjadi masalah kepada masyarakat Islam sekiranya kita tidak berhati-hati kerana dalam pemakaiannya yang biasa istilah-istilah ini membawa makna dan pengertian pencapaian dan harga diri yang “lebih kurang”⁴ atau “average” dalam bahasa Inggeris. Sudah tentu pengertian “manusia atau umat

³ Empat perkataan berkenaan terdapat dalam ayat-ayat berikut: (1) Ayat 238 dalam surah al-baqarah (2:238): “Peliharalah segala solat fardu dan [peliharalah] solat wusta (*al-solat al-wusta*) dan berdirilah kerana Allah dengan taat dan khusyu’.” حَفِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَىٰ وَكُلُوا لِلَّهِ قَنِينًا

(2) Ayat 89 dalam surah al-ma'idah (5:89): “...maka kaffarahnya ialah memberi makan sepuluh orang miskin iaitu daripada jenis makanan yang kamu biasa berikan (*min awsat ma tut'imun*) kepada keluarga...”

فَكَفَّرْنَاهُ بِإِطْعَامِ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ
(3) Ayat 68 dalam surah al-qalam (68:28): “Orang yang bersikap adil antara mereka (*awsatuhum*) berkata, “bukankah aku telah mengatakan kepada kamu, alangkah baik sekiranya kamu bertasbih?” قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلْقَى لَكُمْ لَوْلَا تَسْبِيحُونَ

(4) Ayat 5 dalam surah al-'adiyat (100:5): “Lalu menyerbu ketika itu di tengah-tengah (*fa wasatna*) kumpulan musuh.” فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا

⁴ Saya pernah mendengar YB Pehin Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam menegur penggunaan perkataan “sederhana” di kalangan orang-orang Melayu Islam yang pada hakikatnya menyamakan “manusia sederhana” dengan “manusia lebih kurang.” Tegasnya, kita tidak mahu melihat orang Melayu Islam menjadi “manusia lebih kurang” tetapi sebaliknya kita mahu mereka menjadi manusia terbaik atau umat terbaik.

sederhana” ini bercanggah dengan salah satu makna perkataan *wasat* dalam al-Qur’an, iaitu yang terbaik dan terpilih. Oleh yang demikian adalah penting sekali supaya konsep *wasatiyah* menurut al-Quran diperjelaskan kepada masyarakat umum.

Haruslah sentiasa disedari bahawa oleh kerana perkataan *wasatan* (2:143) dan tiga perkataan lain yang seakar kata dengannya iaitu *wusta* (2:238), *awsat* (5:89; 68:28) dan *wasat* (100:5) semuanya terdapat dalam al-Qur’an maka perkataan-perkataan ini merupakan sebahagian daripada kalam Allah *سبحانه وتعالى* yang terzahir dalam bahasa Arab. Lantaran itu, perkataan-perkataan daripada al-Qur’an ini serta makna masing-masing yang sebenarnya sangat berkait rapat antara satu sama lain lantaran kesamaan makna etimologinya, semuanya diimani oleh orang-orang Muslim sebagai datang daripada Allah *سبحانه وتعالى*. Tambah lagi oleh kerana Allah *سبحانه وتعالى* telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa wahyu yang terakhir untuk umat manusia maka kefahaman kita tentang perkataan *wasat* hendaklah berpandukan pengertian yang diberikan kepada istilah tersebut oleh ahli-ahli ilmu tafsir dan ahli-ahli ilmu bahasa Arab yang paling berautoriti di kalangan para ulamak dan ilmuan Islam. Semua ini bermakna bahawa perkataan *wasatan* dalam ayat 2:143 tidak boleh ditafsirkan dengan sewenang-wenangnya. Salah satu prinsip penting ilmu tafsir al-Qur’an ialah kaedah *tafsir al-Qur’an bi’l-Qur’an*, yakni mentafsirkan al-Qur’an dengan al-Qur’an. Maksudnya ialah bahawa sebaik-baik pentafsir al-Qur’an ialah al-Qur’an sendiri. Pentafsir al-Qur’an yang kedua terbaik ialah hadith-hadith Nabawi. Sudah tentulah yang dimaksudkan dengan hadith-hadith Nabawi di sini ialah hadith-hadith yang sahih. Dengan mentafsirkan *ummatan wasatan* dengan berpandu dan bersandarkan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith-hadith Nabawi sahaja pun sudah mencukupi bagi kita untuk memahami konsep *wasatiyah* dengan baik.

Sebab kedua mengapa ajaran *wasatiyah* sangat istimewa di sisi agama Islam ialah kerana ayat 2:143 menekankan konsep umat terbaik dan isu jati diri umat Nabi Muhammad *صلى الله عليه وسلم*. Isu konsep umat atau masyarakat terbaik banyak dibincangkan oleh ahli-ahli fikir dari pelbagai tempat dan zaman sepanjang sejarah manusia. Memang menjadi idaman manusia untuk mencipta dan melahirkan masyarakat sempurna atau masyarakat ideal di dunia ini. Dalam peristilahan Islam masyarakat yang diidami manusia di dunia fana’ ini ialah yang antara lainnya digelar *darul al-salam* dan *baldatun tayyibatun* (negeri yang baik).⁵ Dalam al-Qur’an istilah *dar al-salam* disebut sebanyak dua kali⁶ dan ia ditujukan kepada negeri

⁵ Istilah dan konsep negeri terbaik ini terdapat dalam al-Qur’an dalam Surah Saba’, Ayat 15 (34:15): “Makanlah daripada rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. [Negeri kamu ini adalah] negeri yang baik (*baldatun tayyibatun*) dan [Tuhan kamu adalah] Tuhan Yang Maha Pengampun.”

⁶ *هَمَّ دَارُ السَّلَامِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ وَلِيُّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ* *Al-Qur’an*, Surah al-An’am, Ayat 127 (6:127) dan Surah Yunus, Ayat 25 (10:25).

akhirat yang aman damai di sisi Allah سبحانه وتعالى. Dalam sejarah Islam banyak negeri umat Islam yang diberi gelaran *Darussalam* dan diantaranya termasuklah Kesultanan Brunei.

Dari segi perspektif kejiwaan atau psikologi manusia cita-cita mereka untuk mewujudkan *dar al-salam* di dunia adalah suatu bentuk penzahiran kerinduan manusia terhadap *dar al-salam* di alam akhirat yang Allah telah jadikan sebagai sebahagian daripada fitrah manusia. Al-Qur'an menegaskan beberapa kali bahawa *dar al-salam* di alam akhirat adalah jauh lebih baik daripada negeri yang terbaik sekali pun yang pernah atau yang akan diwujudkan dalam sejarah manusia. Namun demikian, konsep *dar al-salam* duniawi dan penghayatannya di muka bumi ini boleh membantu para warganya membuat persiapan sebaik yang mungkin untuk kembali dengan selamat ke negeri *dar al-salam* di sisi Allah سبحانه وتعالى. Dengan kata lain, menerusi *dar al-salam* yang terbaik di dunia yang semestinya mencontohi umat *wasatiyah* yang diwujudkan oleh Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم para warganya boleh menyahut seruan Ilahi yang memanggil kita untuk ke *dar al-salam* yang terbaik yang berada di sisinya dalam keadaan bersiap sedia. Seruan Ilahi itu berbunyi seperti berikut:

وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

Dan Allah menyeru manusia ke Darussalam (*dar al-salam*) [tempat kediaman yang aman sentosa iaitu syurga] dan Dia sentiasa memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakinya ke jalan yang lurus.⁷

Dalam sejarah Islam ada berbagai-bagai nama lain yang telah digunakan untuk membawa maksud negeri atau masyarakat terbaik. Al-Farabi (870 TM – 950 TM) terkenal dengan karya politiknya (siyasa) yang berjudul *Al-Madinah al-fadilah* yang boleh diterjemahkan sebagai “Kota Raya Terpuji.”⁸ Dalam sebuah lagi karya politiknya iaitu *Tahsil al-sa'adah* (“Pencapaian Kebahagiaan”) al-Farabi menghuraikan konsep kebahagiaan duniawi sebagai syarat mencapai kebahagiaan yang kekal abadi di kehidupan akhirat nanti. Apa juga istilah yang digunakan dalam sejarah umat Islam salah satu kesamaan yang menyatukan pemikiran umat ialah ajaran mengenai kehidupan duniawi sebagai jambatan ke kehidupan ukhrawi.

Dalam sejarah dunia barat juga terdapat pelbagai teori masyarakat ideal atau masyarakat idaman. Di antara teori-teori ini termasuklah teori kontrak sosial Jean-Jacques Rousseau

⁷ Al-Qur'an, Surah Yunus, Ayat 25.

⁸ Judul lengkap karya al-Farabi ini ialah *Kitab mabadi' ara' ahl-madinat al-fadilah*. Richard Walzer, salah seorang sarjana Barat yang banyak mengkaji tentang pemikiran al-Farabi memberi judul *Negara Sempurna Menurut al-Farabi* (“Al-Farabi on the Perfect State”) kepada kitab ini.

(1712 TM – 1778 TM),⁹ ahli falsafah politik bangsa Perancis dan gambaran sebuah masyarakat *utopia*, yakni masyarakat yang ideal dan sempurna, yang dikemukakan oleh Francis Bacon (1561 TM – 1626 TM), seorang ahli sains dan ahli falsafah bangsa Inggeris menerusi novelnya *New Atlantis* (1627 TM). Masyarakat ideal ini ialah sebuah masyarakat sains dan teknologi yang menjanjikan syurga di dunia. Walau pun karya novel Bacon ini banyak diilhamkan oleh karya Abu Bakr Ibn Tufayl¹⁰ (sekitar 1100 TM – 1185 TM), seorang ahli falsafah Islam dari Andalusia, dari pelbagai segi tetapi Bacon mengalihkan tumpuan pandangannya kepada masa depan di dunia dan bukan masa depan di akhirat. Satu lagi teori masyarakat idaman yang patut disebutkan di sini ialah teori yang dikemukakan oleh Karl Marx (1818 TM – 1883 TM) iaitu teori komunisme yang melihat masyarakat tanpa agama dan masyarakat tanpa kelas sebagai masyarakat ideal.

Adalah jelas kepada kita bahawa di dunia Barat moden teori masyarakat ideal dan sempurna sudah menjadikan kehidupan duniawi sebagai matlamat akhir kewujudan manusia di muka bumi. Bagi Francis Bacon kesempurnaan masyarakat ditentukan oleh kemajuan sains dan teknologi; bagi Rousseau kesempurnaan masyarakat boleh terjamin menerusi hak-hak asasi politik yang tidak terhad; dan bagi Karl Marx masyarakat terbaik akan tercapai apabila lenyapnya agama daripada kehidupan manusia dan apabila tidak ada lagi martabat, kelas dan pangkat dalam masyarakat. Tegasnya bagi Marx kesamarataan masyarakat dalam segala segi merupakan ciri terpenting masyarakat ideal.

Dalam konteks dunia semasa atau mu'asir di mana semakin ramai manusia yang tidak lagi memahami tujuan sebenar kehidupan bermasyarakat seperti yang kita perhatikan sekarang ini konsep umat *wasatiyah* dan umat terbaik yang dimajukan oleh al-Qur'an perlu diperjelaskan kepada umat manusia. Al-Qur'an menegaskan bahawa umat dan masyarakat terbaik yang pernah diwujudkan di atas muka bumi ini ialah umat dan masyarakat yang diasaskan dan yang dipimpin oleh Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم. Ciri-ciri umat *wasatiyah* dan umat terbaik menurut perspektif Islam akan diuraikan dalam bahagian berikut. Umat Islam sepanjang zaman akan sentiasa melihat umat Islam terawal iaitu umat yang terbentuk daripada generasi Rasulullah صلى الله عليه وسلم sebagai umat mithali yang harus dicontohi oleh generasi-generasi berikutnya hinggalah ke Hari Kiamat. Masa sudah menunjukkan bahawa segala teori ciptaan manusia tentang penyusunan dan tatasusila masyarakat yang boleh menjamin kesejahteraan hidup ahli-ahlinya telah gagal mencapai matlamatnya. Ajaran al-Quran tentang umat terbaik tidak pernah tercabar oleh teori-teori kemasyarakatan ciptaan manusia yang datang dan pergi.

⁹ Lihat Jean-Jacques Rousseau, *The Social Contract or Principles of Political Right* (1762).

¹⁰ Karya Ibn Tufayl yang berjudul *Hayy ibn Yaqzan* dianggap oleh sesetengah ilmuwan dan sastrawan sebagai novel pertama dalam bahasa Arab. Selain Roger Bacon dan Francis Bacon ramai lagi ilmuwan Barat yang terpengaruh oleh novel Ibn Tufayl. Sila lihat Samar Attar, *The Vital Roots of European Enlightenment: Ibn Tufayl's Influence on Modern Western Thought* (Plymouth: Lexington Books, 2007).

Isu jati diri umat Nabi Muhamamad صلى الله عليه وسلم yang dibangkitkan oleh ayat 2:143 adalah juga penting bagi agama Islam. Boleh ditegaskan bahawa ciri *wasatun* adalah unsur teras dalam jati diri umat Islam. Setiap umat mempunyai jati diri. Pada asasnya, jati diri umat Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم ialah pertengahan atau kewasatiahannya. Ayat 2:143 jelas menimbulkan isu jati diri umat Islam kerana ia membicarakan isu kiblat sembahyang untuk mereka. Dari segi *asbab al-nuzul*-nya ayat ini diturunkan sekitar 16 bulan lebih selepas peristiwa hijrah bagi menjawab kritikan daripada mereka di kalangan kaum musyrikin, kaum munafiqin dan orang-orang Yahudi yang mempersoalkan atau memperolok-olokan keputusan Allah سبحانه وتعالى memindahkan kiblat solat bagi umat Islam¹¹ dari Baitulmaqdis ke Makkah al-Mukarramah. Isu kiblat solat bukan sahaja dibicarakan dalam ayat 2:143 di mana dengan serta merta ia menyusuli isu *ummatan wasatan* tetapi juga dalam ayat sebelumnya dan dalam beberapa ayat yang menyusulinya. Kumpulan ayat-ayat ini yang diturunkan berhubung dengan isu penukaran kiblat solat jelas menunjukkan adanya kaitan rapat antaranya dengan isu jati diri umat Islam.

Penukaran kiblat solat daripada Baitulmaqdis ke Makkah al-Mukarramah amat bererti dan simbolik sekali. Kiblat solat adalah sebahagian daripada jati diri agama. Dengan penukaran kiblat ke Makkah al-Mukarramah jati diri unggul umat Islam terserlah. Setelah terbentuknya masyarakat Islam di al-Madinah al-Munawwarah sebaik sahaja selepas Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم dan pengikut-penganutnya berhijrah ke kota itu seperti yang dilambangkan oleh pembangunan masjid yang pertama di situ sewajarnya umat Islam mempunyai jati diri yang tersendiri dari awal-awal lagi dalam proses pembentukan umat yang ditentukan oleh Allah سبحانه وتعالى sendiri. Masyarakat Islam berkongsi Baitulmaqdis sebagai kiblat solat dengan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani sebelum penukaran dibuat. Ini bermakna bahawa kiblat solat belum lagi menjadi unsur jati diri yang unggul bagi umat Islam. Tetapi penukaran kiblat tidak patut dibuat semata-mata kerana hendak menunjukkan perbezaan dengan orang-orang Yahudi dan Nasrani. Pemilihan Makkah al-Mukarramah sebagai kiblat baru masyarakat Islam dibuat oleh Allah سبحانه وتعالى atas alasan-alasan yang manusia sendiri boleh memahami dan menerimanya dan yang mereka tidak boleh pertikaikan selagi mana mereka tidak menurut hawa nafsu mereka.

¹¹ Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, Ayat 142. سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّيْنَاهُمْ عَن قِبَلِنَا الَّذِي كَانُوا عَلَيْهِمْ فَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Menurut Ibn ‘Abbas رضي الله عنه perkataan *kadhalik* dalam ayat 2:143 merujuk kepada alasan penukaran kiblat. Alasan yang dinyatakan oleh beliau ialah bahawa umat Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم telah dimuliakan dengan kedudukan sebagai penyambung agama Nabi Ibrahim sedangkan kiblat solatnya ialah Makkah al-Mukarramah.¹² *Tafsir al-Baydawi* juga mentafsirkan *kadhalik* sebagai merujuk kepada penukaran kiblat solat yang disebutkan dalam ayat sebelumnya¹³ iaitu ayat 2:142. Tetapi al-Baydawi tidak menyatakan alasan penukaran seperti yang dibuat oleh Ibn ‘Abbas رضي الله عنه . Dengan ini kedua-dua tokoh ilmu tafsir ini menegaskan adanya kaitan rapat antara penukaran kiblat solat dengan pembentukan umat *wasatiyah* yang dipimpin oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم . Bagaimana pun kita akan dapat memahami kaitan rapat antara kedua-duanya itu dengan lebih baik sekiranya kita memahami makna dan pengertian perkataan *wasat*.

Makna Wasat

Menurut kamus-kamus klasik bahasa Arab, dari segi ilmu bahasa perkataan *wasat* mempunyai pengertian-pengertian yang berikut. Pertamanya, ia membawa makna kedudukan tempat (*ism li'l-makan*) yang terletak di tengah-tengah. Dengan kata yang lain istilah *wasat* menunjuk kepada makna pertengahan atau pusat sesuatu kawasan. Tetapi pengertian pertengahan dan pusat tidak terbatas kepada benda-benda fizikal. Ia juga boleh ditujukan kepada objek yang bukan fizikal atau yang abstrak. Sebagai contohnya kita boleh menggunakan istilah pertengahan untuk merujuk kepada ciri umat yang bersifat abstrak seperti pemikiran dan budi pekerti dan akhlaknya. Merujuk kepada kedudukan tempat istilah *wasat* juga membawa makna keseimbangan kerana salah satu peranan pusat sesuatu ialah mengimbangi segala bahagian dan jujuk-jujuknya tak ubah seperti konsep pusat graviti dalam ilmu fizik. Maka dengan itu kita memperoleh makna kedua istilah *wasat* iaitu keseimbangan dan keharmonian (*taswiyyah*). Ketiganya, istilah *wasat* membawa makna yang terbaik sama ada bila dirujuk kepada manusia (*hua min wasati qawmihi*) atau kepada benda-benda lain pada umumnya (*hua min wasati al-shay'*). Menurut kamus-kamus ini makna yang terbaik di kalangan sesuatu kaum meliputi sifat kemuliaan dan sifat pemurah hati. Keempatnya, istilah *wasat* membawa makna yang adil. Makna ini ada kaitan dengan makna kedudukan tempat kerana menurut takrif dan definisi tradisionalnya adil ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Makna adil adalah juga makna yang diberikan oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم kepada *ummatan wasatan*. Menurut hadith yang diriwayatkan

¹² Lihat Abu Tahir Muhammad b. Ya'qub al-Fayruzabadi, *Tanwir al-Maqbas min Tafsir ibn ‘Abbas* (Kaherah: Al-Halabi, 1370 TH/1951 TM).

¹³ Lihat Ibn Muhammad al-Baydawi, *Tafsir al-Baydawi al-Musamma Anwar al-Tanzil fi Asrar al-Ta'wil* (Damascus: Dar al-Rashid, 1421 TH/2000 TM).

oleh Abi Sa'id al-Khudri رضي الله عنه apabila Rasulullah صلى الله عليه وسلم ditanya apa yang dimaksudkan dengan *ummatan wasatan* Baginda menjawab “adil.”

Salah satu kelebihan bahasa Arab berbanding dengan bahasa-bahasa lain ialah betapa kecilnya jurang perbezaan di antara makna dari segi bahasa dan makna dari segi konsep keagamaan. Ini jelas dapat kita lihat dalam kes pengertian istilah *wasat*. Dengan berdasarkan pengertian istilah ini dari sudut pemakaian bahasa Arab kita dapat menyimpulkan bahawa makna-makna tersebut dapat diberi kepada istilah *ummatan wasatan* untuk dijadikan ciri-cirinya. Ilmu tafsir menghuraikan makna ciri-ciri ini menurut kaedah-kaedahnya yang kita sedia maklum. Kesimpulannya ialah bahawa umat *wasatiyah* adalah umat pertengahan, umat seimbang, umat terbaik dan umat yang adil.

Prinsip-Prinsip Wasatiyah

Sekiranya istilah prinsip hendak digunakan sebagai terjemahan kepada perkataan *muqawwim* dalam bahasa Arab, maka yang dimaksudkan dengan prinsip di sini ialah unsur yang menjadi jujuk utama atau jujuk teras kepada makna dan pengertian *wasatiyah*. Tegasnya, *muqawwimat* (jamak atau plural kepada *muqawwim*) yang merujuk kepada konsep *wasatiyah* membawa maksud jujuk-jujuk paling asasi yang membentuk makna *wasat* selaras dengan ajaran al-Qur'an. Sudah dibincangkan tadi makna-makna asasi perkataan *wasat* iaitu pertengahan, seimbang, yang terbaik dan yang adil. Semua makna ini membayangkan sifat dan ciri-ciri terpuji umat Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم yang terangkum dalam istilah *ummatan wasatan*. Prinsip-prinsip pertengahan, keseimbangan (*taswiyyah*) dan kesihatan, *khayrun ummah* (umat terbaik) dan keadilan merupakan ajaran-ajaran pokok agama Islam. Umat Islam adalah umat pertengahan dari berbagai-bagai segi. Dari segi fizikal umat Islam boleh disifatkan sebagai umat pertengahan dalam ertikata bahawa pusat kerohanian mereka ialah Kaabah di Makkah al-Mukarramah. Menurut pandangan ramai ulamak dan ilmuwan Islam Makkah al-Mukarramah adalah pusat dunia. Berbagai-bagai hujah diberikan untuk menyokong pendapat ini tetapi yang sangat relevan dan cocok dengan perbincangan kita dalam kertas ini ialah kedudukan istimewa Makkah al-Mukarramah sebagai tempat suci pertama di dunia. Al-Qur'an menegaskan bahawa Allah سبحانه وتعالى telah memilih *Bakkah* sebagai tempat pertama Baytullah didirikan untuk manusia:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

Sesungguhnya rumah [tempat ibadah] yang mula-mula dibina untuk manusia [beribadah kepada Tuhannya] ialah di Bakkah yang berkat dan dijadikan [hidayah] bagi umat manusia.¹⁴

¹⁴ Al-Qur'an, Surah Ali 'Imran, Ayat 96.

Bakkah ialah nama lama bagi Makkah al-Mukarramah. Menurut Ibn ‘Abbas Makkah al-Mukarramah adalah kiblat solat bagi semua nabi. Nabi Adam عليه السلام telah diperintahkan oleh Allah سبحانه وتعالى untuk mendirikan Baytullah pertama di Makkah al-Mukarramah. Oleh kerana pusat umat Islam terletak di Makkah al-Mukarramah yang merupakan pusat dunia maka ada asas untuk menggelar umat Islam sebagai umat pertengahan.

Namun demikian alasan yang lebih penting untuk menggelar umat Islam sebagai umat pertengahan ialah kewasatiahannya (“middleness”) dari segi amal ibadat mereka, dari segi pemikiran mereka, dari segi kehidupan kemasyarakatan mereka termaksud kehidupan ekonomi mereka dan dari segi ketamadunan mereka. Prinsip pertengahan ini wajar diterima sebagai salah satu prinsip *wasatiyah*.

Umat Islam adalah umat seimbang. Ciri kesimbangan umat Islam turut disumbangkan oleh penghayatan prinsip pertengahan yang disebutkan tadi. Konsep kesimbangan dan kerharmonian (*taswiyyah*) berkait rapat dengan konsep kesihatan. Kesihatan dilihat sebagai natijah daripada keseimbangan. Dalam ilmu perubatan Islam kesihatan badan ditakrifkan sebagai keseimbangan yang wujud dan terpelihara antara bahagian-bahagian dan segala juzuknya. Manusia yang sihat akan jatuh sakit apabila keseimbangan pada dirinya terjejas. Konsep kesihatan untuk tubuh badan manusia ini diperluaskan kepada tubuh badan masyarakat manusia. Syariat Ilahi yang menjamin keseimbangan umat Islam. Apabila masyarakat menolak atau melanggar Syariat Ilahi masyarakat itu akan dilanda oleh pelbagai penyakit masyarakat. Umat Islam akan terus sihat selagi keseimbangannya terpelihara berkat ianya taat dan patuh kepada Syariat Ilahi. Prinsip keseimbangan ini haruslah dijadikan sebagai prinsip kedua *wasatiyah*.

Umat Islam adalah umat terbaik kerana tiga perkara pokok iaitu *ta’murun bi’l-ma’ruf* (menyuruh kepada yang makruf), *watanhaun ‘an al-munkar* (menegah yang munkar) nahi dan keimanan dengan Allah سبحانه وتعالى. Al-Qur’an menegaskan:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah”.¹⁵

Umat Islam menjadi umat *wasatiyah* kerana mereka patuh melaksanakan suruhan-suruhan Allah سبحانه وتعالى yang tersebut di atas. Bukan sahaja mereka melaksanakan setiap satu daripada tiga perkara tersebut tetapi juga menghayatinya secara seimbang. Prinsip al-khiyar

¹⁵ Al-Qur’an, Surah Ali ‘Imran, Ayat 110.

(kecemerlangan, kehebatan, keteratasan, dsb.) adalah satu lagi prinsip *wasatiyah* yang harus diberi perhatian oleh umat Islam zaman ini.

Akhirnya, umat Islam adalah umat yang adil. Amat tepat sekali bagi Rasulullah ﷺ mencirikan umat *wasatiyah* sebagai umat yang adil. Ini adalah kerana istilah *ummatan wasatan* dikaitkan dengan peranan umat sebagai para saksi ke atas seluruh umat manusia. Umat Islam tidak akan mampu untuk memainkan peranan ini sekiranya mereka tidak memiliki roh keadilan dan jika orang-orang Islam tidak memiliki sifat adil sesama mereka dan dalam hubungan mereka dengan orang lain. Prinsip keadilan adalah teras ajaran agama Islam. Dengan itu prinsip keadilan adalah prinsip *wasatiyah* yang keempat untuk kita hayati. Insha Allah umat Islam akan maju jaya di dunia ini dan di akhirat sekiranya kita menghayati keempat-empat prinsip *wasatiyah* di atas dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. *Wabillah al-tawfik wal-hidayah, wabihi nasta'in.*

MODEL WASATIAH DALAM SEJARAH ISLAM

Profesor Dato Wira Dr Ismail bin Ibrahim
Mantan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Keterangan yang dipelajari dari berbagai-bagai tafsiran tentang ayat 143 Surah Al-Baqarah, ternyata bahawa ummatan wasatan ialah merupakan sifat utama umat Islam, iaitu umat Rasulullah SAW, sebagai Rasul yang terakhir setelah sebelumnya tertera berbagai cerita dari Al-Quran sendiri tentang pelbagai kaum dan umat manusia sebelum umat Rasulullah, yang rata-ratanya merupakan umat-umat yang mengingkari perintah Allah SWT dan menderhaka kepada Nabi-Nabi yang diutuskan kepada kaum dan umat tersebut. Umat Islam yang menerima syariat Nabi Muhammad SAW inilah yang merupakan ummatan wasatan yang diberikan pentafsiran oleh para pentafsir sebagai umat yang adil, lagi terpilih.

Firman Allah SWT ayat 143 Surah Al-Baqarah (2) yang maksudnya:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus) Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran)

Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu (Tafssir Fi Zilalul-Quran – Di Bawah Bayangan Al-Quran – Sayyid Qutub – Terjemahan Yusoff Zaky Haji Yacob)

Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhamad) satu umat yang adil supaya kamu layak menjadi orang yang member keterangan kepada umat manusia dan supaya Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Tafsir Pedoman Muttaqin – Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor)

Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia, dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu (Al-Quran dan terjemahannya – Percetakan Al-Malik Fahd, Al-Madinah Al-Munawwarah, Arab Saudi)

Thus We have made you (true Muslims – a real believers of Islamic Monotheism, true followers of Prophet Muhammad and his Sunnah, legal ways) a just (and the best) nation , that you be witnesses over mankind, and the Messenger (Muhammad) be a witness over you (English Translation of Al-Quran, Al-Malik Fahd Printing, Al-Madinah AL-Munawwarah, Kingdom of Saudi Arabia)

(1) KONSEP WASATIYYAH

Keterangan yang di pelajari dari berbagai-bagai tafsiran tentang ayat ini, ternyata bahawa *ummattan wasatan* ialah merupakan sifat utama umat Islam, iaitu umat bagi Rasulullah SAW, sebagai Rasul yang terakhir setelah sebelumnya tertera berbagai cerita dari Al-Quran sendiri tentang pelbagai kaum dan umat manusia sebelum umat Rasulullah, yang rata-ratanya merupakan umat-umat yang mengingkari perintah Allah SWT dan menderhaka kepada Nabi-Nabi yang di utuskan kepada kaum dan umat tersebut.

Umat Islam yang menerima syariat Nabi Muhammad SAW inilah yang merupakan *ummattan wasatan* yang diberikan pentafsiran oleh para pentafsir sebagai umat yang adil, lagi terpilih. Pentafsiran inilah yang diberikan oleh Tafsir Pimpinan Al-Rahman, Jabatan Perdana Menteri yang mencatatkan juga nota kaki tentang maksud *ummattan wasatan* dengan penjelasan yang berikut:

“Ummattan wasatan bermakna umat pilihan lagi adil, dan juga bermakna umat yang pertengahan, iaitu pertengahan segala pembawaannya, tidak melampaui dan tidak keterlaluhan di dalam sebarang menganut kepercayaannya, demikian juga akhlak dan amalannya, segala-galanya berkeadaan di tengah-tengah, sama-sama di pandang dan di pelajari dan di usahakan meliputi soal-soal dunia dan akhirat, Tiap-tiap orang yang berdiri di tengah-tengah dengan mengambil tahu secara mendalam dan memandang berat kepada perkara-perkara yang berlaku di sekelilingnya, maka pertimbangannya serta pengetahuannya mengenai baik buruknya perkara-perkara itu adalah adil, benar dan sah. Dengan semikian layaklah ia memberi keterangan kepada orang-orang yang keadaannya tidak seperti dia”.

Ayat 143 ini merupakan sambungan dari pembicaraan tentang isu “perubahan Kiblat”, dari arah Baitul-Maqdis ke Ka’bah atau Baitullah, yang tersebut di dalam beberapa ayat sebelum ini khususnya ayat 142. Perintah Allah tentang perubahan Kiblat ini bakal menjadi isu yang di eksploitasikan oleh musuh-musuh umat Islam untuk menjadikannya satu isu permusuhan dan bantahan kepada baginda Rasulullah SAW sendiri.

Musuh-musuh Islam itu adalah terdiri dari kaum musyrikin kafir Quraisy, munafikin dan Yahudi. Allah SWT amat mengetahui aka isi hati para musuh baginda Rasulullah SAW ini, maka ayat 142 ini diturunkan kepada baginda sebelum lagi turunnya perintah Allah saw supaya baginda mengubah arah kiblat ini, iaitu sebagai memberi amaran awal kepada baginda bahawa perintah perubahan kiblat ini akan dijadikan isu oleh pihak musuh baginda. (Abdul Hayei)

Ayat 142 bermaksud:

“Orang-orang dungu di antara manusia akan berkata: Apa sebabnya yang memalingkan orang Islam dari kiblat yang mereka hadapi selama ini? Katakanlah (Wahai Muhammad) sesungguhnya timur dan barat adalah kepunyaan Allah. Dia yang memberikan hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus”

Ayat 141 pula tentang golongan melampau ini, bahawa mereka adalah satu umat yang telah berlalu sejarahnya, bagi mereka apa-apa yang telah di usahakan oleh mereka, dan bagi kamu

pula apa-apa yang kamu usahakan, dan kamu tidak akan dipersoalkan tentang apa-apa yang telah mereka kerjakan.

Sebab itulah, ayat 143 setelah Allah SWT menerangkan tentang kedudukan umat Muhammad sebagai umat yang adil dan terpilih, lalu disambungkan dengan firman Allah yang bermaksud:

“...dan tidak Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi (melahirkan) pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul dan siapa pula yang berpaling tadah (balik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya soal peralihan arah kiblat itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali ke atas orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah, dan Allah tidak sekali-kali akan mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih kepada manusia.”

UMAT YANG ADIL DAN TERPILIH

Dalam konteks ini maka tafsiran *ummatan wasatan* bagi umat Muhammad sebagai umat yang adil dan terpilih adalah sebagai perbandingan terhadap umat-umat lain, yang dalam sejarah mereka ternyata bahawa mereka yang terdahulu itu merupakan penentang dan pendurhaka terhadap Rasul-Rasul yang di utuskan Allah untuk mengajak mereka kepada agama tauhid. Allah SWT menerangkan di dalam al-Quran bahawa mereka sering mendustakan para Rasul yang diutuskan kepada mereka, malah ada di antaranya yang dibunuh.

Oleh itu dalam konteks ini umat Muhammad adalah umat yang terbaik kerana mereka menerima ajaran Rasulullah SAW dan mereka dengan itu telah berlaku adil terhadap ajaran Allah SWT yang disampaikan kepada mereka. Maka dalam keadaan ini mereka adalah layak menjadi saksi kepada manusia seluruhnya, dan Rasulullah SAW menjadi saksi kepada mereka, iaitu umat Islam.

SISTEM YANG TERBAIK

Shaikh Mutawalli Al-Sya'rawi cuba mentafsirkan umat yang adil dan terpilih ini dengan membawa beberapa konsep dan ideologi pemikiran manusia moden, umpamanya dalam sistem ekonomi yang berbentuk kapitalis dan sosialis, yang hanya akan membawa kepada berlakunya kerisis dalam masyarakat umat manusia, dan yang tidak mungkin dapat diselesaikan, kecuali dengan mencari jalan penyelesaian dari sistem umat Nabi Muhammad sebagai *ummatan wasatan*. Oleh itu sistem ekonomi Islam adalah merupakan satu sistem yang adil bagi semua umat manusia.

Shaikh Al-Sya'rawi membuat pentafsiran ini ketika beliau masih hidup dan sempat menyaksikan kejatuhan sistem komunis, sungguh pun beliau tidak dapat menyaksikan kerisis ekonomi dunia akhir-akhir ini yang tidak dapat diselesaikan oleh sistem kapitalis Barat, atau sistem sosialis/komunis, malah sistem Islam telah berjaya menunjukkan kemampuannya bagi menyelesaikan kerisis ekonomi dunia ini.

Hal ini membuktikan bahawa sistem syariah umat Islam ini lebih baik dari sistem yang lain, yang lebih sesuai dengan kehendak manusia bagi mencapai kehidupan dunia akhirat yang sejahtera, Syariah ini menyahut segala keperluan manusia secara individu atau kelompok, dan sesuai dengan keperluan yang seimbang diantara rohani dan jasmani, akal dan fizikal manusia. (Abdul Hayei)

Agama Islam adalah agama tauhid yang merupakan satu sistem akidah yang adil, tidak menafikan kewujudan Tuhan Yang Maha Esa, tetapi dalam masa yang sama menolak kepercayaan kepada Tuhan yang berbilang. Umat yang diserukan oleh para Nabi dan Rasul terdahulu supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa menentang seruan ini malah meneruskan amalan yang mereka warisi dari nenek moyang mereka dengan mempersekutukan Allah, atau mengubah konsep Tuhan Yang Maha Esa kepada konsep berbilang Tuhan.

Kisah penentangan dan pendurhakaan kaum-kaum yang lalu terhadap para Nabi dan Rasul yang diutuskan kepada mereka banyak dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran. Surah *Al-Syu'ara'* (26) menyebut tentang keingkaran Firaun terhadap Nabi Musa dan akibat yang diterima oleh Firaun dan pengikut setianya, yang dihancurkan begitu rupa, seperti yang tersebut di dalam ayat 10 hingga 68, yang mengandungi hujah palsu yang diujahkan oleh Firaun untuk menafikan kerasulan dan amanah Allah yang dibawakan Nabi Musa kepada mereka, sehingga akhirnya Firaun dan pengikutnya ditenggelamkan ke dalam lautan.

Mulai ayat 69 sehingga ayat 104 surah yang sama, Allah SWT menceritakan tentang kelebihan agama Allah dan kesuciannya seperti yang dibawakan oleh Nabi Allah Ibrahim kepada kaumnya, termasuk kepada bapanya sendiri, yang juga berakhir dengan penentangan dan bagaimana amaran yang diberikan oleh Nabi Ibrahim tidak dihiraukan oleh kaumnya. Demikian juga dalam surah yang sama mulai dari ayat 105 hingga ayat 122 diceritakan pula tentang risalah Allah yang dibawakan oleh Nabi Nuh kepada kaumnya, dan akhirnya kaum ini juga dibinasakan Allah kerana keingkaran mereka yang melampau.

Seterusnya surah yang sama menceritakan tentang Nabi 'Ad, Thamud, Saleh, Lut, dan Syu'aib, yang tujuannya bukan hanya untuk memperikan tentang kemungkaran kaum-kaum mereka, tetapi untuk melembutkan hati Rasulullah SAW dalam menjalankan amanah Allah kepada umat manusia seluruhnya, yang juga menerima tentangan dari kaum-kaum yang tertentu.

Maka umat yang sanggup menerima agama tauhid yang dibawakan oleh Rasulullah SAW sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir itu, meyakini bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang maha esa, yakin dengan akidah, syariah dan akhlak agama suci ini, serta beramal dengan segala ajarannya, maka mereka itulah umat yang terpilih dan umat yang telah melakukan keadilan kepada Allah, kepada Nabi Muhammad dan kepada umat manusia lainnya, tidak seperti umat yang sebelum ini, yang terpaksa dihancurkan oleh Allah swt kerana sifat-sifat keji yang mereka lakukan dalam menentang agama Islam ini.

Mereka yang ingkar itu juga telah bertindak di luar bidang ajaran agama Tauhid, dengan meminda dan menyelewengkan kitab-kitab suci yang diturunkan kepada mereka, dan mengingkari kerasulan Nabi Muhammad sebagai nabi yang terakhir, sedangkan umat Muhammad tidak bertindak meminda kitab suci Al-Quran atau mengubah konsep ketuhanan, bahawa Allah adalah asa yang tidak mempunyai sekutu, untuk mengubah sistem kepercayaan dan amalan mereka.

Dengan itu jika dibandingkan umat Islam dengan umat-umat lain yang menentang perintah Allah dan segala ajaran yang disampaikan oleh para Nabi dan Rasul utusan Allah kepada mereka, maka ternyata bahawa umat Nabi Muhammad telah bertindak dengan adil sebagai satu umat yang terbaik lagi terpilih.

UMAT SEDERHANA DAN SEIMBANG

Kecenderungan untuk mentafsirkan *ummatan wasatan* sebagai umat yang sederhana dan seimbang juga mungkin mempunyai kewajarannya, iaitu berdasarkan kepada penjelasan beberapa pentafsiran tentang istilah ini dalam ayat 143 surah Al-Baqarah tersebut, yang menyebut bahawa umat Islam adalah umat yang mengikut jalan tengah, iaitu jalan yang tidak berat ke kiri dan tidak berat kekanan, tidak terlalu kebendaan seperti Yahudi, dan tidak terlalu kepaderian seperti Nasara, antara kebebasan yang melampau atau kongkongan secara zalim. Syariat agama Islam menyahut segala keperluan manusia, sama ada individual atau pun kumpulan, kesepaduan antara kehendak akal, tubuh badan dan ruh manusia, tanpa ada keterlaluan dan kecuaiian.

Wasatiyyah adalah berasal dari perkataan Arab *wasat* iaitu “tengah” atau “pertengahan” Malah terdapat satu pecahan kalimah *wasat* ini di dalam Hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan bahawa (Sebaik-baik perkara itu ialah “pertengahan” nya”) dan pengertian “pertengahan” ini disebutkan di dalam Hadis tersebut dalam bahasa Arab sebagai *Ausat* yang juga pecahan daripada kalimah *wasat*, yang berarti bahawa sebaik-baik sesuatu amalan, perkataan, pekerjaan dan sebagainya itu adalah yang berasaskan kepada konsep pertengahan. Berdasarkan Hadis ini juga, dan pengertian ayat Al-Quran yang menyebut tentang orang Islam sebagai *Ummatan Wasatan* (Surah Al-Baqarah ayat 143) maka konsep *wasatan* ini sering diterjemahkan sebagai “umat pertengahan”.

Bagaimana pun konsep “pertengahan” ini haruslah ditafsirkan secara yang positif, terutamanya dalam meletakkan kedudukan umat Islam di dalam dunia global, teknologi dan ilmu, serta di dalam persaingan ekonomi, juga dalam membina peradaban dan tamadun manusia sejagat sesuai dengan risalah atau misi Islam itu sendiri.

UMAT YANG MENUNTUT DUNIA DAN AKHIRAT

“Ummatan wasatan” bukan bererti umat yang mundur, yang meninggalkan dunia seluruhnya, yang hanya melihat kepada dunia akhirat tanpa mengusahakan peluang yang diberikan Allah kepada manusia di dunia ini.

Kemunduran negara-negara Islam dalam pembangunan ekonominya, berkemungkinan besar kerana umat Islam merasakan bahawa mereka tidak seharusnya mengejar kebendaan dan terlalu ghairah untuk mencari kekayaan dunia ini, demikian juga ketinggalan dalam bidang teknologi dan ilmu pengetahuan, mungkin juga kerana sikap mereka yang sambil lewa dalam menuntut ilmu. Malah kemiskinan dan kejahilan adalah merupakan bidang kehidupan yang diperangi oleh Islam, dan segala institusi ilmu dan ekonomi yang diasaskan oleh Islam adalah bertujuan untuk memerangi dua jenis penyakit ini, iaitu kemiskinan dan kejahilan, disamping meningkatkan tamadun dan peradaban umat itu sendiri.

Perangkaan yang dibuat oleh World Bank menunjukkan bahawa 53 peratus dari ahli Persidangan Negara Islam (OIC) adalah termasuk di dalam kategori negara-negara yang berpendapatan rendah, iaitu kira-kira separuh daripada negara-negara dunia yang berpendapatan rendah. Negara-negara OIC yang berpendapatan tinggi pula hanya terdiri daripada sembilan peratus sahaja dari keseluruhan negara anggota OIC. Hal ini menunjukkan bahawa rata-rata negara Islam masih berada di dalam kategori negara miskin dan mundur, dan rakyatnya pula hidup sengsara dalam keadaan taraf kesehatan yang daif, buta huruf, kebuluran, ketinggalan dalam pendidikan dan berbagai masalah lain lagi.

Oleh itu konsep *wasatiyyah* tidaklah seharusnya ditafsirkan sebagai cara hidup yang membawa umat Islam ke belakang, ke arah kemunduran dan ketinggalan di dalam segala bidang kehidupan mereka dunia dan akhirat, kerana dasar *wasatiyyah* lebih menjurus kepada pembentukan umat Islam yang mempunyai sikap dan tindakan serta amalan yang tidak ekstrem atau condong kepada sikap radikal dan melampaui batas dalam semua keadaan dan bidang kehidupannya, melupakan nilai-nilai akhlak dan moral kerohanian dalam segala tindakan dan amalannya, tidak melampaui batasan akhlak dan nilai-nilai tamadun dalam memperjuangkan hak dan menunaikan tanggung jawabnya an korban nyawa yang masih berlaku di tengah-tengah benua yang maju dan “bertamadun” itu. Rusuhan antara agama berlaku di India, Indonesia dan lain-lain lagi. Letupan bom yang membunuh ramai orang berlaku di Spanyol, Mexico, Somalia, Bali, dan di tempat lain.

UMAT YANG BERMARUAH DAN MEMPUNYAI JATI DIRI

Dalam salah satu siri CNN Larry King Live selepas peristiwa 11 September, seorang pendeta Yahudi memetik beberapa ayat al-Quran untuk menyokong hujahnya bahawa Islam adalah satu agama yang keras, tidak toleran, dan tidak mesra dengan umat lain dengan mengambil contoh dari ayat 51 Surah Al-Maidah di luar konteks. Ayat itu bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah menjadikan Yahudi dan Kristian sebagai teman rapat, kerana sesetengah dari mereka menjadi teman rapat kepada sesetengahnya yang lain, dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan pertunjuk kepada kaum yang berlaku zalim”

Ayat ini yang digunakan oleh pendeta Yahudi itu untuk mengatakan bahawa Islam tidak bertolak ansur dengan mereka dan pengikut agama Kristian. Tetapi ayat ini sebenarnya

merupakan amaran Allah kepada umat Islam tentang tindakan kaum-kaum tersebut yang mempunyai permusuhan terhadap agama Islam dan umatnya, iaitu mereka yang ternyata mempunyai niat yang jahat dan berusaha untuk menghancurkan umat Islam dan agamanya, seperti yang pernah berlaku terhadap Rasulullah SAW yang sebelumnya telah membuat perjanjian damai dengan mereka, tetapi kemudiannya mereka mengkhianati Rasulullah SAW, sehingga baginda terpaksa mengambil tindakan tegas kepada mereka.

Malah dalam konteks hari ini pun ternyata bahawa sesetengah golongan kaum tersebut masih menaruh permusuhan yang amat jahat terhadap agama dan umat Islam, dan terdapat pula sekutu-sekutu mereka yang berusaha mempertahankan gerakan jahat mereka, seperti yang berlaku di bumi Palestin, yang dilakukan oleh puak Zionis.

Dalam konteks ini eloklah kita cuba memahami ajaran Islam kepada umat pertengahan ini iaitu seperti yang terkandung dalam ajaran al-Quran, surah Al-Baqarah ayat 190 :

“Perangilah pada jalan Allah (kerana menegak dan mempertahankan agama Allah) mereka yang memerangi kamu, tetapi janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh”

Umat pertengahan dalam konteks ini akan menerima semua kaum dan agama, selagi agama dan umat Islam tidak dicerobohi. Maksudnya penerimaan pengikut agama lain, tetap merupakan etika umat Islam, tetapi sekiranya umat Islam dan agamanya dicerobohi, maka umat Islam haruslah bangun mempertahankan dirinya. Sebab itulah ayat ini menyebut bahawa peperangan tidak seharusnya dimulakan tanpa sebab, tetapi sekiranya mereka diperangi, maka mereka wajib mempertahankan dirinya tanpa melampaui batas-batas yang ditetapkan oleh agama.

Hal ini juga merupakan satu konsep yang seharusnya difahami dalam konteks lain yang sering juga terdapat beberapa pihak lain yang menyalahkan agama Islam dan umatnya, dan menggambarkan imej Islam dengan gambaran yang buruk.

Konsep “jihad” umpamanya telah disalah mengertikan juga sebagai peperangan sabil untuk membunuh orang kafir. Sedangkan seperti yang dijelaskan dalam ayat di atas dan ayat-ayat lain lagi, bahawa berjihad adalah dilakukan ketika menentang kekerasan yang dilakukan ke atas umat Islam, dan gerakan yang dilakukan untuk menghapuskan Islam itu sendiri, malah tidak timbul sama sekali tuduhan yang mengatakan bahawa umat bukan Islam itu harus diperangi dan dibunuh.

Malahan “jihad” juga mempunyai konsep yang lebih luas, iaitu memerangi hawa nafsu buas manusia, memerangi kemiskinan dan kefakiran, memerangi kejahilan dan kemunduran, maka konsep jihad dalam pengertian ini adalah lebih merupakan konsep jihad yang lebih utama lagi, yang seharusnya dilancarkan oleh “umat pertengahan” ini.

Sudah sekian lama kita mendengar hadis yang amat masyhur tentang tiga orang sahabat Rasulullah SAW yang menceritakan tentang komitmen mereka kepada agama yang begitu

kuat menurut dakwaan mereka. Seorang berkata bahawa ia berpuasa selama-lamanya, yang seorang lagi berkata bahawa ia setiap malam bangun bersembahyang, dan yang akhir berkata bahawa ia tidak pernah berkahwin. Apabila Rasulullah SAW terus bersabda bahawa baginda adalah seorang yang paling hampir dan paling bertaqwa dengan Allah SWT, namun baginda bangun bersembahyang malam dan tidur, berpuasa paada hari-hari yang tertentu, dan berbuka pada hari-hari yang lain, dan baginda juga berkahwin. “*Sesiapa yang tidak mengikut sunnahku, maka ia bukanlah dari golonganku*” sabda baginda.

Keseimbangan yang ditekankan oleh baginda Rasulullah SAW di sini adalah merupakan satu perwatakan fitrah manusia yang seharusnya di laksanakan untuk kesejahteraan manusia itu sendiri dari segi rohani dan jasmaninya. Jasmani manusia tidak mungkin mengamalkan sesuatu yang mungkin membawa kepada sejenis penyiksaan yang tidak tertahan secara tabienya seperti yang terdapat di dalam amalan-amalan yang hanya berpusat kepada kerohanian oleh sesetengah kepercayaan manusia. Demikianlah sebaliknya, amalan yang hanya mementingkan kehendak jasmani tanpa memberikan kepuasan kepada kerohanian adalah juga merupakan amalan melampau yang hanya membawa kepada kerosakan kepada moral dan akhlakunya.

PERANAN UMARAK DAN ULAMAK

Reaksi umat Islam sendiri terhadap konsep *umatan wasatan* ini sebenarnya yang sering merosakkan konsep ini dan menjatuhkan imej agama Islam sebagai agama sederhana, toleran, seimbang dan pertengahan. Tekanan penjajah, yang menjajah negara dan minda umat Islam, terutamanya para pemimpin Islam yang sedang mencari-cari identiti dan jati dirinya, sering memerangkap umat Islam dalam gerakan melampau, radikal dan ekstrem. Sejarah membuktikan, diantara lainnya, bahawa tekanan cara hidup dan budaya Barat mendorong sesetengah pemimpin negara Islam, seperti Atatürk umpamanya yang bertindak menutup semua madrasah, menghapuskan tradisi berpakaian dan menonjolkan cara hidup berdasarkan budaya Islam dengan cara hidup dan budaya Barat, malah menekan para ulamak. Langkah ini diikuti oleh Muhammad Ali di Mesir, kemudiannya Presiden Gamal Abdul Nasser yang menekan para ulamak dan gerakan keislaman, seperti *Ikhwanul-Muslimin*.

Tekanan dan paksaan yang dilakukan ini sebenarnya lebih banyak menimbulkan akibat yang buruk terhadap gerakan keislaman, kerana tekanan ini akan segera menimbulkan gerakan yang lebih radikal dan melampau, terutamanya apabila gerakan itu mulai tumbuh dan lahir di merata-merata tempat sebagai gerakan “bawah tanah” dengan agenda kekerasan dan keganasan.

Dari sudut yang lain, kita juga haruslah faham bahawa umat pertengahan ialah umat yang terbuka kepada pandangan dan pentafsiran serta ijtihad yang terbuka tanpa mengambil jalan yang keras dan tertutup. Kelahiran para aktivis, ulamak dan pejuang Islam tidak berarti melahirkan kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang memonopoli fatwa dan pentafsiran tentang beribadat, undang-undang, teori ekonomi, ilmu dan isu-isu sosial mengikut pentafsiran mereka semata-mata, sehingga menepi kan pihak yang mempunyai otoriti dan

Kerajaan (*Ulul-Amri*), malah mereka akan menuduh golongan Islam lainnya yang berbeza pandangan daripada mereka sebagai “kafir” “murtad” dan sebagainya.

Hal ini biasanya timbul dengan subur di kalangan masyarakat Islam yang bergerak dalam kerangka politik yang sempit dan taksub, terutamanya bagi golongan yang terlalu ideal dalam memberikan pentafsiran tentang politik dan kerajaan Islam, iaitu bagi mereka yang sering menjelma menjadi hakim dan “kadi” dengan berfungsi untuk menjatuhkan hukuman kepada orang lain, terutamanya kepada kerajaan sendiri yang dikendalikan oleh orang Islam sendiri.

Hal ini banyak sekali berlaku di dalam negara-negara Islam yang baru mencapai kemerdekaan dalam kurun yang lalu, dan dalam tahun-tahun “kebangkitan Islam” ketika umat Islam mempunyai kesedaran untuk kembali kepada Islam, kembali kepada penghayatan Islam seperti yang tersebut di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Maka pentafsiran tentang kebangkitan Islam atau *Islamic revivalisme* atau *Islamic resurgence* ini mulai menerima berbagai-bagai pentafsiran, termasuk pentafsiran yang agak radikal dan melampaui ajaran Islam tentang konsep *wasatiyyah* yang menjadi sifat umat Islam itu.

MEMPERTAHANKAN PRINSIP MAQASID AL-SYARIAH

Umat Islam mempunyai prinsip dalam mempertahankan maruah dan hak asasinya sebagai khalifah dan hamba Allah di atas muka bumi ini. Umat ini harus berusaha mempertahankan objektif hidupnya berdasarkan syariahnya, iaitu yang terkandung di dalam *maqasid al-syari'ah*: mempertahankan 1) agama, 2) akal, 3) nyawa, 4) keturunan dan 5) harta. (Abdul Monir Yaacob)

Maqasid al-Syari'ah merangkumi kehidupan individu dan kelompok, keilmuan dan keturunan, keagamaan dan keduniaan, maruah dan keturunan, ekonomi dan harta benda. Keseluruhannya ini haruslah dipeertahankan dengan penuh hikmah dan bijaksana, kecuali ketika berlaku pencerobohan yang menuntut pertahanan diri yang sama.

“Umat Seimbang” tidak mengizinkan kelahiran institusi-institusi Islam yang radikal dan melampau. Madrasah dan pondok serta institusi-institusi pengajian Islam bukanlah didirikan untuk melatih “para pejuang” atau “mujahidin” untuk melakukan gerakan ganas dan keras, atau bertindak “membunuh musuh” sama ada musuh yang terdiri dari orang Islam atau bukan Islam. Perkhemahan Islam bukan bererti perkhemahan untuk melatih para tentera dan gorila bagi memerangi sesiapa sahaja yang mereka anggap sebagai “golongan lain” dan “golongan yang bukan golongan kita” tanpa mengira latar belakang kaum dan agama “musuh” mereka itu.

“Umat pertengahan” bukan bererti umat yang fanatik dan taksub melulu terhadap kaum dan agama atau ideologi politik kepartian mereka. Mereka tahu membezakan di antara yang hak dan batil, yang benar dan salah, mengikut ajaran agama yang sah dan hakiki, tanpa meletakkan sentimen kaum atau politik di atas ajaran agama yang sebenarnya.

Umatan wasatan ialah umat yang dinamik, kuat dan maju dalam bentuk dan agenda perjuangan yang sejajar dengan agama dan ajarannya yang lengkap dan menyeluruh., bukan merupakan umat yang mengambil sesetengah bahagian sahaja dari ajaran agamanya.

Oleh itu saya rasa konsep wasatan ini haruslah difahami secara menyeluruh, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, pertengahan, keterbukaan dan sebagainya, dalam konteksnya yang tertentu.

Umat Islam sebagai *umatan wasatan* tidak berarti umat yang lemah dan umat yang sering ketinggalan dalam persaingan dengan umat lain yang penuh dedikasi dan kesungguhan dalam segala usahanya di dunia ini. Umat Islam juga tidak berarti umat yang “apabila dipukul pipi kanan, maka ia akan menyerahkan pipi kirinya untuk di pukul lagi”, tetapi umat yang seharusnya mempertahankan tamadun, maruah dan segala sesuatu yang tersebut di dalam ajaran Islam sebagai *maqasid al-syariah* seperti harta benda, agama, jiwa dan keturunannya.

Malah dalam hal ini al-Quran mengajar kita supaya mencari kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan akhirat, dalam ayat yang menerangkan bahawa terdapat beberapa golongan manusia di atas muka bumi ini dalam konteks mendapatkan kebahagiaan hidupnya, seperti yang terkandung di dalam Surah Al-Baqarah ayat 200:

“Ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan di dunia, dan (orang ini) tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat”

Mereka mendapat kebahagiaan di dunia dengan usaha mereka yang bersungguh-sungguh, tetapi tidak terdapat kebahagiaan di akhirat nanti, kerana mereka hanya berusaha untuk dunia sahaja.

Ayat 201, Surah Al-Baqarah pula menyebut begini:

“...dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan (kebahagiaan) di dunia, dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka”

Dua ayat yang tersebut di atas merangka satu agenda umat pertengahan yang sebenarnya, di samping ayat-ayat lain lagi, bahawa contoh kehidupan dunia dan kehidupan di akhirat yang seimbang dan sepadu itu haruslah dijadikan ukuran bagi semua bentuk dan corak kehidupan umat Islam untuk mengecap kebahagiaan, iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat.

WASATIYYAH DAN MODERATION

Perdana Menteri Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak, ketika berada di Amerika Syarikat tahun lalu (2010), iaitu ketika menghadiri Persidangan Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menemui President Obama, telah membuat satu seruan yang mengajak dunia seluruhnya supaya kembali menjadi makhluk yang rasional dan bertamadun, mengelakkan sebarang tindakan ekstrem dan melampau, yang selama ini lahir di sana sini di dalam dunia ini, dengan tindakan melampau mereka yang mengancam keamanan manusia dan dunia. Golongan

pelampau ini sering mempunyai sikap dan sifat yang jauh menyimpang dari nilai-nilai moral kemanusiaan dan jauh sama sekali dari norma-norma kehidupan yang sihat.

Seruan yang sama, sekali lagi ditegaskan oleh Perdana Menteri ketika menghadiri Sidang Kemuncak Asia Eropah (Asem) Kelapan di Brussels awal bulan Oktober 2010, iaitu di dalam satu sidang media yang dihadiri oleh perwakilan media antarabangsa.

Isu ini juga telah ditimbulkan lagi oleh Perdana Menteri ketika berucap kepada para pelajar di Universiti Oxford dalam bulan Mei 2011 iaitu tentang kepentingan sikap moderation dan kesederhanaan manusia dalam segala tindakan mereka, dengan mengelakkan sikap melampau, radikal dan ekstrem.

Sememangnya pun manusia pada hari ini menjadi semakin buas, semakin kejam dan tidak berperikemanusiaan. Media sering memaparkan kisah-kisah tindakan ekstrem ini dalam bentuk pembunuhan dan pencabulan hak asasi manusia. Di sana sini lahir golongan pelampau yang mengambil jalan kekerasan untuk menyelesaikan konflik dan masalah mereka.

Dalam konteks ini Malaysia, atas nama Kerajaannya, telah membawa konsep *wasatiyyah* ke persada antarabangsa, iaitu konsep kesederhanaan dalam penyelesaian masalah dan perjuangan menuntut hak serta menunaikan tanggungjawab manusia, mengelakkan kekerasan dan keganasan, malah mengambil jalan demokrasi dan syura serta dialog sebagai asas menyelesaikan sebarang masalah dan krisis.

Bagaimana pun konsep *wasatiyyah* yang di lihat sebagai istilah yang menyamai *moderation* dan *equilibrium* atau keseimbangan dan kesederhanaan, mungkin agak tepat dalam sebahagian konsep dan pengertian istilah *wasatiyyah* dari sudut syariahnya, iaitu dari segi mengelakkan sikap melampau dan ekstrem, atau sikap radikal dan ganas manusia dalam pengurusan konflik dan penyelesaian masalah mereka. Pengertian konsep *wasatiyyah* dalam akidah dan syariah Islam adalah lebeh menyuluruh yang merangkumi soal pengurusan individu dan kumpulan manusia, rakyat dan Kerajaan, dalam semua aspek kehidupan mereka, agar mereka sebagai umat Islam, menepati konsep *ummatan wasatan* dalam tafsiran yang diberikan terhadap sifat tersebut sebagai umat yang adil dan terpilih, seperti yang dijelaskan di atas.

Oleh itu, konsep *wasatiyyah* yang cuba dipopularkan oleh negara kita diperingkat dalaman dan antarabangsa seharusnya difahami dalam konteks yang lebeh khusus, sesuai dengan scenario dunia moden pada hari ini yang menghadapi kepelbagaian kerisis, dan kemunculan golongan ekstremis dan radikal di arena antarabangsa. (Ismail Ibrahim)

Golongan radikal dan ekstremis ini, yang walau pun merupakan golongan minoriti dalam masyarakat manusia pada hari ini, telah bermaharajalela di seluruh pelosok dunia, yang mengakibatkan ketidakstabilan masyarakat manusia yang cintakan perdamaian dan keamanan.

Maka dalam konteks inilah, manusia yang bertamadun dan berperadaban, mahu melihat dunia ini diperintah oleh golongan sederhana, mengatasi golongan pelampau yang lebeh banyak mudaratnya.

Yang lebih penting bagi kita umat Islam pada hari ini, ialah gambaran masyarakat Islam itu sendiri, yang seharusnya dapat menunjukkan contoh yang baik bagi konsep *ummatan wasatan*, iaitu umat yang adil dan terpilih itu, bagi meyakinkan dunia dan umat Islam sendiri bahawa konsep itu amat relevan dengan pembangunan dan perubahan yang dihadapi oleh dunia global pada hari ini, terutamanya oleh dunia Islam dan umatnya.

Apakah dalam konteks ini, kita dapat memenuhi keperluan yang dimaksudkan itu? Apakah kita mampu menunjukkan model masyarakat Islam yang melengkap definisi umat yang adil dan terpilih itu?

Mungkin dengan meninjau perkembangan masyarakat Islam terkini, kita akan dapat memeriksa tentang kriteria *ummatan wasatan* dan sejauh manakah umat Islam pada hari ini mampu mencapai status *ummatan wasatan* itu.

(2) ISLAM DAN DUNIA LUAR

Islam merupakan agama yang paling pesat membangun di Barat. Tetapi di dalam masa yang sama, Islam merupakan agama yang paling sukar difahami di sana, dan banyak sekali menimbulkan kekeliruan dan tanda tanya.

Barat mempunyai gambaran stereotaip dan prasangka terhadap Islam, yang di antara sebabnya ialah kerana laporan media mereka yang sering menonjolkan Islam sebagai agama *extremist, fundamentalist, terrorist* dan kepelbagaian label negatif lainnya.

Apabila Islam ditonjolkan di dalam imej dan gambaran yang demikian, maka orang Barat membenci Islam dan umatnya, malah lebih daripada itu, tidak ingin memahami dan mendapatkan pengetahuan tentang ajaran Islam yang sebenarnya. (John Espesito)

Hal ini menjadi lebih serius lagi, apabila Barat melihat realiti masyarakat dan negara Islam yang sering berada di dalam konflik dan peperangan sesama sendiri, jihad yang berdasarkan “pengebom berani mati”, peristiwa 11 September dan sebagainya yang disalah mengertikan. Sebuah majalah di Barat cuba menonjolkan pengertian yang salah tentang Islam, iaitu dengan kenyataan berikut : “*Islam is the terrorist....Muslims are the victim*”....”*we pray that the weapon of mass destruction, Islam, be torn down*” (Islam adalah pengganas. Orang-orang Islam sendiri yang menjadi mengsananya. Kita berdoa supaya senjata pemusnah itu, iaitu, Islam dimusnahkan Tuhan (TIME magazine, pp. 50, Jun 30, 2003)

“This battle is going to be won and lost in the Middle East.....If the jihadists win there, I am in trouble here....there will be such a surge of confidence for jihadists. This Islamic pull is more powerful than of communism. The communists never fully trusted one another across racial boundries. But with the Islamists, there is total trust : you are a warrior for Islam, so

am I: we swear to fight together” (Peperangan ini akan mengalami kemenangan atau kekalahan di Timur Tengah, sekiranya para juhadis menang di sana, maka saya di sini akan mengalami kesusahan, nampaknya ombak keyakinan para jihadis ini semakin bertambah. Gerakan Islam ini lebeh perkasa daripada gerakan komunis. Komunis tidak pernah mempunyai kepercayaan sesama sendiri melampaui batasan bangsa. Tetapi golongan Islam amat yakin sesama mereka : anda adalah pejuang Islam, demikianlah juga saya, kita bersumpah untuk sama-sama berjuang” (Lee Kwan Yew, TIME magazine cover story, December 12, 2005.)

Ramai para pengkaji Islam dan penulis yang telah memberikan istilah “peperangan dunia ke empat” ketika mengulas tentang pertembungan yang berlaku diantara Barat dan Islam, atau yang lebeh jelas lagi pertembungan diantara Islam dan Kristian. Barat sebenarnya telah mengharungi dua kali perang dunia, dan peperangan ketiganya ialah menentang Soviet Union. Maka peperangan dunia ke empat ialah peperangan terhadap Islam, sungguh pun mereka cuba memberi gambaran bahawa pertembungan sekarang adalah merupakan pertembungan tamadun (*The Clash of Civilizations*)

Malah peperangan ini dilancarkan oleh Barat terhadap Islam bukanlah sepenuhnya berdasarkan pertembungan budaya dan agama dalam istilah *The Clash of Civilizations*, seperti yang ditonjolkan oleh Huntington itu, malah lebeh kepada Islamophobia, iaitu rasaa takut dan benci kepada Islam, dan dalam masa yang sama merangkumi juga peperangan untuk mengaut kekayaan minyak dari dunia Islam yang dianugerahkan Allah dengan kekayaan hasil bumi ini.

Peperangan dan serangan inilah yang dilancarkan oleh Barat terhadap Afghanistan dan Iraq yang telah berlarutan sehingga sekarang. Media Barat sering memutarbelitkan isu pendudukan Barat ke atas negara-negara Islam di Timur Tengah atas alasan *war on terror, fight against terrorisme, weapon of mass destruction, al-Qaeda* dan berbagai-bagai alasan lain lagi yang diada-adakan oleh pihak Barat dan media mereka.

Namun begitu, hukuman secara umum yang dilabelkan oleh Barat terhadap Islam dan umatnya adalah sesuatu yang melampaui batasan kemanusiaan dan realiti agama Islam sendiri. Kecenderungan mereka melebalkan Islam sebagai agama kekerasan dan kemunduran serta tidak bertamadun itu adalah merupakan hukuman berdasarkan sentiment melulu yang tidak berasaskan kepada ilmu dan hikmah yang sering ditonjolkan oleh Islam tentang utusan-utusan Allah kepada manusia yang sering dilengkapi dengan ilmu dan hikmah, malahan Rasulullah SAW sebagai Nabi dan Rasul terakhir kepada umat manusia telah membentuk satu masyarakat manusia yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan hikmah untuk membangunkan satu tamadun manusia berlandaskan akidah dan syariah serta diungguli oleh akhlak manusia yang tinggi.

Di samping itu kita juga tidak mempertahankan tindakan ekstrem dan radikal yang di lakukan oleh segelintir golongan pelampau Islam yang menjustifikasikan cara kekerasan untuk mencapai matlamat mereka. Golongan ini tentulah merupakan golongan yang bertindak di luar prinsip Islam dalam kerangka tamadun, ilmu dan hikmah yang diajar oleh Islam, dan

dipraktikkan oleh Rasulullah SAW ketika baginda menjalankan misi dan menunaikan amanah Allah SAW supaya membawa masyarakat manusia umumnya kepada kesejahteraan dan peradaban yang berlandaskan akidah tauhid, sistem syariah yang sesuai dengan kehidupan manusia dan nilai akhlak yang menjamin kesejahteraan dan tamadun manusia itu.

Contoh terbaik yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW dalam mengantarabangsakan amanahnya dalam menyampaikan misi Islam kepada manusia seluruhnya ialah ketika baginda merangka Piagam Madinah yang merupakan satu dokumen sejarah dan tamadun yang amat penting dalam peradaban manusia dengan berlakunya peristiwa Hijrah baginda dari Makkah ke Madinah dalam tahun 622 Masehi. (Abdul Manaf Ahmad)

Piagam ini merupakan dokumen bertulis dan disahkan oleh semua kalangan yang terlibat Keterlibatan semua kaum dalam formula perpaduan, tanggungjawab, hak dan keistimewaan masing-masing merupakan perjanjian dan kontrak sosial yang harus dilaksanakan dengan mengakui kesahihan Piagam ini dan keiktizaman masing-masing dengan segala kandungannya.

Semua warga haruslah mengiktiraf kekuasaan ketua negara dan memberikan taat setia kepada negara serta menerima dan mengiktiraf akan kedaulatan Piagam ini untuk semua. Ciri-ciri kesatuan dan perpaduan ialah perkongsian nilai dan obligasi sosial dan moral yang menjadi teras kehidupan semua kaum, juga mengelakkan konflik dan permusuhan.

Piagam ini merupakan piagam yang mengandungi peraturan politik, sosial, pertahanan, tanggung jawab material dan moral dalam pertahanan dan kemakmuran bersama. Persamaan hak dan tanggung jawab diberikan kepada semua kaum tanpa mengambil kira latar belakang agama dan sosial mereka yang berbeza-beza. Piagam ini mengandungi rukun-rukun perpaduan dari segi kebebasan akidah, melindungi maruah dan kehormatan, menjaga keselamatan harta benda dan kekayaan, dan mencegah tindakan ganas, jenayah dan sebagainya.

Piagam ini juga menanamkan semangat patriotik kepada setiap warga, dan membangkitkan semangat kekitaan atau *sense of belonging*. Menjana pendapatan negara dari semua kaum, iaitu Zakat bagi orang-orang Islam, cukai (*Kharaj*) dari orang bukan Islam, juga harta rampasan perang (*Ghanimah*).

Kaum Yahudi yang menguasai ekonomi haruslah membantu dari segi tanggungan perbelanjaan kepada para pejuang Islam yang berjuang mempertahankan Negara. Piagam Madinah ini adalah merupakan perlembagaan negara yang adil dan seimbang, iaitu yang membawa ciri-ciri *wasatiyyah* yang tulen dan sejati bagi umat yang disifatkan oleh Allah SWT sebagai *ummatan wasatan*.

(3) BARAT LAWAN TIMUR, ISLAM LAWAN KRISTIAN?

Perkembangan mutakhir tentang pemberontakan yang berlaku di Asia Barat dan Afrika Utara, khususnya di dalam beberapa buah negara Arab yang tertentu, memberikan gambaran yang juga menjejaskan imej umat Islam dan agama Islam itu sendiri.

Kuasa besar, Amerika Syarikat (A.S.), telah melibatkan diri di dalam pemberontakan yang berlaku di Mesir, Yaman, Syria dan Libya secara langsung atau tidak langsung. Sungguh pun keterlibatan A.S. dan sekutu-sekutunya, termasuk NATO, merupakan satu gerakan “keamanan” untuk menghentikan pembunuhan ketua negara, seperti tindakan Muammar Gadhafi yang bertindak membunuh rakyat yang memberontak, tetapi peperangan dalaman diantara rakyat dengan rakyat, dan diantara tentera Kerajaan dengan pemberontak, menggambarkan satu kedudukan yang tidak setabil di dalam negara Arab, yang terkenal dengan nama negara Islam yang di perintah atas nama agama Islam.

Negara-negara Islam di dalam kawasan ini mengalami pergolakan politik dan sosial yang serius, bahaya dan mengancam keselamatan dunia, malah memberikan gambaran buruk tentang pengurusan ekonomi dan kekayaan negara-negara yang dikurniakan Allah dengan kekayaan hasil bumi yang banyak itu.

Sistem pemerintahan yang tidak berdasarkan prinsip demokrasi juga sering dihubungkan dengan pencabulan hak asasi rakyat, pembahagian kekayaan negara yang tidak adil, dan diskriminasi tenaga manusia secara berleluasa serta beberapa kepincangan pengurusan Kerajaan yang amat tidak telus.

Keadaan inilah yang akhirnya menimbulkan pemberontakan rakyat secara tiba-tiba-tiba setelah sekian lama mereka berada dalam penindasan yang begitu rupa, sehingga api kemarahan telah marak dengan cepatnya di hampir semua negara Asia Barat, negara-negara Islam itu.

Para pemberontak dan rakyat yang memperjuangkan nasib serta masa depannya yang lebih baik, tiba-tiba tertekan dan terancam jiwa dan nyawanya oleh pemerintah mereka sendiri, tentulah merasa kan kezaliman pemerintah mereka, apa lagi ramai diantara rakyat yang tidak berdosa terpaksa melarikan diri, termasuk ke negara Eropah, untuk menyelamatkan diri mereka.

Dalam keadaan yang penuh derita dan terdesak inilah, pihak A.S. dan Barat datang menolong atas nama peri kemanusiaan, dan atas nama demokrasi serta hak asasi manusia, untuk menyelamatkan rakyat umum dari pemerintahan kuku besi. Rakyat dengan itu seolah-olah secara langsung telah dapat membuat penilaian sendiri, siapakan di dalam dunia ini yang lebih berperni kemanusiaan dan bertimbang rasa terhadap penderitaan mereka selain dari Barat dan Amerika Syarikat.

Rakyat umum adalah hidup dalam negara Islam, mereka adalah umat Islam, sedangkan A.S. dan Barat umumnya adalah negara sekular, maka dalam hal ini mungkin pihak Barat

merupakan negara yang lebih bertamudun dan berperadaban kerana telah bertindak menyelamatkan mereka, tambahan pula negara-negara jiran mereka yang seagama dan sebangsa, malah pertubuhan negara-negara Islam sendiri serta Lega Arab, juga tidak mempunyai kuasa dan suara untuk menyelesaikan kerisis yang dihadapi oleh negara-negara Islam itu.

Selain dari pergolakan yang berlaku di Asia Barat dan Afrika Utara, negara-negara Islam di Asia juga, terutamanya Pakistan dan Afghanistan, mengalami banyak insiden kekerasan dan keganasan, terutamanya setelah peristiwa pembunuhan Osama bin Laden, yang di dakwa dilakukan oleh tentera Amerika Syarikat.

Ketegangan rakyat di Pakistan memuncak atas alasan bahawa Kerajaan telah membenarkan A.S. mencabuli kedaulatan negara mereka, dan para penyokong Al-Qaeda berusaha pula menuntut bela di atas kematian Osama bin Laden, manakala kumpulan Taliban bangun menentang tentera asing di Negara mereka. Dalam kerisis ini, banyak kejadian pembunuhan orang awam yang berlaku akibat serangan pengebom berani mati yang berlaku hampir setiap hari. Dalam keadaan begini, maka A.S. dan sekutu Baratnya juga yang mengambil kesempatan untuk menjadi pengaman bagi keadaan Negara yang bergolak, dan bermandi darah ini.

Tekanan psikologi seperti ini sering mengubah sikap dan tanggapan masyarakat, terutamanya yang tertindas dan kurang pendidikannya, terhadap negara dan ketua negara mereka sendiri. Malah secara tidak langsungnya oleh kerana Barat sering dihubungkan dengan agama Kristian dan negara-negara Asia Barat serta negara yang mengalami kekacauan lainnya merupakan negara Islam, maka keadaan ini tidak mustahil menimbulkan satu konflik di antara Islam dan Kristian, bukan hanya diantara Barat dan negara Islam. Maka dalam konteks ini ternyata bahawa kerisis yang berlaku bukan hanya tertumpu kepada Barat melawan Islam, tetapi mungkin juga dalam pertembungan agama yang mengambil acuan sebagai pertembungan di antara Kristian dan Islam, yang hasilnya imej Kristian itu nampaknya lebih baik dari imej Islam itu sendiri.

Dalam konteks ini, kita tidak seharusnya mengambil sesuatu pendirian yang tepat tentang niat dan objektif pihak Barat ketika berusaha membantu Negara Islam yang mengalami kerisis, dan tidak juga dapat di pastikan tentang keadaan yang sebenarnya mengapa kerisis itu berlaku di dalam dunia Islam begitu rupa.

Kita juga sebenarnya tidak seharusnya merestui gerakan keganasan yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan tanpa justifikasi yang sah, iaitu sama ada dri pihak rakyat yang ditindas, apa lagi di pihak Kerajaan yang memerintah dengan segala persiapan bala tentera dan kelengkapan senjata yang besar.

Kenyataan yang dapat disaksikan bahawa keganasan dan kekerasan adalah berlaku di dalam dunia ini, dan dunia Islam keseluruhannya amat terlibat dalam pengalaman kekerasan militan ini.

Inilah hakikat dan isu yang perlu kita bicarakan, terutamanya sebagai umat Islam yang komited kepada ajaran agamanya dari segi rohani dan jasmaninya, spiritual dan fizikalnya. Maka hal inilah yang sebenarnya merupakan satu cabaran yang amat besar kepada umat ini, terutamanya apabila kita berbicara tentang teori dan konsep, termasuk konsep *ummatan wasatan* dan dasar *wasatiyyah* yang hendak kita bawa ke persada antarabangsa.

Namun sebagai sebuah negara Islam yang masih mampu menunjukkan kestabilan dalam peradaban dan tamadunya, kita mungkin berada pada pisisi yang baik untuk melancarkan model umat moderat, umat pertengahan, umat sederhana ini, yang merupakan ciri-ciri *ummatan wasatan* dalam kerangka dasar *wasatiyyah* tersebut.

RUJUKAN

Abdul Hayei Abdul Sukor (Dr) 2010, Tafsir Pedoman Muttaqin, Juz 2, JAKIM

Abdul Manaf Ahmad, 2003, *Islam Hadhari Dalam Negara Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) Kuala Lumpur. Buku ini memetik sepenuhnya teks terjemahan Piagam Madinah yang diselenggarakan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah *Perlembagaan Islam* (tt)

Abdul Monir Yaacob, 1999, (ed) *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Kuala Lumpur

-----2004 (ed) *Konsep Ulilamri Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Kuala Lumpur

Al-Sya'rawi, Al-Mutawalli, Tafsir Al-Sya'rawi

Espesito, John, 1987, (ed) *Islam in Asia: Religion, Politics and Society*, Oxford University Press, New York

Faiza Tamby Chik, (tt), Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri: Kesannya Dalam pembangunan Ummah, dalam *Pelaksanaan Hukum Syarak Di Malaysia*, (ed) Khairul 'Azmi Mohamad dan Abdul Monir Yaacob, Pejabat Menteri Besar Johor

Ismail Ibrahim, 2005, *Yang Tersirat...Dalam Negara Islam Membangun*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Kuala Lumpur

-----2009, *Falsafah Hijrah Dalam Gagasan IMalaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Kuala Lumpur

WASATIAH DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM

Dr Azme bin Haji Matali
Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

ABSTRAK

Hasrat untuk membentuk masyarakat yang adil dan sebuah negara yang aman makmur akan tercapai jika setiap individu dapat dibentuk berteraskan Islam yang berpandukan kepada petunjuk-petunjuk Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengikut Sunnah Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam. Justeru pendekatan melalui nilai-nilai wasatiah akan dapat membentuk keperibadian muslim yang unggul. Membentuk akhlak yang baik adalah antara aspek yang sangat diberikan penekanan selain penekanan kepada aspek akidah dan ibadah. Akhlak dan peribadi mulia merupakan nilai wasatiah penting bagi proses pembentukan sahsiah diri seorang muslim yang perlu digarapkan dalam segenap perkara di dalam pelaksanaan pembangunan spiritual dan fizikal secara seimbang dalam mempertingkatkan nilai kualiti jati diri. Dengan adanya akhlak mulia, akidah yang mantap dan ibadah yang betul menjurus kepada keikhlasan dan pembentukan peribadi mulia, di samping kekuatan jasmani sehingga dapat melaksanakan tuntutan agama yang optimum amatlah diberi perhatian dalam Islam. Islam juga memerlukan kekuatan fizikal dalam mencari keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh itu, nilai-nilai wasatiah ini amat penting dan merupakan satu tanggungjawab yang perlu digalas oleh setiap individu muslim. Memelihara khazanah wasatiah menerusi iman, ilmu dan amal juga merupakan nilai-nilai wasatiah yang perlu ditanai agar peribadi seseorang muslim itu sentiasa terjaga dan terpelihara sehingga dapat membentuk peribadi muslim sejati dan mengekalkan keamanan sejagat.

Kata Kunci: Nilai - Wasatiah - Peribadi - Muslim.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا وحبیبنا وشفیعنا ومولانا محمد
وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان إلى يوم الدين

Pendahuluan

Dunia kini tanpa sempadan sedikit sebanyak telah memberi impak negatif khususnya kepada umat Islam seluruh dunia. Islam masa kini melalui umatnya dilabelkan sebagai golongan pelampau, ekstremis dan malahan lebih teruk lagi turut dilabelkan sebagai golongan pengganas. Menyedari hakikat ini, melalui pendekatan wasatiah yang di bawa oleh Islam, sama sekali tidak akan wujud Islam pelampau atau ekstremis tersebut. Malahan akan dapat membentuk keperibadian muslim yang unggul. Membentuk peribadi Muslim yang benar-benar melambangkan keperibadian Islam, hanya dengan memiliki kekuatan akidah dan kemantapan iman, takutkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengenal Islam yang sebenarnya serta berpegang teguh kepada syariat yang telah disampaikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* sahajalah akan terbentuk sebuah masyarakat Islam. Kendatipun dengan terbentuknya masyarakat Islam dan sebuah negara Islam, belum cukup lagi membentuk Islam sejati melainkan memiliki nilai-nilai wasatiah dalam jatidiri serta mengadaptasikannya melalui akidah yang mantap, ibadah dan amalannya mengikut ajaran syariat Islam yang tidak bertentangan dengan kehendak agama Islam dan akhlak yang terpuji. Selain itu, spiritual dan fizikal secara seimbang amat penting dalam mempertingkatkan nilai kualiti jatidiri. Pengukuhan iman, ilmu yang mantap dan terjaga serta amal perbuatan yang baik juga merupakan nilai-nilai wasatiah yang perlu ditanai agar peribadi seseorang muslim itu sentiasa terjaga dan terpelihara. Maka, sekiranya semua ini dapat dilaksanakan dengan penuh bijaksana dan seimbang, kehidupan seseorang itu akan penuh bermakna dan terbentuklah seorang Muslim yang sejati yang dapat mengadaptasikan kehidupan sehariannya di dunia dengan lebih sempurna dan menjadi bekalan di akhirat kelak.

Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan nilai-nilai wasatiah yang sudah sememangnya amat dititik beratkan dalam Islam dalam usaha untuk mengaplikasikannya di dalam setiap diri individu Muslim. Oleh itu, penulisan ini bertujuan bagi mencapai beberapa objektif iaitu mengetahui maksud sebenar 'Wasatiah' yang termaktub dalam surah *al-Baqarah*, ayat 143 iaitu '*Ummatan Wasatan*' dan menjelaskan nilai-nilai wasatiah; akidah, ibadah dan akhlak sebagai tonggak bagi memperkukuh jatidiri dalam membentuk peribadi muslim yang unggul.

Definisi Wasatiah

Dari segi Bahasa, perkataan “wasatiah” merupakan satu perkataan yang berasal dari Bahasa Arab yang merupakan kata terbitan kepada perkataan wa-sa-ta. Ianya membawa kepada beberapa pengertian iaitu kebajikan, pertengahan, keadilan, kebaikan dan perantaraan.¹

Perkataan lain dalam bahasa Arab yang sama dengannya ialah “*i'tidal*” bererti tidak melampau (ketat, ekstrem), serta tidak cuai (longgar).

Dalam surah *al-Baqarah*: 143, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ﴿١٤٣﴾

Mafhumnya:

“Dan demikian pula Kami telah menjadikan (umat Islam) umat pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi atas manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memartabatkan umat Islam sebagai “*Ummatan Wasatan*” iaitu umat pertengahan, terpilih, adil dan cemerlang. Pelbagai takrifan diberikan untuk memperjelaskan lagi maksud “*Ummatan Wasatan*” dalam ayat ini dari pendapat para mufassirin zaman lampau hinggalah zaman mutakhir ini. Ulama tafsir terdahulu lebih banyak mendefinisikan secara literal tentang maksud “wasatan” dalam ayat tersebut. Antaranya seperti Imam al-Tabari,² Ibnu Kathir,³ al-Razi,⁴ al-Zamakhshari⁵ dan yang lainnya telah mentafsirkan makna ‘wasatiah’ di dalam ruang lingkup iaitu terpilih, terbaik, paling tinggi darjatnya, umat yang adil dan pertengahan. Al-Razi menukulkan empat pengertian bagi “wasatan”, iaitu: pertama: jauh daripada dua pihak; iaitu tidak melampaui batas dan tidak terlalu boros, kedua: tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bertelagah, ketiga: pujian yang baik dan *adalah* (العدالة) dan keempat: tidak cenderung memihak kepada satu pihak sahaja tanpa pihak yang lain.⁶ Al-Zamakhshari merumuskan bahawa dua pengertian “wasatan” iaitu yang pilihan terbaik dan paling adil adalah kriteria pertengahan yang

¹ Ibn Manzur. (t.t). *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif. Hal. 426.

² Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*. Jil. 2. Mesir: Dar Hijr. Hal. 626.

³ Ibnu Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar. (2000). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hal 217.

⁴ Al-Razi, Muhammad bin ‘Umar bin al-Husayn bin al-Hasan bin ‘Ali al-Bakri. (1999). *Al-Tafsir al-Kabir*. Jil. 2. Cet.3. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy. Hal. 84.

⁵ Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin ‘Umar. (2001). *Al-Kashshaf ‘an Haqa’iq al-Tanzil wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya’ al-turath al-‘Arabiyy. Hal. 224.

⁶ Al-Razi. (1999). *Al-Tafsir al-Kabir*. Jil. 2. Hal. 84.

membawa maksud apa-apa yang berada di tepi adalah kemungkinan besar menuju kejahatan dan kemusnahan.⁷ Ini menepati pendapat al-Nasafi⁸ dan Abu al-Su'ud⁹ yang mengatakan bahawa umat yang terbaik sememangnya berada dalam posisi pertengahan; iaitu ia terhindar daripada bahaya, berbanding dengan yang berada di tepi lebih terdedah kepada bahaya. Juga umat yang adil kerana tidak terlalu ekstrim dan tidak terlalu cenderung terhadap beberapa perkara.

Pengertian "Wasatan" juga merujuk kepada beberapa hadith Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* tentang keistimewaan dan kelebihan Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam* dan umatnya sebagai umat yang terbaik dari lain-lain umat. Hakikat ini digambarkan oleh Allah *Ta'ala* dalam surah *Yusuf*, ayat 108:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Mafhumnya:

"Katakanlah: Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata. Maha Suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik".

Ketika manusia berada dalam kesempitan minda dan kehilangan arah sehingga menyembah sesama makhluk, Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* menyelamatkan mereka dengan membawa mereka kepada kebaikan dan keadilan iaitu menyembah Tuhan segala makhluk. Semasa manusia memandang rendah kepada wanita dan memperhambakan mereka, Baginda *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* menyelamatkan mereka dengan membawa mereka kepada kebaikan dan keadilan iaitu memberi hak yang tinggi kepada wanita.

Umat Islam yang bersifat Wasatiah ialah umat yang berpegang kuat kepada kebaikan yang dibawa oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Allah *Ta'ala* dalam surah *Ali Imran*, ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

⁷ Al-Zamakhshari. (2001). *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Jil. 1. Hal. 224.

⁸ Al-Nasafi, Abu al-Barakat 'Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud Hafiz al-Din. (1998). *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kalim ak-Tayyib. Jil. 1. Hal. 137.

⁹ Abu al-Su'ud, Muhammad bin Muhammad al-'Amadi. (1990). *Irsha al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Quran al-Karim*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy. Hal. 172.

Mafhumnya:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.

Ayat ini menunjukkan bahawa kebaikan yang ada pada umat Nabi Muhammad ini ialah apabila adanya perintah kepada kebaikan dan larangan daripada kemungkaran. Ini adalah satu amanah iaitu mengajak kepada *ma'ruf* iaitu perkara baik yang diketahui oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan para Sahabat. Seterusnya menghindari daripada *munkar* iaitu perkara buruk yang bukan menjadi kebiasaan Baginda *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan para Sahabat dalam urusan agama.

Al-Zuhayli pula mentafsirkan ayat “*Ummatan Wasatan*” dengan maksud umat yang terpilih dan adil. Umat Islam mampu menjadi yang terbaik dan pertengahan atau seimbang dalam setiap perkara, tanpa melampaui batas dan lalai. Dalam urusan agama, mereka tidak berlebihan dan tidak mengabaikan kewajipan. Mereka bukan dari kalangan orang-orang yang materialistik seperti kaum Yahudi dan Musyrikin. Mereka juga bukan dari kalangan orang-orang yang hanya mementingkan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani. Malah sebenarnya mereka menggabungkan antara dua tuntutan; iaitu tuntutan jasad dan tuntutan rohani tanpa mengabaikan mana-mana aspek. Mereka mengikuti fitrah kemanusiaan yang tertegak di atas unsur jasad dan rohani.¹⁰

Secara ringkas, “*Ummatan Wasatan*” bermaksud generasi yang cemerlang, dinamik, terpilih dan segala sifat terpuji yang menunjukkan kegemilangannya. Ia bukan umat yang mundur, umat yang meninggalkan urusan dunia dan hanya semata-mata memedulikan urusan akhirat tanpa mahu berusaha dan mensyukuri hidup kurniaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.¹¹

Nilai-Nilai Wasatiah dalam Pembentukan Peribadi Muslim

Islam disyariatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berdasarkan kepada akidah tauhid yang benar, kepada Syariat Islam yang adil, dan berdasarkan kepada akhlak yang mulia atau sering disebut sebagai ehsan. Jika akhlak yang mulia itu ditinggalkan, maka tidak sempurnalah Islam kita, cacatlah agama yang kita anuti dan tercalarlah sahsiah kita sebagai seorang

¹⁰ Al-Zuhayli, Wahbah (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Juz. 2. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hal. 9. Lihat juga: Al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Al-Tafsir al-Munir*. Jil. 1. Terjemahan. Malaysia: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia. Hal. 5.

¹¹ Lihat: Ismail Ibrahim. (t.t). *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*. Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara. Hal. 5 dan Ismail Ibrahim. (2012). *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*. Malaysia: Jabatan kemajuan Islam. Hal. 8-9.

muslim yang sempurna, kerana akhlak itu mencerminkan peribadi dalaman seseorang muslim sejati, akhlak adalah cerminan dari akidah iman dan amalan syariat yang dihayati.

Justeru, nilai-nilai Wasatiah dalam Islam memerlukan sifat keikhlasan dan melakukan amalan yang berterusan. Wasatiah juga mengajak agar Umat Islam menepati kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan para Sahabat *Radiallahu 'Anhum*.

Firman Allah *Ta'ala* dalam surah *al-Nisa'*, ayat 59:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيْ الْاَمْرِ مِنْكُمْ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ
وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

Mafhumnya:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.

Nilai-nilai wasatiah yang dimaksudkan mengandungi tiga komponen utama iaitu: akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga komponen ini amat penting dalam membentuk diri dan jiwa seseorang ke arah peribadi Muslim dan darinya akan terbentuklah sebuah masyarakat Islam yang bersatu hati, saling berkerjasama dan bantu-membantu sekaligus menjadikan sesebuah negara yang aman dan damai.

Wasatiah dalam Akidah

Islam meletakkan akidah melalui beberapa asas utama. Asas yang pertama iaitu kepercayaan kepada Allah akan dapat membentuk satu sikap hidup yang tinggi. Seseorang yang menghayatinya akan merasa dirinya bebas dan merdeka dari ikatan mana-mana makhluk di alam semesta ini. Sebaliknya, orang yang tidak beriman dengan Allah mempunyai satu pandangan dan nilai hidup yang akan diukur dari segi kepentingan dan hubungannya dengan duniawi.¹²

Dalam akidah Islam mengutarakan jalan pertengahan antara mereka yang mengingkari wujudnya Tuhan dan mereka menganggap bahawa kehidupan di dunia ini adalah terjadi secara kebetulan sahaja sebagaimana dalam surah *al-Mu'minun*, ayat 37, firman Allah *Ta'ala*:

¹² Hj. Fadzil Mohd. Noor. (1986). *Aqidah dan Perjuangan*. Malaysia: Dewan Pustaka Fajar. Hal. 14.

إِنَّ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

Mafhumnya:

“Kehidupan itu tidak lain hanyalah kehidupan kita di dunia ini, kita mati dan kita hidup dan sekali-kali tidak akan dibangkitkan lagi”.

Selain itu ada pula golongan yang percaya banyak tuhan, mereka mensyirikkan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain. Akidah Islam menjelaskan dengan terang sekali bahawa sesungguhnya Allah itu Tuhan Yang Tunggal, Ianya Tuhan yang disembah dan tidak ada yang lain selainNya sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam surah *al-Ikhlās*, ayat 1-4:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Mafhumnya:

“Katalah (Muhammad), Dialah Allah, Yang Maha Esa, Allah tempat meminta segala sesuatu (Allah) tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu yang setara dengan Dia”.

Akidah menurut Imam al-Ghazali, sangat penting bagi seseorang memahami dengan penuh keyakinan tentang makna dan isi kandungan syahadah (penyaksiannya) bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, kerana keyakinan tersebut dapat mendorongnya menegakkan sunnah di samping terpelihara dari pengaruh golongan sesat atau ahli bid'ah.¹³ Ia mengandungi keyakinan tentang kewujudan zat, sifat dan segala perbuatan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan keyakinan tentang kebenaran Rasullullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* termasuk keyakinan kepada semua perkara yang didengar melalui pengajaran agama iaitu *sam'iyat* seperti pengumpulan dan kebangkitan sesudah mati, pertanyaan Munkar dan Nakir, azab kubur, titian, syurga dan neraka. Termasuk dalam bahagian ini adalah keyakinan terhadap rukun-rukun iman dan menjadi pendorong untuk beribadah¹⁴ dengan keyakinan terhadap pembalasan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta azab siksaNya. Firman Allah Ta'ala dalam surah *al-Baqarah*, ayat 281:

وَأْتَقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

Mafhumnya:

“Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan)”.

¹³Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al- Tawzi' wa al-Nasr al-Islamiyyah. Hal. 30.

¹⁴Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2004). *Minhaj al-'Abidin*. Terj. Abu Mazaya al- Hafiz. Johor Bharu: Jahabersa. Hal. 211-255.

Wasatiah dalam Ibadah

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: ((بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ)) . رواه البخاري ومسلم.

Mafhumnya:

“Daripada Abu Abdul Rahman Abdullah ibn 'Umar ibn al-Khatthab (رضي الله عنهما) beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: Islam itu terbina atas lima perkara: Naik saksi mengaku bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah Utusan Allah, Mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan”.

(HR. Bukhari dan Muslim)

Islam muncul dengan wasatiah yang memerintahkan agar umat bersolat setiap hari, mengerjakan ibadat puasa dalam bulan Ramadhan setahun sekali dan mengerjakan ibadat haji sekali seumur hidup jika berkemampuan. Malah itulah contoh tauladan daripada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang tidak memutuskan diri dengan dunia, malahan keseluruhan aktiviti hariannya adalah ibadah.¹⁵

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ada mengingatkan umatnya supaya tidak keterlaluan dalam melakukan ibadat sehingga mengabaikan tuntutan fitrah jasmani. Perkara ini diterangkan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim Dari Anas RadhiAllahu 'Anhu ia berkata: Tiga orang datang ke rumah isteri Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam mempertanyakan tentang ibadah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Setelah diberitahu, mereka menganggap seakan-akan amal ibadah Nabi itu hanya sedikit dan mereka berkata: “Dimanakah tempat kami dibanding Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Padahal beliau telah diampuni semua dosanya baik yang telah lalu maupun yang akan datang?” salah seorang di antara mereka berkata: “Saya selamanya solat sepanjang malam.” Yang lain berkata: “Saya selamanya berpuasa.” Yang lain lagi berkata: “Saya akan menjauhkan diri dari perempuan dan tidak akan kahwin selama-lamanya.” Kemudian Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam datang dan bersabda kepada mereka:

¹⁵ Prof. Dato' Dr. Ismail Ibrahim. (t.t). *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*. Kertas Pembentangan Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara. Malaysia.

“Kamu tadi mengatakan begini dan begitu? Demi Allah, sesungguhnya aku adalah orang yang paling takut dan paling takwa kepada Allah di antara kalian, tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku solat dan aku tidur malam, aku juga mengahwini perempuan. (Itulah sunah-sunahku) siapa saja yang benci terhadap sunahku, maka ia bukan termasuk golonganku.”

(HR Bukhari dan Muslim).

Selain itu, Hadith Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam daripada Abu Hurairah Abdul Rahman ibn Sokhrin RadhiAllahu ‘Anhu. beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : ((مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ آثَرُهُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ)) . رواه البخاري ومسلم.

Mafhumnya:

“Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka”.

(HR. Bukhari dan Muslim).

Wasatiah dalam Akhlak

Wasatiah dalam bidang akhlak ialah berada di pertengahan antara dua ekstrem iaitu golongan pertama mengamalkan hidup bebas lepas tanpa ikatan nilai-nilai murni, manakala golongan kedua pula rigid dan ketat dalam mengamalkan nilai-nilai murni. Maka wasatiah dalam akhlak Islam ialah berada di tengah-tengah antara tidak bakhil dan tidak pula membazir; tidak membangga diri dan tidak pula menghina diri; tidak penakut dan tidak berani membuta tuli. Asas bagi akhlak ini merujuk kepada firman Allah Ta’ala dalam surah *al-Isra’*, ayat 29:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

Mafhumnya:

“Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan jangan (pula) engkau terlalu menghulurkannya (sangat pemurah) nanti kamu menjadi tercela dan menyesal”.

Firman Allah Ta’ala dalam surah *al-Furqan*, ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Mafhumnya:

“Dan (termasuk hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pengasih) orang-orang yang apabila menginfakkan (harta), mereka tidak berlebihan dan tidak (pula) kedekut, di antara keduanya secara wajar ”.

Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* membangunkan sahsiah umatnya dengan komponen asas Islam, iaitu akidah, syariah, dan akhlak. Ini menunjukkan kedudukan akhlak amat penting sebagai salah satu daripada tunjang Islam itu sendiri.¹⁶ Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* apabila ditanya maksudnya, “Apakah *al-Din* itu?” Lalu Baginda menjawab yang bermaksud, “*Al-Din* ialah akhlak yang baik”.¹⁷ Sabda Baginda lagi, “Sebaik-baik iman orang mukmin itu ialah yang paling tinggi akhlaknya”.¹⁸

Agama Islam sahaja yang dapat menjamin kebajikan yang mutlak, kerana Islam telah menciptakan akhlak yang luhur yang menjamin kebaikan yang murni, baik untuk perseorangan mahupun untuk masyarakat. Islam menyuruh seseorang supaya berghairah melaksanakan kebajikan kerana kebajikan itu baik dan harus dilakukan serta mencegahnya dari perbuatan yang buruk dan menjadikannya benci mengerjakannya kerana perbuatan itu adalah hina dan harus ditinggalkan.¹⁹

Menurut Imam al-Ghazali, akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa dan tanpa memerlukan sebarang pertimbangan, sifat tersebut mendorong ke arah pelbagai perbuatan yang baik dan yang buruk.²⁰

Menurut kajian Imam al-Ghazali, akhlak yang paling utama (*ummahatul fadha’il*) dibahagikan kepada empat, iaitu:²¹

¹⁶ Akram Dahaman@Dahlan, Mohd & Amani Dahaman @ Dahlan. (2009). *Pembangunan Modal Insan dalam Perspektif Islam: Keseimbangan Antara Originality dan Kontinuiti*. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Pembangunan Modal Insan yang dianjurkan oleh Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) Kelantan, Malaysia, pada tarikh 23-24 Mac.

¹⁷ Al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr ‘Abd al-Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi. (1992). *Tabaqat al-Shafi’iyyah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Nashr.

¹⁸ Al-Sajisstani, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash‘ath. (1996). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif, nombor Hadis 4682.

¹⁹ Ahmad Muhammad Al-Hufy (1978), *Akhlak Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam (Keluhuran dan Kemuliaannya)*, Terj. DRS.H. Masdar helmy & K. Abd. Khalik Anwar, Bulan Bintang: Jakarta, Indonesia. Hal. 58.

²⁰ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed. (2003). *Ihya’ Ulum ad-Din*, Jil. 2 dan 4. Cet.1. Kaherah: Maktabah as Safa.

²¹ Sa’id ibn Qasim, Muhammad Jamaluddin ibn Muhammad. (1995). *Mau’izhat al-Mukminin Min Ihya’ Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Hal. 433-438.

- (1) *Al-Hikmah* atau kebijaksanaan dalam mengendalikan diri seseorang daripada hawa nafsu. Hidupnya akan sentiasa terkawal dan memiliki motivasi yang kuat untuk memperolehi kejayaan dan kebahagiaan dalam hidup;
- (2) *Al-Adlu* atau jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai hikmah. Sifat ini dapat membimbing ke arah keselamatan, ketenteraman, dan kebahagiaan;
- (3) *Al-Saja'ah* atau keberanian, iaitu teguh hati dalam membela dan mempertahankan kebenaran, tidak berundur apabila dicela, dan tidak meninggi diri apabila dipuji. Sifat ini mampu membuatkan manusia tekun bekerja dengan penuh keikhlasan, tanpa rasa bosan atau malas; serta
- (4) *Al-'Iffah* atau menjaga diri daripada perbuatan maksiat dan menjauhi diri dari perbuatan tidak baik.

Menurut Yusuf al-Qaradhawi ada menyatakan seperti berikut: Akhlak mulia merupakan satu juzu' utama daripada pembentukan masyarakat Islam. Terserlah daripada amalan mereka sifat adil, suka melakukan kebaikan, dan bersifat belas kasihan kepada orang lain. Dia bercakap benar, amanah, sabar, menepati janji, mulia, dan menjaga maruah diri. Terserlah dalam interaksi mereka dengan orang lain sifat rendah hati, pemurah, berani, enggan melakukan kejahatan, dan suka berkorban. Dia bersedia menghulurkan bantuan dengan kadar segera. Penampilannya bersih dan bersikap sederhana dalam segala segi. Dia suka memaafkan orang lain, memberi nasihat, boleh bekerjasama, membenci segala yang diharamkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Dia berupaya menundukkan nafsu syahwat dan sifat marah. Impiannya ialah berusaha melakukan sebanyaknya pelbagai amal kebaikan, mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri, serta melakukan kebaikan kepada seluruh mahluk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.²²

Pembangunan spiritual dan fizikal

Keseimbangan penguasaan spiritual dan fizikal dalam menjalani kehidupan beragama melalui penghayatan nilai-nilai wasatiah; akidah, ibadah dan akhlak dalam diri adalah sangat penting bagi membentuk keperibadian seseorang kerana dengannya dapat mengimbangi antara kehendaki duniawi dan ukhrawi.

Dari segi pengertian, aspek kerohanian menurut al-Ghazali menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan manusia yang berkait dengan unsur-unsur seperti nafsu, ruh, *qalbu* dan akal.²³

²² Al-Qaradhawi, Yusuf. (1993). *Malamih al-Mujtama 'al-Muslim al-Lazi Nunsyiduhu*. Cet. 1. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

²³ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (t.t). *Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah. Hal. 59.

Pandangan Yusof al-Qaradawi berkaitan antara agama dan unsur dalaman manusia jelas dalam pandangan yang menyebut bahawa agama atau *al-din* merupakan sesuatu yang dirasakan oleh manusia sebagai keperluan atau desakan dalaman melalui seruan batin yang semulajadi untuk mengakui bahawa mereka dan alam di sekeliling mereka mempunyai Tuhan yang Maha Agung. Ia merupakan suatu perasaan sejati dalam lubuk hati mereka yang mana hati mereka menghala kepada-Nya dengan penuh penghormatan, harapan, takut dan berserah serta memohon pertolongan daripada-Nya. Oleh yang demikian, sesiapa yang memenuhi seruan batinnya untuk hidup beragama; jiwa dan batinnya akan memperolehi ketenangan²⁴, sebagaimana Firman Allah *Ta'ala* dalam surah *Al-Rum*, ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Mafhumnya:

“Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) ke arah *al-din* yang lurus (jauh dari kesesatan); (turutlah terus) agama Allah-iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu (iaitu janganlah mengubah agama Allah yang berdasarkan tauhid kepada sebarang perbuatan syirik), itulah *al-din* yang betul dan lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

Tidak akan sempurna penghayatan nilai-nilai wasatiah jika hanya penguasaannya dengan spiritual, bahkan perlulah juga disulami dengan penguasaan fizikal. Seorang muslim haruslah memiliki daya tahan tubuh sehingga dapat melaksanakan ajaran Islam secara optimal dengan fizikalnya yang kuat. Sembahyang, puasa, zakat dan haji merupakan amalan di dalam Islam yang harus dilaksanakan dengan fizikal yang sehat dan kuat. Apalagi berjihad di jalan Allah dan bentuk-bentuk perjuangan lainnya. Bahkan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* menekankan pentingnya kekuatan jasmani seorang muslim. Bersabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang mafhumnya:

“Mukmin yang kuat lebih aku cintai daripada mukmin yang lemah”. (HR. Muslim).

Dilihat dari sudut psikologi, kejadian manusia yang meliputi elemen-elemen spiritual dan fizikal menyebabkan ia memerlukan keseimbangan antara aspek rohaniah dan jasmaniah. Oleh kerana itu, penghayatan agama berfungsi mencorakkan kerohanian atau kejiwaan manusia dalam kehidupannya sehari-hari.²⁵ Dalam hal ini, al-Ghazali²⁶ menggariskan usaha menghayati agama sebagai adab yang paling bermanfaat, sebagaimana katanya:

²⁴ Al-Qaradawi, Yusuf. (2001). *al-Ibadah fi al-Islam*. Beirut : Muassasah al-Risalah. Hal.13.

²⁵ H. M.Arifin. (1977). Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia. Jakarta: Bulan Bintang. Hal.61.

²⁶ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (t.t). *Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin*. Hal. 18.

"وأَنْفَعُ الْآدَابِ التَّفَقُّهُ فِي الدِّينِ وَالزُّهْدُ فِي الدُّنْيَا وَالْمَعْرِفَةُ بِمَا لِلَّهِ عَلَيْكَ"

Maksudnya;

'Dan adab yang paling bermanfaat ialah menekuni dan memahami agama, zuhud di dunia dan makrifat (menegenali) Allah Subhanahu wa Ta'ala'.

Sempurnanya kejadian manusia itu kerana manusia mempunyai roh dan jasad. Seterusnya, menurut ahli psikologi Islam, manusia merupakan insan sempurna dan mulia kerana dibekalkan rohani, jasmani, hati, dan akal. Oleh itu, jelas bahawa penciptaan manusia meliputi aspek spiritual dan fizikal. Implikasinya, apabila manusia itu hendak dididik dan dibangunkan, maka tidak dapat tidak kedua-dua elemen ini perlu diambil kira dan diberi perhatian agar sempurna dan berjaya.²⁷ Ini kerana kejayaan dan kebahagiaan hakiki kehidupan adalah berpunca daripada tingkah-laku moral dan akhlak yang mulia dan sebaliknya.

Memelihara wasatiah antara Iman, Ilmu dan Amal dalam Islam

Memelihara khazanah wasatiah menerusi iman, ilmu dan amal juga merupakan nilai-nilai wasatiah yang perlu ditanai agar peribadi seseorang muslim itu sentiasa terjaga dan terpelihara sehingga dapat membentuk peribadi muslim sejati dan mengekalkan keamanan sejagat.

Iman bermaksud melafazkan kalimah tauhid dengan *i'tikad* di dalam hati serta mengamalkannya kerana tahap keimanan seseorang boleh bertambah dan berkurangan.

Firman Allah *Ta'ala* dalam surah *Al-Anfaal*, ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Mafhumnya:

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang bila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya bertambahlah iman mereka (kerananya), dan hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakal*".

Imam al-Shafi'i *Rahimahullah* berpendapat bahawa iman adalah ucapan (hati dan lisan) dan amal, yang boleh bertambah dan berkurang.²⁸ Ia bertambah kerana ketaatan dan berkurang

²⁷ Suhid, Asmawati. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Cet.1. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution.

²⁸ Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil. (2009). *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbaat al-'Aqidah*. Cet.5. Pustaka Imam asy-Shafi'i. Hal. 191.

kerana kemaksiatan. Sesudah itu, Imam al-Shafi'i *Rahimahullah* membaca surah *al-Muddatstsir*, ayat, 31:

..... وَيَزِدَادَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِيمَانًا ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

“..... dan supaya orang yang beriman bertambah imannya.....”

Ilmu menurut pandangan Imam al-Ghazali²⁹ memperjelas fungsi ilmu sebagai perbekalan kepada hati (*al-qalb*), dan manfaat yang akan dicapai oleh seseorang kepada rohaninya daripada bekal ilmu itu adalah amal salih.

Antara pandangan beliau tentang aspek kerohanian yang berhubung kait dengan ilmu ialah kelebihan ilmu apabila mampu membawa rasa takut (pemilikinya) kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*³⁰, Firman Allah *Ta'ala* dalam surah Fatir, ayat 28:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ

عَفُورٌ ﴿٢٨﴾

Mafhumnya:

“*Sesungguhnya yang takut akan Allah dari kalangan hamba-hambanya adalah ulama (ilmuwan). Ini kerana dengan ilmu, seseorang dapat mengenali Allah, beribadah dan mengagungkanNya, serta membuahkan taat dan menghalangi maksiat*”.

Untuk tujuan **amal** ketaatan, kerana menurut al-Ghazali, ilmu tanpa amal salih tidak melayakkan pemiliknya menerima rahmat Allah *Ta'ala*.³¹ Tentang pembahagian ilmu, Imam al-Ghazali menegaskan bahawa ilmu yang wajib dipelajari setiap muslim ialah ilmu Tauhid, ilmu *Sirr* (yang berkaitan dengan amalan hati seperti ikhlas dan sebagainya) dan ilmu Syariah (untuk mengetahui halal haram atau yang dibenar dan dilarang menurut syarak).³²

Keseimbangan antara Iman, Ilmu dan Amal dalam memelihara nilai-nilai wasatiah dalam Islam memerlukan kesabaran serta ketabahan agar tuntutan pemeliharaan wasatiah dapat dikecapi dan terjamin bagi umat Islam sejagat.

Iman, Ilmu dan Amal berkait rapat antara satu dengan yang lain. Perbuatan baik seseorang tidak akan dinilai sebagai suatu perbuatan amal soleh jika perbuatan tersebut tidak diiringi

²⁹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1998). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Terj.TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.

³⁰ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1964). *Minhaj al-'Abidin*. Kaherah: Maktabah al-Jundi. Hal. 20.

³¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Hal. 12.

³² Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1964). *Minhaj al-'Abidin*. Hal. 20

bersama nilai iman dan takwa, sehingga dalam pemikiran Islam perbuatan manusia harus berlandaskan iman dan pengetahuan tentang pelaksanaan perbuatan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberikan kehidupan yang sejahtera, bahagia, dan aman kepada semua orang yang mahu melakukan amal kebaikan yang diiringi dengan iman serta yakin dan ikhlas kerana Allah *Ta'ala* semata.

Firman Allah *Ta'ala* dalam surah *Ali 'Imran*, ayat 148:

فَعَاتَلَهُمُ اللَّهُ تَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ الْآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

Mafhumnya:

“*Kerana itu Allah memberikan kepada mereka pahala di dunia dan pahala yang baik di akhirat. Dan Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan*”.

Selain itu, hubungan antara Iman, Ilmu dan Amal dalam amalan kehidupan adalah satu keperluan bagi setiap individu Muslim khususnya kerana menuntut ilmu pengetahuan serta mendalami ilmu agama bertujuan untuk mencergaskan umat dan mengembangkan agama Islam agar dapat disebarluaskan dan difahami oleh setiap masyarakat.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga memberikan tuntunan agar niat belajar serta menuntut ilmu itu hanya semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah *Ta'ala* dalam surah *al-'Alaq*, ayat 1-5:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٣﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٤﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٥﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٦﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٧﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٨﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٩﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿١٠﴾

Mafhumnya:

“*Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya*”.

Kerana ilmu yang dicari itu bermanfaat baik di dunia maupun di akhirat. Sememangnya memerlukan kesungguhan bagi yang menuntutnya kerana dorongannya hanya satu iaitu perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tidak akan kecewa apabila tujuannya tidak tercapai kerana semuanya telah diatur oleh Allah *Ta'ala* juga yang maha Bijaksana.

Dapatlah disimpulkan bahawa dengan memelihara dan mempraktikkan ketiga-tiga sifat ini; iman, ilmu dan amal dalam kehidupan seharian, mampu mengukuhkan lagi keseimbangan hidup dunia dan akhirat disamping sebagai pengukuh dan tonggak kepada teguhnya nilai-

nilai wasatiah dalam jati diri setiap muslim dan akhirnya terbentuklah peribadi muslim yang dapat menguasai diri dengan akhlak, akidah dan syariah yang sempurna.

Implikasi Tidak Dapat Menguasai Nilai-Nilai Wasatiah

Pembangunan akhlak yang dilaksanakan menurut perspektif Islam tumbuh dan berkembang dalam rangka syariat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berasaskan akidah, dikawal oleh syariat, dan dihiasi dengan adab sopan dan akhlak. Hanya kemajuan dan pembangunan yang menepati syariat Ilahi sahaja yang mampu membawa manusia mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Jika sebaliknya, pasti akan mengundang keruntuhan dan kecelakaan di dunia dan akhirat.³³

Jika kita cuai, maka lahirlah generasi yang rosak dan tidak berakhlak. Kadang-kadang kita lebih mementingkan kecemerlangan akademik anak-anak tetapi kita tidak pedulikan agama dan akhlak mereka, maka akan lahirlah anak yang bijak tetapi rosak moralnya dan runtuh akhlaknya, akibatnya bukan hanya ibu bapa yang menghadapi masalah, tetapi masyarakat turut terheret dengan keruntuhan akhlak anak-anak kita.

Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ayyuha al-Walad*, tentang tanda-tanda berpaling (kebencian) Allah kepada seseorang hamba ialah apabila ia sibuk mengerjakan sesuatu yang tidak ada kena mengena atau tidak mustahak baginya, di samping menjelaskan bahawa, “jika berlalu waktu dari seseorang hamba dalam (keadaan ia mengerjakan sesuatu) yang selain dari tujuan sebenar ia dijadikan oleh Allah di dunia ini (iaitu untuk beribadah kepadaNya), maka layaklah nanti ia ditimpa penyesalan yang panjang; dan sesiapa yang mencecah empat puluh tahun dalam keadaan amal baiknya tidak dapat mengatasi amal jahatnya maka hendaklah ia mempersiapkan dirinya ke neraka”.³⁴

Daripada Abu Hurairah *RadhiAllahu ‘Anhu* beliau berkata: Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرَاهُ مَا لَا يَعْينُهُ)) حديث حسن رواه الترمذي وغيره هكذا.

Mafhumnya:

“Sebahagian daripada keelokan seorang mukmin ialah meninggalkan apa yang tidak berfaedah baginya”.

(HR. al-Tarmizi).

³³ Awang, Ramli. (2003). *Falsafah Sains dan Pembangunan ke Arah Dimensi Baru*. Skudai, Johor: Penerbit UTM (Universiti Teknologi Malaysia).

³⁴ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Hal. 9.

Hadith ini menyerlahkan suatu ajaran Islam yang amat baik, yang boleh menyumbang ke arah pembangunan umat. Sekiranya semua umat Islam meninggalkan perkara yang tidak berfaedah dan yang tidak ada kena mengena dengan dirinya, nescaya mereka mampu mencipta kejayaan dan kemajuan serta menghasilkan produktiviti yang berkualiti.

Penutup

Bagi membentuk akhlak yang mulia sebagai cermin keperibadian seseorang muslim, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mewajibkan kita mengingat-Nya pada setiap waktu sehingga terasa khususy'.

Firman Allah *Ta'ala* dalam surat *al-Ahzab*, ayat 41-42:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

Mafhumnya:

“Wahai orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepadaNya waktu pagi dan petang”.

Sebaliknya, kehidupan dunia yang dilakukan semata-mata kerana dunia sahaja, tanpa memperdulikan hubungannya dengan Allah dan hukum-hakamnya, menunjuk-nunjuk baik kepada orang dengan harapan supaya diberikan penghormatan dan pujian, maka amalan seperti itu tidak ada ganjaran di sisi Allah, malahan mendapat laknat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak.

Firman Allah *Ta'ala* surah *an-Nur*, ayat 52;

“Sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya tidak terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang yang beroleh kemenangan”.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* menyeru kepada kita sebagai umatnya supaya berakhlak dengan akhlak yang mulia, tunduk dan patuh kepada Syariat Allah, menjadikan Syariat dan undang-undang Allah pada amalan, menjadikan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai pemimpin yang benar-benar diikuti sepenuhnya, menjadikan peribadi kita masing-masing cerminan akhlak yang tinggi dan mulia kepada anak-anak, keluarga dan masyarakat kita, sehingga terpancarlah sifat *rabbaniyah* (ketuhanan) melalui ketundukan dan kepatuhan seorang bapa sebagai hamba yang ingin menghampirkan dirinya kepada Allah, sehingga kita dikasihi oleh anak-anak dan keluarga serta jiran tetangga. Allah pasti menjadikan kita sebagai hamba-Nya yang dikasihi dan diredhai.

Mengusai semua nilai-nilai wasatiah yang terpuji merupakan anjakan paradigma diri ke arah pembentukan peribadi muslim yang seterusnya akan menyumbang kepada keamanan sejagat. Jika nilai-nilai utama wasatiah ini sudah menjadi sebatian dalam diri, maka akan banyak nilai-nilai negatif yang merosakkan dapat dihindari seperti tidak jujur, tidak amanah, tamak haloba, boros, salahguna kuasa, salahguna wang, mementingkan diri sendiri, tidak bertanggungjawab, tidak bersyukur, tidak mahu berterima kasih, rasuah, panas baran, khianat, penipuan, dan sebagainya. Jadi, marilah kita sama-sama mengamalkan nilai-nilai wasatiah yang sudah pastinya membawa kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Firman Allah Ta'ala dalam surah *Al-Qashas*, ayat 77:

وَأَبْتَعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Mafhumnya:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan”.

Pada ayat ini Allah Ta'ala memerintahkan kepada orang-orang beriman agar dapat menciptakan keseimbangan antara usaha untuk memperoleh keperluan duniawi dan keperluan ukhrawi. Tidak mengejar salah satunya dengan cara meninggalkan yang lainnya. Kehidupan duniawi dan ukhrawi merupakan fitrah yang harus dijalani oleh manusia, sehingga menjalani kehidupan ini dengan memenuhi keperluan kedua-duanya. Membuat keseimbangan antara dunia dan akhirat merupakan bahagian dalam ajaran Islam yang harus dilaksanakan oleh umatnya.

BIBLIOGRAFI

Abu al-Su'ud, Muhammad bin Muhammad al-'Amadi. (1990). *Irsha al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Quran al-Karim*. Jil.1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.

Ahmad Muhammad Al-Hufy. (1978). *Akhlaq Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. (Keluhuran dan Kemuliaannya), Terj. DRS.H. Masdar helmy & K. Abd. Khalik Anwar, Bulan Bintang: Jakarta, Indonesia.

Akram Dahaman @ Dahlan, Mohd & Amani Dahaman @ Dahlan. (2009). *Pembangunan Modal Insan dalam Perspektif Islam: Keseimbangan Antara Originality dan Kontinuiti*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Modal Insan yang dianjurkan oleh Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) Kelantan, Malaysia, pada tarikh 23-24 Mac.

H. M. Arifin. (1977). *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*. Jakarta: Bulan Bintang.

Awang, Ramli. (2003). *Falsafah Sains dan Pembangunan ke Arah Dimensi Baru*. Skudai, Johor: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].

Hj. Fadzil Mohd. Noor. (1986). *Aqidah dan Perjuangan*. Malaysia: Dewan Pustaka Fajar.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1964). *Minhaj al-'Abidin*. Kaherah: Maktabah al-Jundi.

_____. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al- Tawzi' wa al-Nasr al-Islamiyyah.

_____. (1998). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Terj. TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.

_____. (2003). *Ihya' Ulum ad-Din*, Jilid 2 dan 4. Cet.1. Kaherah: Maktabah as Safa.

_____. (2004). *Minhaj al-'Abidin*. Terj. Abu Mazaya al-Hafiz. Johor Bharu: Jahabersa.

_____. (t.t). *Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah.

Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Ismail Ibrahim. (t.t). *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*. Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara.

_____. (2012). *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*. Malaysia: Jabatan kemajuan Islam.

Ibn Manzur. (t.t). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil. (2009). *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbaat al-'Aqidah*. Cet.5. Pustaka Imam asy-Shafi'i.

Al-Nasafi, Abu al-Barakat 'Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud Hafiz al-Din. (1998). *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kalim ak-Tayyib. Jil. 1.

Al-Qaradhawi, Yusuf. (1993). *Malamih al-Mujtama 'al-Muslim al-Lazi Nunsyiduhu*. Cet.1. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

_____. (2001). *al-Ibadah fi al-Islam*. Beirut : Muassasah al-Risalah.

Al-Razi, Muhammad bin 'Umar bin al-Husayn bin al-Hasan bin 'Ali al-Bakri. (1999). *Al-Tafsir al-Kabir*. Jil. 2. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.

Sa'id ibn Qasim, Muhammad Jamaluddin ibn Muhammad. (1995). *Mau'izhat al-Mukminin Min Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Suhid, Asmawati. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Cet.1. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution.

Al-Sajisstani, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath. (1996). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

Al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi. (1992). *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Nashr.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Al-Tafsir al-Munir*. Terjemahan. Jil.1. Malaysia: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

_____. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Juz.2. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Jil. 2. Mesir: Dar Hijr. Jil. 2.

Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar. (2001). *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-turath al-'Arabiy.

MODEL WASATIAH DALAM FIQH AL-SHAFI'I

Dr Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh,
Dekan Fakulti Syariah,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

ABSTRAK

Wasatiah bermaksud tidak lebih, tidak kurang, pertengahan dan mudah. Manakala umat wasatiah pula ialah umat pertengahan yang bermaksud pertengahan dalam segala pembawaannya, tidak melampaui batas dan tidak keterlaluan dalam menganut kepercayaannya, demikian juga akhlak dan amalannya. Ini bererti segalanya berkeadaan di tengah-tengah. Dalam konteks fiqh Imam Al-Syafi'i, apakah corak atau model wasatiah yang dipelopori oleh Imam Al-Syafi'i dalam penetapan hukum. Ini kerana fiqh Imam Al-Syafi'i lahir dari kombinasi fiqh Hijaz (Imam Malik) dan fiqh Iraq (Imam Muhammad Al-Syaibani anak murid kepada Imam Abu Hanifah). Kedua-dua imam ini adalah guru kepada Imam Al-Syafi'i. Walau bagaimanapun, Imam Al-Syafi'i tidak terikat untuk tidak mengambil semua yang telah diajarkan oleh Imam Malik dan yang telah diperolehinya daripada Imam Muhammad Al-Syaibani. Memandangkan Imam Syafi'i telah merumuskan metodologi fiqhnya (hasil daripada kombinasi tersebut), maka setentunya akan memiliki produk hukum wasatiah baik dalam qaul qadim mahupun qaul jadid.

Pengenalan

Mazhab al-Shafi'i diasaskan dan pelopori oleh Imam Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin al-Shafi'i bin al-Saib.

Tiada dinafikan bahawa Imam al-Shafi'i adalah salah satu antara mercu tanda ilmu dalam sejarah perkembangan ilmu Fiqh dan Usul Fiqh. Beliau belajar dari Imam Malik sebagai tokoh ahli hadis, dan Imam Muhammad bin Hasan al-Shaibani sebagai tokoh *ahl al-ra'y* yang juga murid Imam Abu Hanifah.

Imam al-Shafi'i kemudian merumuskan aliran atau mazhabnya sendiri, yang dapat dikatakan berada di antara kedua kelompok tersebut. Meskipun berbeza dari kedua mazhab tersebut, keunggulan Imam al-Shafi'i sebagai ulama fiqh, usul al-Fiqh, ilmu bahasa, sastera, tafsir dan hadis di zamannya membuat mazhabnya mempunyai ramai penganutnya dan keilmuan beliau diakui oleh ramai ulama yang hidup sezaman dengannya.

Sambutan yang begitu tinggi dari penganut agama Islam di serata dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam dan di Alam Melayu adalah merujuk kepada beberapa faktor, antaranya

ialah kehebatan Imam al-Shafi'i sebagai ilmuwan tersohor dan berkedudukan tinggi di sepanjang sejarah. Keilmuwan beliau amat terserlah dalam beberapa bidang ilmu, keseimbangan mazhabnya dalam mengupas persoalan hukum dan perundangan, disamping peribadinya yang disenangi oleh sesiapa sahaja yang mendampinginya amat mengagumkan. Ini dapat dibuktikan daripada para sahabat beliau yang sentiasa mendampinginya di sepanjang perjalanan hidupnya hingga ke saat wafatnya pada tahun 204H.

Dasar-dasar mazhab al-Shafi'i dapat dilihat dalam kitab al-Risalah dan kitab al-Umm. Di dalam buku-buku tersebut Imam al-Shafi'i menjelaskan prinsip-prinsip asas mazhabnya iaitu berpegang pada al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak para Sahabat, dan qiyas.

Berdasarkan kewibawaan Imam al-Shafi'i sebagai imam mujtahid dengan ketinggian ilmu yang dimilikinya, proses ijtihad yang dilakukan dan fatwa yang dikeluarkannya, serta keseimbangan mazhabnya, maka kertas ini akan menjelaskan model wasatiah Imam al-Shafi'i dalam bidang fiqh yang menyumbang kepada kestabilan dan keutuhan pemikiran fiqh al-Shafi'i di kalangan masyarakat Islam di serata dunia.

Definisi Model dan Wasatiah

Menurut Kamus Dewan perkataan model bermaksud ragam, cara, fesyen, jenis dan reka bentuk tertentu sesuatu barang yang dikeluarkan. Ia juga bermaksud seseorang atau sesuatu yang dapat dijadikan contoh (untuk ditiru atau diteladani).¹ Maka perkataan model itu boleh diertikan sebagai cara, bentuk, jenis atau contoh sesuatu perkara atau barang dan sebagainya. *Wasatiyyah* dari segi bahasa, kelihatan semuanya tidak lari daripada kata kunci, "pertengahan". *Wasatiyyah* adalah perkataan Arab berasal daripada perkataan *wasata*, *yasitu*, *wastan* yang bermaksud menjadi di tengah. Manakala perkataan *al-wasatu* pula bermaksud *al-mu'tadil* (pertengahan).²

Manakala maksud *wasatiyyah* dari segi istilah pula diperolehi pemahamannya daripada sumber al-Qur'an. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 143;

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Tafsirnya: Dan demikianlah Kami menjadikan kamu umat pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi atas manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

¹ Kamus Dewan Edisi ke 4, hlm 1039

² Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyad & Hamid Abd Kadir & Muhammad Ali al-Nazzar, t.th, *Al-Mu'jam al-Wasit*, Terbitan al-Maktabah al-Islamiyah, Kaherah, juz 2, hlm 1031

Ayat ini menjadi asas dalam wacana perbincangan menerangkan konsep wasatiah. Secara jelasnya, ayat ini menisbahkan kepada umat Islam sebagai umat *wasatan*. Ulama tafsir seperti Ibnu Kathir,³ at-Tabari,⁴ al-Qurtubi⁵ dan al-Mawardi⁶ dalam kitab-kitab tafsir mereka telah mentafsirkan wasatiah di dalam ruang lingkup tafsiran utama iaitu terbaik, cemerlang, terpuji dan adil.

Berdasarkan penerangan di atas, maksud model dan *wasatiyyah* yang menjadi topik perbincangan kertas ini, jika dikaitkan dengan kehidupan manusia dan segala tindakannya boleh disebutkan sebagai contoh terbaik, berimbang dengan adil, terpuji dan cemerlang.

Al-Shafi'i dan Sejarah Hidupnya

Beliau ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin al-Shafi'i bin al-Saib bin 'Ubaid bin Yazid bin Hashim bin 'Abd al-Muttalib bin 'Abd Manaf bin Ma'n bin Kilab bin Murrah bin Lu'i bin Ghalib bin Fahr bin Malik bin al-Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrakah bin Ilias bin al-Nadr bin Nizar bin Ma'd bin 'Adnan bin Ud bin Udad.

Keturunan beliau bertemu dengan titisan keturunan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* pada 'Abd Manaf. Ibunya bernama Fatima dan berasal dari Kabilah al-Azd, satu kabilah Yaman yang masyhur. Ada pula sebahagian yang mendakwa bahawa ibunya berasal dari keturunan Ali bin Abi Thalib (iaitu Muhammad bin Fatimah binti Abdullah bin al-Hasan bin al-Husain bin Ali bin Abi Thalib). Hal ini disebutkan oleh Imam al-Hakim (penulis kitab al-Mustadrak) dari Yunus bin Abdul A'la. Menurut Imam Tajuddin al-Subki ulama terkenal yang menulis biografi ulama-ulama al-Shafi'iyah berpendapat bahawa pendapat ini sangat kuat dan menolak bantahan orang yang menolaknya.⁷

Beliau dilahirkan, menurut pendapat yang masyhurnya di Ghazzah – Palestine pada tahun 150H. Sebelum ia dilahirkan keluarganya telah berpindah ke Palestine kerana beberapa keperluan atau kerana bapanya terlibat di dalam angkatan tentera yang ditugaskan untuk mengawal perbatasan Islam di sana.

³ Ibnu Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 1421H/2000M, Terbitan Muassasah Qurtubah, Ghizah, Kaherah, jld 2, hlm 111

⁴ al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*, 1415H/1995M, Cetakan Darul Fikr, Beirut, Jld 2, hlm 10-11

⁵ al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 1414H/1994, Cetakan Darul Hadith, Kaherah, jld 1, hlm 158-159

⁶ al-Mawardi, *Tafsir al-Mawardi*, t.th, Cetakan Dar kutub al-Ilmiyah, juz 1, hlm 198-199

⁷ Tajuddin al-Subki, 1413, *Thabaqāt al-Syāfi'iyah al-Kubrā*, Kaherah: Hajr li al-Thibā'at wa al-Nasyr, jld1 hlm193

Tidak lama sesudah ia dilahirkan bapanya meninggal. Tinggallah ia bersama-sama ibunya sebagai seorang anak yatim. Kehidupan masa kecilnya dilalui dengan serba kesulitan.⁸

Al-Shafi‘i dan Pengembaraannya

Hidup Imam al-Shafi‘i (150 – 204H) merupakan satu siri pengembaraan yang tersusun di dalam bentuk yang sungguh menarik dan amat berkesan terhadap pembentukan kriteria ilmiah dan popularitinya.

1. Al-Shafi‘i di Mekah (152 – 164H)

Pengembaraan beliau bermula sejak beliau berumur dua tahun lagi (152H), iaitu ketika beliau dibawa oleh ibunya berpindah dari Ghazzah, satu tempat di negara Palestine di mana beliau dilahirkan, ke kota Mekah untuk hidup bersama kaum keluarganya di sana.⁹

Di kota Mekah kehidupan beliau tidak tetap kerana beliau dikirimkan ke perkampungan Bani Huzail dan menurut tradisi bangsa Arab ketika itu bahawa pengiraman anak-anak muda mereka ke perkampungan tersebut dapat mewarisi kemahiran bahasa ibunda mereka dari sumber asalnya yang belum lagi terpengaruh dengan integrasi bahasa-bahasa asing seperti bahasa Parsi dan sebagainya. Satu perkara lagi ialah supaya setiap pemuda mereka dapat dibekalkan dengan latihan perang berkuda (*al-furusiyyah*). Kehidupan beliau di peringkat ini mengambil masa dua belas tahun (152-164H).¹⁰

Sebagai hasil dari usahanya, beliau telah mahir dalam ilmu bahasa dan sejarah di samping ilmu-ilmu yang berhubung dengan al-Qur‘an dan al-Hadith. Sepulangnya beliau dari perkampungan itu beliau meneruskan usaha pembelajarannya dengan beberapa mahaguru di kota Mekah sehingga beliau menjadi terkenal. Dengan kecerdikan dan kemampuan ilmiahnya beliau telah dapat menarik perhatian seorang mahagurunya iaitu Muslim bin Khalid al-Zinji yang mengizinkan beliau untuk berfatwa sedangkan umur beliau masih lagi di peringkat remaja.¹¹

⁸ Al-Bultaji, *Mauqif al-Imam al-Shafi‘i*, 1396H/1973M, hlm 12 dan ‘Abd al-Halim al-Jundi, *al-Imam al-Shafi‘i*, 1967M, hlm 37 & 38.

⁹ Al-Bultaji, hlm12.

¹⁰ Ibid, hlm 23.

¹¹ Diriwayatkan bahawa beliau telah diizinkan memberi fatwa oleh Muslim bin Khalid di waktu beliau berumur lima belas tahun. Lihat al-Asnawi, *Tabaqat al-Shafi‘iyah*, 1390H/1970M, jld 1, hlm 12 & 25.

2. Al-Shafi‘i di al-Madinah (164-179H)

Sesudah itu beliau berpindah ke Madinah dan menemui Imam Malik. Beliau berdamping dengan ‘*Alim al-Madinah*’ itu disamping mempelajari ilmunya sehinggalah Imam Malik wafat pada tahun 179H, iaitu selama lima belas tahun.¹²

Semasa beliau bersama Imam Malik hubungan beliau dengan ulama’ lain yang menetap di kota itu dan juga yang datang dari luar berjalan dengan baik dan berfaedah. Dari sini dapatlah difahami bahawa beliau, semasa di Madinah, telah dapat mewarisi ilmu bukan sahaja dari Imam Malik tetapi juga dari ulama’ lain yang terkenal di kota itu.¹³

3. Al-Shafi‘i di Yaman (179-184H)

Apabila Imam Malik wafat pada tahun 179H, kota Madinah diziarahi oleh Gabenor Yaman. Beliau telah dicadangkan oleh sebahagian orang-orang Quraysh Madinah supaya mencari pekerjaan bagi al-Shafi‘i. Lalu beliau melantiknya menjalankan satu pekerjaan di wilayah Najran.¹⁴

Sejak itu al-Shafi‘i terus menetap di Yaman sehingga berlaku pertukaran gabenor wilayah itu pada tahun 184H. Pada tahun itu satu fitnah ditimbulkan terhadap diri al-Shafi‘i sehingga beliau dihadapkan ke hadapan Harun al-Rashid di Baghdad atas tuduhan gabenor baru itu yang sering menerima kecaman al-Shafi‘i kerana kekejaman dan kezalimannya. Tetapi ternyata bahawa beliau tidak bersalah dan kemudiannya beliau dibebaskan.

4. Al-Shafi‘i di Baghdad (184-186H)

Peristiwa itu walaupun secara kebetulan, tetapi membawa erti yang amat besar kepada al-Shafi‘i kerana pertamanya, ia berpeluang menziarahi kota Baghdad yang terkenal sebagai pusat ilmu pengetahuan dan para ilmuan pada ketika itu, keduanya, dia berpeluang bertemu dengan Muhammad bin al-Hassan al-Shaibani, seorang tokoh mazhab Hanafi dan sahabat karib Imam Abu Hanifah dan lain-lain tokoh di dalam mazhab *ahl al-ra‘y*.

Dengan peristiwa itu terbukalah satu era baru dalam siri pengembaraan al-Imam ke kota Baghdad yang dikatakan berlaku sebanyak tiga kali sebelum beliau berpindah ke Mesir.¹⁵

¹² Ibid, hlm 23 & 26

¹³ Al-Asnawi, hlm 26-27.

¹⁴ Al-Bultaji, hlm 27.

¹⁵ Al-Bultaji, hlm 28.

Dalam pengembaraan pertama ini al-Shafi‘i tinggal di kota Baghdad sehingga tahun 186H. Selama masa ini (184-186H) beliau sempat membaca kitab-kitab mazhab *ahl al-ra‘y* dan mempelajarinya, terutamanya hasil tulisan Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani, disamping membincangkannya di dalam beberapa perdebatan ilmiah di hadapan Khaifah Harun al-Rashid sendiri.

5. Al-Shafi‘i di Mekah (186-195H)

Pada tahun 186H al-Shafi‘i pulang ke Mekah membawa bersama-samanya hasil usahanya di Yaman dan ‘Iraq dan beliau terus melibatkan dirinya di dalam bidang pengajaran. Dari sini muncullah satu bintang baru yang berkerdipan di ruang langit Mekah membawa satu nafas baru di bidang fiqah, satu nafas yang bukan Hijazi, dan bukan pula ‘Iraqi dan Yamani, tetapi ia adalah gabungan dari semua aliran itu. Sejak itu, menurut pendapat setengah ulama’, lahirlah satu mazhab fiqhi yang baru yang kemudiannya dikenali dengan mazhab al-Shafi‘i.¹⁶

Selama sembilan tahun (186-195H) al-Shafi‘i menghabiskan masanya di kota suci Mekah bersama-sama para ilmuan lainnya, membahas, mengajar, mengkaji disamping berusaha untuk melahirkan satu intisari dari beberapa aliran dan juga persoalan yang sering bertentangan yang beliau temui selama masa itu.¹⁷

6. Al-Shafi‘i di Baghdad (195-197H)

Dalam tahun 195H, untuk kali keduanya al-Shafi‘i berangkat ke kota Baghdad. Keberangkatannya pada kali ini tidak lagi sebagai seorang yang tertuduh, tetapi sebagai seorang alim Mekah yang sudah mempunyai personaliti dan aliran fiqhi yang tersendiri.

Catatan perpindahan kali ini menunjukkan bahawa beliau telah menetap di negara itu selama dua tahun (195-197H).

Di dalam masa yang singkat ini beliau berjaya menyebarkan “Metode Usuli” yang berbeza dari apa yang telah dikenali pada ketika itu. Penyebaran ini sudah tentu menimbulkan satu respon dan reaksi yang luar biasa di kalangan para ilmuan yang kebanyakannya terpengaruh dengan metode mazhab Hanafi yang disebarkan oleh tokoh utama mazhab itu, iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani. Kata al-Karabisi: “Kami sebelum ini tidak kenal apakah (istilah) al-Kitab, al-Sunnah dan al-Ijma’, sehinggalah datangnya al-Shafi‘i, beliaulah yang menerangkan maksud al-Kitab, al-Sunnah dan al-Ijma’”. Kata Abu Thauri: “Kata al-

¹⁶ Al-Bultaji, hlm 30, Muhammad Abu Zuhrah, *Al-Shafi‘i*, hlm 143.

¹⁷ Al-Bultaji, hlm 30.

Shafi'i: Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menyebut (di dalam kitabNya) mengenai sesuatu maksud yang umum, tetapi Ia mengkehendaki maksudnya yang khas, dan Ia juga telah menyebut sesuatu maksud yang khas tetapi Ia mengkehendaki maksudnya yang umum, dan kami (pada ketika itu) belum lagi mengetahui perkara-perkara itu, lalu kami tanyakan beliau...¹⁸

Pada masa itu juga dikatakan beliau telah menulis kitab usulnya yang pertama atas permintaan Abd al-Rahman bin Mahdi¹⁹ dan juga beberapa penulisan lain dalam bidang fiqh dan lain-lain.²⁰

7. Al-Shafi'i di Mekah dan Mesir (197-204H)

Sesudah dua tahun berada di Baghdad (197H) beliau kembali ke Mekah. Pada tahun 198H, beliau keluar semula ke Baghdad dan tinggal di sana hanya beberapa bulan sahaja. Pada awal tahun 199H, beliau berangkat ke Mesir, dan sampai ke negara itu dalam tahun itu juga. Di negara baru ini beliau menetap sehingga akhir hayatnya pada tahun 204H.²¹ Perkembangan pemikiran dan pendapat Imam al-Shafi'i terus berkembang dengan perpindahannya ke Mesir. Ketika di Mesir, beliau berhadapan dengan persekitaran masyarakat yang terdedah kepada tamadun dan berlatar belakangkan pemikiran tabi'in. Namun begitu, berasaskan pengalaman dua peringkat perkembangan pemikiran dan pendapat yang dilaluinya, kehadirannya di Mesir seolah-olah memantapkan lagi proses ijtihad dan pendapat yang dikemukakan.

Di Mesir, Imam al-Shafi'i meneruskan kelas-kelas pengajarannya. Disamping itu beliau telah membuat penilaian semula ke atas pandangan dan pendapatnya yang terdahulu. Penilaian semula terpaksa diadakan bagi menyesuaikan pendapatnya dengan persekitaran setempat. Oleh itu, terdapat pendapat-pendapat yang terdahulu (*qaul qadim*) dimurnikan semula dengan pendapat yang baharu (*qaul jadid*). Bahkan dalam sesetengah keadaan, Imam al-Shafi'i mengemukakan pendapat-pendapat *qadim* dan *jadid* sekali gus dan ada pula pendapat baru dikemukakan.

¹⁸ Abu Zuhrah, hlm 145.

¹⁹ al-Rahman bin Mahdi al-Basri seorang alim besar yang disifatkan oleh al-Shafi'i sebagai seorang yang tidak ada bandingannya di dunia ini. Beliau seorang penentang kuat Mazhab al-Ra'y. Hasil karyanya amat banyak di bidang Ilmu Hadith. Beliau berasal dari kota al-Basrah, dilahirkan pada tahun 135H. Beliau berpindah ke Baghdad pada tahun 180H dan meninggal di sana pada tahun 198H. Lihat al-Asnawi, hlm 17, al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, ed. I, 1349H/1931M, juz 10 hlm 240, Ibn. Hajar, *Tahzib al-Tahzib*, 1968M, juz 6, hlm 279, al-'Abbadi, *Tabaqat al-Faqaha' al-Shafi'iyah*, hlm 36, al-Dhahabi, *al-'Ibar*, t.th, hlm 155.

²⁰ Al-Asnawi, hlm 12.

²¹ Al-Bultaji, hlm 31.

Selepas kewafatan Imam al-Shafi'i, pemikiran dan ijtihad yang dikemukakannya terus berkembang. Ia dipelopori oleh murid-muridnya yang berguru dengannya dan penulisan-penulisan yang ditinggalkannya.

Latar Belakang Keilmuan Imam Al-Shafi'i

Imam al-Shafi'i adalah salah satu mercu tanda ilmu dalam sejarah pertumbuhan dan perkembangan ilmu fiqh dan usul Fiqh. Ia merupakan satu antara aliran perundangan atau mazhab perundangan yang dikenali dengan namanya, iaitu mazhab al-Shafi'i dan termasuk dalam kumpulan *ahli sunnah wal jama'ah*.

Para cendekiawan Islam telah mengakui Imam al-Shafi'i adalah seorang tokoh dalam berbagai-bagai bidang, antaranya; ahli Usul, ahli Fiqh, ahli Tafsir, ahli Hadis, ahli Bahasa dan lain-lain bidang. Walau bagaimanapun, kertas ini hanya akan memberi fokus kepada bidang Usul dan Fiqh secara ringkas.

1. Ahli Usul :

Dalam pertumbuhan dan perkembangan ilmu usul al-Fiqh sebagai satu cabang ilmu, Imam al-Shafi'i adalah tokoh terkemuka dan merupakan ulama' pertama yang menulis dalam bentuk atau metode yang kemas, teratur dan rapi. Idea penulisannya bermula sejak beliau mempelajari fiqh Mekah daripada guru-gurunya yang terdiri daripada Muslim bin Khalid al-Zinji (wafat 179 H), Sufyan bin Uyainah (wafat 198H) dan lain-lain,²². Kemudian Imam al-Shafi'i berpindah ke Madinah, mendampingi Imam Malik dan berguru dengannya, serta beberapa orang tokoh lain di Kota itu mengenai Fiqh al-Hadith atau Fiqh Madinah. Selepas Imam Malik wafat beliau berpindah ke Yaman dan menetap di negara itu. Di Yaman beliau bekerja dan berguru dengan beberapa orang guru antaranya Mutarrif bin Mazin al-San'ani dan lain-lain serta mempelajari fiqh mereka dan akhirnya terdedah kepada fiqh Iraq atau *fiqh ahli al-ra'y*, ketika berada di Baghdad daripada beberapa orang tokohnya seperti Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani dan lain-lain.

Beliau juga mendapati ulama' pada zamannya antaranya ada yang mengutamakan amalan penduduk Madinah atau qiyas (sebagai sumber hukum) apabila ia berhadapan dengan sesebuah hadis. Mereka juga berhujah dengan hadis *mursal*, *istihsan* dan lain-lain yang pada pendapat beliau adalah tidak tepat dan tidak seharusnya berlaku. Perkara ini juga memerlukan penjelasan. Disamping itu beliau juga mendapati pelbagai masalah baru dalam masyarakat Islam pada masa itu, akibat meluasnya perbatasan negara dan berlaku pergaulan antara

²² Dr Haji Mat Saad, *Unggulnya seorang Alim Quraish Abu Adullah Muhammad Bin Idris al-Mutallibi al-Shafi'I* (150H-204H), Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia, 2011, hlm 247-248.

bangsa Arab dan bangsa-bangsa yang lain, yang memiliki budaya adat dan bahasa yang berbeza. Maka para ulama' tidak dapat lari dari merujuk masalah-masalah baru ini kepada ijtihad menerusi kaedah qiyas dalam usaha mendapatkan hukum, jika hukum tersebut tidak ada dalam *nash* al-Quran dan al-Hadith.

Realitinya walaupun telah awal wujud dalam pemikiran Imam al-Shafi'i mengenai penyusunan dan penulisan kaedah-kaedah usul fiqh, namun penulisannya hanya dimulakan setelah adanya permintaan daripada seorang tokoh hadis terkenal pada masa itu, iaitu Abd Rahman al-Mahdi.

Atas kesedaran dengan keperluan semasa dan permintaan, Imam al-Shafi'i telah menyusun dan menulis beberapa kaedah usul dalam sebuah kitab yang dikenali kemudiannya dengan kitab al-Risalah.

Penulisan kitab al-Risalah adalah dalam usaha Imam al-Shafi'i mengukuhkan hujah-hujah pemikiran perundangannya yang seimbang berbanding dengan dua aliran yang terbesar pada masa itu, iaitu aliran *ahl al-hadith* dan aliran *ahl al-ra'y*.

Ada pendapat mengatakan, Imam al-Shafi'i menyusun kitab al-Risalah sebanyak dua kali. Salah sebuahnya dikenali dalam kalangan ulama' sebagai *al-risalah al-qadimah* yang beliau hasilkan sendiri ketika beliau berada di Mekah sebelum beliau berpindah di Mesir. Sebuah lagi dinamakan *al-risalah al-jadidah*. Ia merupakan pindaan kepada sebahagian kandungan *al-risalah al-qadimah*.

Imam al-Shafi'i merangka penulisan ilmu Usul al-Fiqh adalah bagi mewujudkan kaedah umum untuk mengenali peringkat dalil-dalil syara'. Justeru itu Imam al-Shafi'i adalah tokoh yang pertama menulis ilmu Usul al-Fiqh. Beliau menulis kitab al-Risalah, kitab Ahkam al-Quran dan lain-lain.

2. Ahli Faqih :

Fiqh atau ilmu fiqh ialah suatu ilmu yang membincangkan tentang sesuatu hukum yang berkaitan dengan perbuatan seorang mukallaf yang bersumberkan dalil-dalil syara' yang jelas. Pengambilan hukum daripada dalil-dalil syara' yang *tafsili*, ini adalah merujuk kepada usul mazhab yang dipakai oleh setiap mujtahid.

Kedudukan Imam al-Shafi'i yang tinggi dalam ilmu fiqh dapat dilihat dalam kata-kata muridnya Ahmad bin Hanbal dalam beberapa riwayat, antara lain beliau menyebutkan: "al-Shafi'i adalah seorang failasuf dalam empat perkara: dalam bahasa, perselisihan ulama,

ma'ani dan fiqh". Katanya lagi, sebelum ini ilmu fiqh itu terkunci dihadapan ahlinya sehinggalah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membukanya dengan kehadiran al-Shafi'i.²³

Pada zaman selepas kewafatan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, barulah ijtihad memainkan peranan sepenuhnya dalam masalah yang tiada *nash* al-Quran dan sunnah. Zaman ini menampilkan beberapa orang tokoh yang terkenal sebagai fuqaha sahabat. Kumpulan yang terbanyak yang memberi fatwa mereka antaranya Saidina Omar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib dan lain-lain. Sementara pada zaman *tabi'in* selepas zaman sahabat antaranya tokoh yang terkenal ialah Sa'id bin al-Musayyib, Urwah bin al-Zubair dan lain-lain. Seterusnya pada zaman *atba' tabi'in* ialah Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Sufyan al-Uyayinah dan lain-lain.²⁴

Pada peringkat ini, ijtihad memainkan peranan yang amat penting dalam menangani persoalan semasa yang tiada *nash* daripada al-Quran atau Sunnah yang menjelaskan hukumnya. Melalui penulisan kitab al-Risalah yang dihasilkan oleh Imam al-Shafi'i, peranan ijtihad sudah tentu lebih terserlah, berkesan dan teratur jika dibandingkan dengan sebelumnya. Justeru dalam kegemilangan ilmu Fiqh, penyelesaian hukum dalam suatu masalah yang berdasarkan ijtihad bukan hanya terhad kepada masalah yang benar-benar berlaku sahaja, malah ia juga meliputi masalah-masalah andaian yang belum berlaku.

Imam al-Shafi'i telah menghayati sepenuhnya perkembangan ilmu zamannya dengan merantau dan berguru di beberapa tempat; Mekah, Madinah, Yaman dan Iraq, akhirnya merantau, menetap dan wafat di Mesir. Inilah empat aliran yang dipelajari Imam al-Shafi'i. Keempat-empatnya dianggap sebagai pencetus ideanya untuk melahirkan mazhab terbaru yang tidak terlalu ke kanan dan tidak terlalu ke kiri, dikenali dengan mazhab wasati.

Melalui pengalaman ilmiahnya yang berkaitan dengan perundangan atau fiqh, beliau mendapati dua aliran besar, iaitu aliran *ahl-hadis* dan *aliran ahl-ra'y*. Kedua-dua aliran ini sering bertentangan yang berpunca sebahagian besarnya dari perbezaan pentafsiran maksud ayat-ayat al-Quran, penghujahan sunnah, pengutamaan qiyas, istihsan dan amalan penduduk Madinah.

Pada pendapat Imam al-Shafi'i persoalan percanggahan pendapat tidak akan selesai kecuali dengan mengemukakan satu aliran baru dalam kupasan ilmu fiqh yang dikenali sebagai *al-fiqh al-wasati* (aliran wasati) yang dapat sedikit sebanyak meredakan pergeseran antara dua aliran semasa yang sering bercanggah pada masa tersebut.²⁵

²³ Abu Zuhrah, hlm 29 & 127

²⁴ Dr Haji Mat Saad, *Unggulnya Seorang Alim Quraish*, Terbitan JAKIM, 2011, hlm 271-274

²⁵ Dr Mustafa al-Shak'ah, hlm 119

Dalam apa kedudukan pun, Imam al-Shafi'i lahir sebagai seorang faqih yang bebas dalam pendapat dan pendiriannya, memiliki personaliti tersendiri, tanpa terpengaruh atau dipengaruhi dengan mana-mana aliran atau pendapat ulama yang mendahuluinya. Jika terdapat persamaan pendapatnya dengan salah satu aliran tersebut, maka itu adalah merujuk kepada kekuatan hujah-hujah yang dipandanginya benar. Begitulah juga jika sebaliknya. Perlu disedari bahawa pendapatnya dalam kesemua persoalan *furu'* adalah berdasarkan kepada *usul mazhabnya* seperti yang diungkapkan dalam kitab al-Risalah.

Model Wasatiah Al-Shafi'i

Perpindahan al-Shafi'i ke Mesir mengakibatkan banyak kandungan kitab-kitab fiqhnya yang dihasilkan di Baghdad disemak semula dan diubah. Dengan ini terdapat dua pendapat bagi al-Shafi'i, pendapat lamanya dan pendapat barunya. Pendapat lamanya ialah segala pendapat yang diucapkannya atau dituliskannya semasa beliau berada di 'Iraq (dikenali sebagai *qaul qadim*), sementara pendapat barunya ialah pendapat yang diucapkannya atau dituliskannya semasa beliau berada di Mesir (dikenali sebagai *qaul jadid*).²⁶

Adalah perlu difahami bahawa tidak kesemua pendapat barunya menyalahi pendapat lamanya dan tidak pula kesemua pendapat lamanya dibatalkannya, malahan ada di antara pendapat barunya yang menyalahi pendapat lamanya dan ada juga yang bersamaan dengan yang lama. al-Imam al-Nawawi berkata: "Sebenarnya sebab dikatakan kesemua pendapat lamanya itu ditarik kembali dan tidak diamalkannya hanyalah berdasarkan kepada ghalibnya sahaja."²⁷

Al-Shafi'i pulang ke pangkuan Ilahi pada tahun 204H, tapi kepulangannya itu tidaklah mengakibatkan sebarang kesan negatif terhadap perkembangan aliran fiqh dan usul yang diasaskannya. Malahan asas itu disebar dan diusahakan serta dikembangkan oleh para sahabatnya yang berada di al-Hijaz, 'Iraq dan Mesir.

Oleh itu, ciri khas fiqh al-Shafi'i lahir dari hasil kombinasi Fiqh Madinah dan Fiqh Iraq. Ia juga dapat diertikan sebagai *fiqh wasati* yang telah menggabungkan antara tuntutan tradisi sunnah dan ijtihad. Ini bererti, al-Shafi'i tidak mengambil semua yang telah diajarkan oleh Imam Malik dan yang telah diperolehnya dari Imam Muhammad al-Shaibani. Hal ini dapat dijelaskan oleh kenyataan sejarah.

²⁶ Al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, juz 1, hlm 13.

²⁷ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, juz 1, hlm 110 dan lihat juga Muhammad Hassan bin Mahmud Hito, "*Tahqiq al-Tabsirah li al-Shirazi*", Thesis Ph.d, Universiti al-Azhar, 1977, jld 1, hlm 56 (Tesis ini mengandungi tiga jilid), Abu Zahrah, *al-Shafi'i*, hlm 147.

1. Metodologi

Bagi menggambarkan metodologi atau dasar-dasar fiqh al-Shafi'i, ada baiknya diambil langsung keterangan mengenai hal ini dari kitab al-Umm yang menyatakan sebagai berikut:

العلم طبقات شتى الأولى الكتاب والسنة، إذا ثبتت السنة ثم الثانية الإجماع فيما ليس فيه كتاب ولا سنة والثالثة أن يقول بعض أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم، ولا نعلم له مخالفا منهم والرابعة إختلاف أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم في ذلك، الخامسة القياس على بعض الطبقات ولا صار إلى شيء غير الكتاب والسنة وهما موجودان²⁸

Maksudnya: (Sumber) ilmu itu bertingkat-tingkat; Pertama ialah al-Quran dan *Sunnah* yang sabit, kedua adalah *Ijma'* mengenai hukum yang tidak disebutkan dalam al-Quran dan *Sunnah*, ketiga adalah pendapat dikalangan sebahagian para sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan tidak diketahui adanya perbezaan pendapat dikalangan sahabat lain, keempat ialah pendapat-pendapat sahabat Rasulullah yang diperselisihkan oleh mereka. Kelima adalah *Qiyas* yakni menyamakan hukum masalah baru yang muncul yang tidak disentuh hukumnya dalam al-Quran dan *Sunnah* dengan hukum masalah yang telah disebutkan dalam al-Quran dan *Sunnah* kerana masalah baru memiliki persamaan sifat dengan masalah yang sudah disebutkan hukumnya dalam al-Quran atau *Sunnah* dan sifat itu diyakini sebagai penyebab penetapan hukum dan tidak boleh merujuk kepada selain al-Quran dan *Sunnah* selama keduanya mengandungi hukum masalah yang dimaksud kerana hukum masalah itu semestinya diambil dari yang teratas.

Berdasarkan kenyataan Imam al-Shafi'i di atas dapat disimpulkan bahawa metodologi fiqh al-Shafi'i itu ialah al-Qur'an dan *al-Sunnah*, *ijma'* pendapat sahabat dan *qiyas*.

2. Fiqh

Untuk menggambarkan dan menunjukkan bahawa fiqh Imam al-Shafi'i adalah fiqh wasati, terlebih dahulu dijelaskan bahawa maksud fiqh wasati itu ialah hukum yang diasaskan melalui penggunaan metodologi fiqh yang tidak melampaui batas atau berlebihan. Secara amnya pendekatan fiqh yang digunakan oleh ulama fiqh sepanjang sejarahnya ialah penggunaan *nash* (al-Quran mahupun *Sunnah*) dan *al-ra'y* dari semua bentuknya. Mengikuti sejarah pemikiran fiqh, dapat dikatakan bahawa keistimewaan fiqh al-Shafi'i ialah kerana mampu menggunakan dua pendekatan berkenaan secara profesional.

²⁸ Al-Shafi'i, *al-Umm*, juz 7 hlm 265.

2.1 Al-Shafi'i dan keseimbangan (wasatiah) dalam penggunaan kemaslahatan:

Untuk lebih tegasnya dapat dikatakan bahawa al-Shafi'i meskipun sangat terkenal dengan kecenderungannya terhadap pengambilan hukum melalui *zahir al-nash* tetapi beliau juga tidak mengabaikan kemaslahatan meskipun tidak seluas penggunaan oleh ulama-ulama lain, dan inilah menjadi ciri khas fiqhnya. Bagi membuktikan kenyataan tersebut, perkara ini dapat diketahui melalui kenyataan Imam al-Shafi'i sendiri dan ulama-ulama mazhab Shafi'i.

Imam al-Haramain al-Juwaini salah seorang ulama Shafi'i yang sangat masyhur dalam bukunya al-Burhan mengatakan sebagai berikut:

المعروف من مذهب الشافعي التمسك بالمعنى وإن لم يستند إلى أصل على شرط قربه من معاني الأصول الثابتة ومن تتبع كلام الشافعي لم يره متعلقاً بأصل ولكنه ينوط الأحكام بالمعاني المرسلّة فإن عدمها التفت إلى الأصول (مشبهها) كدأبه²⁹.

Maksudnya: Mazhab al-Shafi'i yang masyhur ialah berpegang kepada kemaslahatan walaupun tidak berasaskan kepada dalil khusus (*nash*), dengan syarat kemaslahatan itu dekat atau didukung oleh kemaslahatan-kemaslahatan dari dalil-dalil yang sabit ... dan sesiapa sahaja yang mengikut perkataan al-Shafi'i, maka ia mendapatinya tidak terlalu bergantung pada dalil *nash* tetapi beliau mengaitkan hukum-hukum itu dengan kemaslahatan dan apabila ia tidak menemuinya maka ia pun melakukan qiyas.

al-Zanjani yang juga seorang ulama al-Shafi'i menegaskan dalam bukunya Takhrij al-Furu' 'ala al-Ushul, mengatakan:

ذهب الشافعي إلى أن التمسك بالمصالح المستندة إلى كلي الشرع وإن لم تكن مستندة إلى الجزئيات الخاصة المعينة جائز. مثال ذلك ما ثبت وتقرر من إجماع الأمة إن العمل القليل لا يبطل الصلاة والعمل الكثير يبطلها قال الشافعي حد العمل الكثير ما إذا فعله المصلي اعتقده الناظر إليه متحللاً عن الصلاة وخارجاً عنها كما لو اشتغل بالخيطة والكتابة وغير ذلك. والعمل القليل ما لا يعتقده الناظر مرتكبه خارجاً عن

²⁹ Imam al-Haramain al-Juwaini, *al-Burhan fi Ushul al-Fiqhi*, Mesir: Dār al-Wafa, juz. 2 hlm 162-163.

الصلاة كتسوية ردائه ومسح شعره. وليس لهذا التقدير أصل خاص يستند إليه وإنما استند إلى أصل كلي وهو أنه قد تقرر في كليات الشرع أن الصلاة مشروعة للخشوع³⁰

Maksudnya: Imam al-Shafi'i berpendapat bahawa mengamalkan bentuk-bentuk kemashlahatan yang berasaskan kepada dalil kulli meskipun tidak berasaskan pada dalil-dalil khusus adalah dibolehkan. Contoh yang sedemikian itu ialah perkara kesepakatan umat Islam mengenai perkara yang tidak membatalkan sembahyang apabila bergerak dengan gerakan sedikit dan bergerak dengan banyak dalam sembahyang (boleh) membatalkan sembahyangnya. Imam al-Shafi'i berpandangan bahawa had gerakan banyak itu ialah gerakan seorang yang sembahyang, yang apabila dilihat oleh orang lain, ia pasti mengatakan sifulan telah membatalkan sembahyangnya seperti kalau ia menulis atau menjahit dan lain-lain. Manakala gerakan sedikit ialah seorang yang sembahyang dan apabila dilihat oleh orang lain, maka ia tidak akan mengatakan sifulan telah keluar dari sembahyangnya seperti seseorang memperbaiki (mengusai-gusai) pakaiannya atau mengusap rambutnya dalam sembahyang. Perkara ini tidak memiliki dalil (*nash*) yang menjadi rujukan tapi ia hanya berasaskan dalil kulli bahawa berdasarkan ketentuan umum syara' ialah bahawa sembahyang itu disyariatkan untuk tujuan khusus.

Imam al-Shafi'i sendiri pula menyebutkan tentang hukuman persaksian palsu sebagaimana yang termaktub dalam kitab al-Umm seperti berikut;

قال الشافعي رحمه الله تعالى : الرجوع عن الشهادات ضربان : فإذا شهد الشاهدان أو الشهود على رجل بشيء يتلف من بدنه أو ينال مثل قطع أو جلد أو قصاص في قتل أو جرح وفعل ذلك به ثم رجعوا فقالوا : عمدنا أن ينال ذلك منه بشهادتنا فهي كالجناية عليه ما كان فيه من ذلك قصاص خير بين أن يقتص أو يأخذ العقل وما لم يكن فيه من ذلك قصاص أخذ فيه العقل وعزروا دون الحد³¹

Maksudnya: Ruju' dari kesaksian itu ada dua perkara: Apabila dua orang saksi atau lebih, bersaksi terhadap seseorang bahawa ia telah melakukan kesalahan sehingga ia mesti diberi *hadd* atau qisas pada tubuh badannya seperti dipotong tangannya, disebat, diqisas karena telah membunuh atau mencederakan orang lain, dan hukuman itu pun telah dilaksanakan pada dirinya, tetapi para saksi kemudian ruju' dari persaksiannya dan mereka berkata kami telah sengaja memberi kesaksian palsu, maka perbuatan saksi-saksi itu adalah disamakan dengan (telah) melakukan kesalahan. Maka apabila hukuman yang tadi diberikan kepada

³⁰ Al-Zanjani, *Takhrij al-Furu' ala al-Ushul*, hlm 320.

³¹ Al-Shafi'i, *al-Umm*, juz 7, hlm 57.

pesalah yang ia berikan kesaksiannya berupa hukuman qisas, maka disuruh pilih antara dikenakan qisas atau hanya bayar denda tapi kalau hukuman itu bukan berupa qisas maka ia hanya mengambil denda dan saksi-saksi itu diberi takzir bukan *hadd*.

Dapat difahami dari masalah di atas bahawa hukum yang dikemukakan oleh Imam al-Shafi'i itu tidak berasaskan pada petunjuk *nash* dari al-Quran mahupun Sunnah, kerana tidak ditemukan petunjuk dari *nash* bahawa para saksi yang ruju' dari persaksiannya diqisas setelah orang yang mereka bersaksi ke atasnya telah diberi hukuman atas dasar kesaksian palsunya. Malah hukum itu hanya berasaskan kemaslahatan iaitu kemaslahatan menjaga terjadinya pertumpahan darah karena kedengkian, ini bersesuaian dengan pensyariatian qisas.

Walaupun Imam al-Shafi'i dikatakan tidak mengamalkan kemaslahatan oleh banyak penulis, namun ulama-ulama Syafi'iyah seperti Imam al-Gazali, al-Zarkasyi, al-Zanjani dan lain-lain menyebut pelbagai masalah-masalah fiqh di mana Imam al-Shafi'i mengamalkan kemaslahatan untuk menetapkan hukumnya.³²

Untuk mendalami lagi pengetahuan tentang penerapan penggunaan kemaslahatan oleh Imam al-Shafi'i, dapat dilihat melalui perkara-perkara fiqh berikut;

قال النووي : فعلى هذا قال الشافعي : استحب لهم إخفاء الجماعة، لئلا يتهموا في الدين وينسبوا إلى ترك الجماعة تهاونا³³

Maksudnya: Telah berkata Imam al-Nawawi bahawa Imam al-Shafi'i berkata: Adalah sunat (*mustahab*) bagi mereka (yang memiliki uzur syar'i seperti musafir dan sakit) untuk melakukan sembahyang Zuhur (ganti sembahyang Jumat) secara tidak berjemaah. Hal itu bertujuan agar mereka tidak dituduh dalam hal agama dan mereka dituduh telah meninggalkan sembahyang Jumat dengan memandang ringan tentangnya.

Penggunaan kemaslahatan al-Shafi'i dalam perkara di atas adalah sangat jelas. Sebab ketetapan hukum di atas tidak merujuk kepada *nash* khusus.

Dalam masalah jaminan pertanggungan yang tidak mesti dibebankan kepada pekerja yang diupah. Walau bagaimanapun, Imam al-Shafi'i tidak mahu menampakkan pendapat itu dikalangan orang ramai sebab khawatir barang-barang orang akan hilang oleh kelalaian pekerja. Berikut *nash* dalam kitab al-Umm;

³² Al-Zarkasyi, *al-Bahr al-Muhit fi Ushul al-Fiqhi*, Mesir: Dar al-Kutbi, 1414H, jld 7, hlm 275. al-Zanjani, *Takhrij al-Furu' ala al-Ushul*, hlm 321.

³³ Al-Nawawi, *al-Majmu'*, juz 4, hlm 494

قال الربيع : الذي يذهب إليه الشافعي - فيما رأيت - أنه لا ضمان على الصانع إلا ما جنت أيديهم
ولكن لم يكن يبوح بذلك خوفا من الضياع³⁴

Maksudnya: Al-Rabi‘ berkata: Yang menjadi pegangan Imam al-Shafi’i sebagaimana yang saya ketahui bahawasanya para tukang itu tidak diwajibkan untuk menanggung atau menjamin barang-barang yang mereka terima kecuali kalau hal (kerusakan) itu terjadi oleh mereka sendiri. Namun Imam al-Shafi’i tidak mengisytiharkan hal itu karena takut atau khawatir pemilik barang-barang itu kehilangan barang-barangnya oleh para tukang itu.

2.2 Toleransi (*tasamuh*) Imam al-Shafi’i dalam bidang fiqh.

Petunjuk lain yang dapat digunakan untuk menggambarkan fiqh wasati al-Shafi’i ialah sikap toleransi (*tasamuh*) yang ditunjukkannya terhadap ijtihad ulama lain. Kenyataan Imam al-Shafi’i yang cukup terkenal mengenai perkara ini ialah “Pendapatku adalah benar tapi boleh jadi salah dan pendapat ulama selainku salah tapi kemungkinan juga benar”. Begitu juga Imam al-Shafi’i menganjurkan agar ulama lain tidak mengikut pendapatnya kecuali setelah dia menyelidiki dalilnya. Setelah diselidiki dan ternyata pendapatnya didapati bertentangan dengan hadis sahih maka pandangannya mesti disesuaikan dengan hadis itu dan hadis itulah yang menjadi panduan.

Prinsip al-Shafi’i itu tidak hanya sekadar slogan biasa, tetapi ia diamalkan sebagaimana yang diceritakan bahawa suatu ketika Imam al-Shafi’i sembahyang Subuh di masjid ulama-ulama mazhab Hanafi dan ia memilih untuk tidak melakukan qunut. Selepas sembahyang para ulama yang sembahyang bersama-sama beliau mempersoalkan perbuatannya tadi. Beliau pun menjawab persoalan itu dengan mengatakan bahawa beliau memilih untuk tidak melakukan qunut hanya kerana beliau sedang menunaikan sembahyang di sebuah masjid yang berdekatan dengan kubur Imam Abu Hanifah. Ini kerana Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa qunut itu bukan Sunnah. Perkara tersebut dilakukan oleh Imam al-Shafi’i sebagai penghormatan terhadap seorang imam. Sikap ini dalam fiqh disebut “*mura’at al-khilaf*”, yang bermaksud keadaan-keadaan tertentu seseorang ulama mengamalkan hasil ijtihad ulama lain kerana berada dalam keadaan yang susah dan untuk mewujudkan kemaslahatan yang lebih besar dibanding dengan mengamalkan pendapatnya atau pendapat mazhabnya.

Berdasarkan penyelidikan bahawa konsep “*mura’at al-khilaf*” diamalkan oleh semua mazhab empat (*al-Aimmat al-Arba’ah*). Sebagai contoh, konsep ini menjadi ciri khas kepada mazhab

³⁴ Al-Shafi’i, *al-Umm*, jld 7 hlm 102.

Imam Malik dan menggunakan konsep ini secara meluas. Malahan fiqh al-Shafi'i juga menggunakan konsep ini dalam masalah-masalah fiqh ulama al-Syāfi'iyyah. Inilah juga model wasatiah fiqh Imam al-Shafi'i, meskipun konsep "*mura'at al-khilaf*" ini tidak disebutkan dalam metodologi fiqh al-Shafi'i tetapi kenyataan *furu' fihiyyah al-Shafi'i* menunjukkan sebaliknya. Bahkan penggunaannya dengan bersyarat iaitu pendapat yang berbeza itu mesti kuat dalilnya, tidak membawa kepada hal yang dilarang seperti meninggalkan Sunnah atau terjerumus ke dalam perbezaan yang lain³⁵.

2.3 Pandangan Imam al-Shafi'i dalam perkara *al-urf* (mengikut tradisi masyarakat yang berlaku):

قال الشَّافِعِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى وَخَالَفْنَا بَعْضُ النَّاسِ فِي شَيْءٍ مِنَ الْمَحِيضِ وَالْمُسْتَحَاضَةِ وَقَالَ لَا يَكُونُ الْحَيْضُ أَقَلَّ مِنْ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فَإِنْ أَمْرًا رَأَتْ الدَّمَ يَوْمًا أَوْ يَوْمَيْنِ أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ثَالِثٍ وَلَمْ تَسْتَكْمِلْهُ فَلَيْسَ هَذَا بِحَيْضٍ وَهِيَ طَاهِرٌ تَقْضِي الصَّلَاةَ فِيهِ وَلَا يَكُونُ الْحَيْضُ أَكْثَرَ مِنْ عَشْرَةِ أَيَّامٍ فَمَا جَاوَزَ الْعَشْرَةَ بِيَوْمٍ أَوْ أَقَلَّ أَوْ أَكْثَرَ فَهِيَ اسْتِحَاضَةٌ وَلَا يَكُونُ بَيْنَ حَيْضَتَيْنِ أَقَلُّ مِنْ خَمْسَةِ عَشَرَ، قَالَ الشَّافِعِيُّ فَقِيلَ لِبَعْضٍ مِنْ يَقُولُ هَذَا الْقَوْلَ أَرَأَيْتَ إِذَا قُلْتَ لَا يَكُونُ شَيْءٌ وَقَدْ أَحَاطَ الْعِلْمُ أَنَّهُ يَكُونُ أَتَجِدُ قَوْلَكَ لَا يَكُونُ إِلَّا خَطَأً عَمَدْتَهُ فَيَجِبُ أَنْ تَأْتِمَ بِهِ أَوْ تَكُونَ غَبَاوَتُكَ شَدِيدَةً وَلَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَقُولَ فِي الْعِلْمِ، قَالَ لَا يَجُوزُ إِلَّا مَا قُلْتَ إِنْ لَمْ تَكُنْ فِيهِ حُجَّةً أَوْ تَكُونَ قُلْتَ قَدْ رَأَيْتَ أَمْرًا أَثْبِتَ لِي عَنْهَا أَنَّهُ لَمْ تَنْزَلْ تَحِيضُ يَوْمًا وَلَا تَزِيدُ عَلَيْهِ وَأُثْبِتَ لِي عَنْ نِسَاءٍ أَنَّهُنَّ لَمْ يَزَلْنَ يَحِيضْنَ أَقَلَّ مِنْ ثَلَاثٍ وَعَنْ نِسَاءٍ أَنَّهُنَّ لَمْ يَزَلْنَ يَحِيضْنَ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا وَعَنْ أَمْرًا أَوْ أَكْثَرَ أَنَّهُ لَمْ تَنْزَلْ تَحِيضُ ثَلَاثَ عَشْرَةَ فَكَيْفَ زَعَمْتَ أَنَّهُ لَا يَكُونُ مَا قَدْ عَلِمْنَا أَنَّهُ يَكُونُ³⁶

Maksudnya: Imam al-Shafi'i dalam menetapkan hukum ialah masalah batas waktu darah haid. Sebahagian orang yang berbeza pendapat dengan Imam al-Shafi'i mengenai batas haid mengatakan darah haid tidak boleh kurang dari tiga hari. Apabila seorang perempuan melihat darah sehari (1), dua hari (2) atau dua setengah hari (2 1/2) dan tidak sempurna menjadi tiga hari (3), maka itu bukan darah haid. Dengan demikian ia dianggap bersih. Begitu pula darah haid tidak boleh melebihi sepuluh (10) hari, dan apabila lebih satu hari atau kurang dari satu hari atau lebih maka itu darah istihadhah dan waktu bersih tidak boleh kurang dari 15 hari. (Pendapat ini dibantah oleh Imam al-Shafi'i), beliau mengatakan kepadanya (orang yang berpendapat demikian): Bagaimana pendapatmu sekiranya kamu berkata perkara itu tidak

³⁵ Al-Suyūti, *al-Asybah wa al-Nadzair* hlm 135, al-Subki, *al-Asybah wa al-Nadzair* hlm 110.

³⁶ Al-Shafi'i, *al-Umm*, juz 1, hlm 82

terjadi sementara ilmu pengetahuan kita mensabitkan kebenaran perkara itu? Bukankah pendapatmu itu salah dan membuatmu berdosa? Atau itu terjadi kerana kecuaiannya yang sangat jelas? Kerana itu kamu tidak boleh berkata mengenai perkara ilmu yang sudah nampak kebenarannya. (Orang yang berpendapat demikian) berkata: Hanya pendapatku yang benar sama ada ia mempunyai hujah atau tidak ada. Imam al-Shafi'i berkata: Telah sabit bagiku bahawa saya telah menemukan seorang perempuan yang hanya mengalami darah haid tidak lebih dari satu (1) hari. Telah sabit bagiku ramai perempuan yang sentiasa darah haidnya kurang dari tiga (3) hari, begitu juga telah sabit bagiku adanya perempuan yang mengalami darah haid sampai pada batas lima belas (15) hari, ramai pula perempuan yang saya tahu darah haidnya pada kebiasaannya tiga belas (13) hari saja. Maka bagaimana mungkin kamu mengatakan perkara itu tidak terjadi padahal kita telah mengetahui bahawa perkara itu benar-benar terjadi.

Dalam contoh yang lain, Imam al-Shafi'i juga menerima pandangan orang-orang yang memiliki pengetahuan (pakar) dari kalangan doktor perubatan pada zamannya ketika ingin menetapkan hukum Islam. Imam al-Shafi'i menetapkan hak *khiyar* bagi seorang suami apabila ia menemukan adanya penyakit kusta (*barash*) pada isteri selepas akad nikah dilangsungkan. Beliau mengatakan;

وَلَهُ الْخِيَارُ فِي الْبَرَصِ لِأَنَّهُ ظَاهِرٌ وَسَوَاءٌ قَلِيلٌ أَمْ كَثِيرٌ فَإِنْ كَانَ بَيَاضًا فَقَالَتْ لَيْسَ هَذَا بَرَصًا وَقَالَ
هُوَ بَرَصٌ أَرِيهِ أَهْلَ الْعِلْمِ بِهِ فَإِنْ قَالُوا هُوَ بَرَصٌ فَلَهُ الْخِيَارُ وَإِنْ قَالُوا هُوَ مِرَّازٌ لَمْ يَبْرَصْ فَلَا خِيَارَ لَهُ³⁷

Maksudnya: al-Shafi'i berkata: (Seorang suami) memiliki hak *khiyar* apabila menemukan penyakit kusta sama ada sedikit mahupun banyak. Maka apabila kulitnya nampak ada keputih-putihan, lalu siisteri mengaku bukan kusta, tapi suami berkata itu adalah kusta. Maka saya akan memperlihatkan (menanyakan perkara) kepada pakar penyakit (*ahlul ilmi*). Apabila mereka berpendapat itu adalah penyakit kusta, maka saya tetapkan adanya *khiyar*, tapi kalau mereka katakan itu sekadar gatal dan bukan kusta, maka tidak ada *khiyar* baginya.

Dalam perkara *al-hirzu fi al-sariqah* (ketentuan tempat yang layak bagi barang curian). Salah satu syarat yang mesti tercapai untuk menjatuhkan hukuman *hadd* dalam kesalahan curi ialah barang yang dicuri mesti dicuri dari tempat penjagaannya yang sesuai dan layak. Dalam perkara ini Imam al-Shafi'i merujuk kepada *al-Urf*. Berikut penjelasannya;

³⁷ Al-Shafi'i, *al-Umm*, juz 5, hlm 91

قال الإمام الشافعي في الأم : وأنظر إلى المسروق : فإن كان في الموضع الذي سرق فيه تنسبه العامة إلى أنه في مثل ذلك الموضع محرز فأقطع فيه، وإن كانت العامة لا تنسبه إلى أنه في مثل ذلك الموضع محرز فلا يقطع فيه³⁸

Maksudnya: Saya melihat dulu barang curian, apabila ia berada di sebuah tempat di mana ia dicuri, masyarakat mengatakan bahawa barang itu telah disimpan pada tempatnya yang layak, maka saya berpendapat ia mesti dipotong tangannya. Namun apabila masyarakat mengatakan bahawa barang itu tidak disimpan pada tempatnya yang layak, maka saya berpendapat ia tidak boleh dipotong tangannya.

Begitulah beberapa model wasatiah Imam al-Shafi'i dalam bidang fiqh. Dalam mazhab al-Shafi'i, terdapat ajaran tentang kemaslahatan sebagai sesuatu yang sangat diambil kira dalam penetapan hukum dan pelaksanaannya. Maksudnya dalam pelaksanaan hukum diambil kira nilai kepentingan umum (*maslahah 'ammah*). Masalah yang diambil kira itu ialah kemaslahatan yang muktabar, yang boleh diambil kira dan diakui, yang ditunjukkan oleh *nash*, yang sesuai dengan kehendak Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai yang mendatangkan hukum syara' untuk manusia dan kehidupan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang diketengahkan, penulis membuat kesimpulan mengenai kewibawaan Imam al-Shafi'i sebagai Imam mujtahid dengan ketajaman minda dan ketinggian ilmu yang dimilikinya. Proses pendidikan yang dilalui, pengalaman bekerja dan pengembaraan yang diharungi oleh Imam al-Shafi'i mematangkan proses ijtihad yang dilakukan dan fatwa yang dikeluarkan. Berlatar belakangkan asas-asas pendidikan yang mendalam, suasana sosiobudaya yang dilaluinya, dan metode wasati yang menggabungkan dua aliran pemikiran. Dua aliran itu adalah *madrasah ahl hadis* dan *madrasah ahl al-ra'y* yang menyumbang kepada kestabilan dan keutuhan pemikiran fiqh Imam al-Shafi'i dalam kalangan masyarakat Islam di serata dunia.

Bibliografi

Al-Qur'an

Abd Halim al-Jundi, *al-Imam al-Shafi'i*, 1967M, ed 1, Kaherah: Dar al-Qalam

³⁸ Al-Shafi'i, *al-Umm*, juz 6, hlm 160

Abd Rauf Amin (Dr), *Imam al-Syafi'i Pembangun Mazhab Fikih Moderat*, 2014, Negara Brunei Darussalam: KUPU SB

Al- Asnawi, *Tabaqat al-Shafi'iyyah*, 1390H/1970, Baghdad: Matba'ah al-Irsyad

Al-Abbadi, *Tabaqat al-Fuqaha al-Shafi'iyyah*, 1964, Leiden

Al-Bultaji, *Mauqif al-Imam al-Shafi'i Min Madrasah al-Iraq al-Fiqhiyyah*, 1396H/1973M, ed I, Kaherah: al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyah

al-Dhahabi, *al-'Ibar fi Khabar Man Ghabar*, 1961, Kuwait: Da'irah al-Matbu'at wa al-Nashr

Haji Mat Saad (Dr), *Unggulnya seorang Alim Quraish Abu Adullah Muhammad Bin Idris al-Mutallibi al-Shafi'i (150H-204H)*, 2011, Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam

-----, *Unggulnya Seorang Alim Quraish*, 2011, Ter bitan JAKIM.

Ibn Hajar al-'Asqalani, *Tahzib al-Tahzib*, 1968M, Beirut

Ibnu Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 1421H/2000M, Kaherah: Terbitan Muassasah Qurtubah, Ghizah.

Ibrahim muhammad Abdul Rahim (Dr), *al-Imam al-Shafi'i Bayn al-Qadim wa al-Jadid*, dlm Majallah al-Shafi'i (Jurnal al-Shafi'i: Jurnal Berwasit Antarabangsa), Keluaran September 2015, Negara Brunei Darussalam: Pusat Penyelidikan Mazhab al-Shafi'i, UNISSA

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyad & Hamid Abd Kadir & Muhammad Ali al-Nazzar, t.th, *al-Mu'jam al-Wasit*, t.th, Kaherah: Terbitan al-Maktabah al-Islamiyah.

Imam al-Haramain, *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, 1418H/1997, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

Kamus Dewan, Edisi ke 4, 2005, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, 1349H/1931M, ed. I, Kaherah

Al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 1997, Beirut: Dar al-Fikr

Al-Mawardi, *Tafsir al-Mawardi*, t.th, Beirut: Dar kutub al-Ilmiyah

Muhammad Abu Zuhrah, *al-Shafi'i: Hayatuhu wa 'Ashruhu wa Arauhu wa Fikhuhu*, 1978, Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

Muhammad Hassan bin Mahmud Hito, "*Tahqiq al-Tabsirah li al-Shirazi*", 1977, Tesis Doktor Falsafah, Universiti al-Azhar.

al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 1414H/1994, Kaherah: Darul Hadith, Kaherah.

Ridzuan Ahmad (Dr), *Fiqh Imam Syafie*, 2012, Malaysia: PTS Millennia Sdn Bhd

- Al-Subki, *al-Asybāh wa al-Nadzāir*, 1411H/1991, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Al-Suyūti, *al-Asybāh wa al-Nadzāir*, 1411H/1991, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Al-Shafi'i, *al-Umm*, 1410H/1990, Beirut: Dār al-Ma'rifah
- Al-Shafi'i, *al-Risalah*, 1939M, Editor: Ahmad Shakir, Kaherah: t.p
- Al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*, 1415H/1995M, Beirut: Darul Fikr.
- Tājuddīn al-Subki, *Thabaqāt al-Syāfi'iyah al-Kubrā*, 1413, Kaherah: Hajr li al-Thibā'at wa al-Nasyr
- Al-Zanjani, *Takhrij al-Furu' ala al-Ushul*, 1398, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Zarkasyi, *al-Bahr al-Muhit fi Ushul al-Fiqhi*, 1414H, Mesir: Dar al-Kutbi

PENGALAMAN-PENGALAMAN PRAKTIKAL DALAM MEMPERKASA PRINSIP WASATIAH DI KALANGAN GENERASI MUDA

Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar,
Pensyarah Fakulti Syariah,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

ABSTRAK

Generasi muda merupakan komposisi terbesar dalam sesebuah masyarakat, generasi ini secara umumnya dilihat sebagai tunggak dan kekuatan masa hadapan dalam sesebuah negara. Masa depan agama, bangsa dan negara salah satunya ditentukan pada hari ini. Cabaran di masa depan amat berbeza dengan yang kita hadapi sekarang. Di zaman moden ini saja, cabaran yang dihadapi oleh para generasi muda sudah semakin sulit dan kompleks. Godaan untuk melakukan tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam boleh datang dari berbagai aspek. Selain itu, cabaran besar yang harus dihadapi oleh generasi muda di zaman ini adalah lemahnya sumber daya manusia khususnya dalam pemahaman dan pendalaman tentang Islam. Oleh karena itu agama Islam memerintahkan agar kita mempersiapkan generasi muda dengan sebaik-baiknya. Konsep Wasatiyyah perlu diterapkan pada generasi ini agar mampu menguatkan keyakinan mereka terhadap Islam dan melahirkan generasi muda yang beraqidah, bersyariah dan berakhlak menurut landasan Islam yang sebenarnya. Wasatiyyah bermaksud keadilan, pertengahan, kesederhanaan dan tidak melampau. Ia juga membawa maksud sebagai pilihan. Ibnu Kathir menyebutkan dalam kitab tafsirnya “Demikanlah, Allah menjadikan umat ini sebagai umat pilihan kerana umat ini diberi syariat yang paling sempurna, jalan yang paling lurus serta mazhab yang paling jelas”. Wasatiyyah adalah salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan Islam dan merupakan satu tanda kebaikan yang ada pada agama itu sendiri. Konsep Wasatiyyah inilah yang dibawa oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan ia menjadi pegangan para sahabat Baginda. Ia turut diwarisi oleh umat Islam masa kini sebagai aliran perdana dalam mazhab Ahli Sunnah Waljama’ah. Dalam kertas ini akan membicarakan cara pendidikan Rasulullah dalam menerapkan prinsip Wasatiyyah kepada golongan muda. Rasulullah Shallallahu Wasallam memiliki banyak sahabat yang lebih muda dari Baginda, bahkan banyak yang jauh lebih muda dari Baginda. Dalam kertas ini juga akan mengetengahkan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sebagai satu-satunya institusi pendidikan perguruan agama di negara ini dalam usaha dan peranannya yang berterusan dalam menerapkan dan memperkasakan prinsip Wasatiah di kalangan pelajarannya yang majoritinya adalah generasi muda.

Kata kunci: Wasatiyyah, Generasi Muda

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا وحبينا وشفيعنا ومولانا محمد وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان إلى يوم الدين

Konsep Wasatiyyah

Ajaran Islam merupakan sebuah agama yang sangat menekankan konsep Wasatiyyah sebagai cara hidup umatnya, bahkan konsep Wasatiyyah ini menggambarkan hakikat ajaran Islam itu sendiri. Kaedah Wasatiyyah inilah yang dibawa oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan ia menjadi pegangan para sahabat Baginda. Ia turut diwarisi oleh umat Islam masa kini sebagai aliran perdana dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dari segi bahasa, Wasatiyyah merupakan satu perkataan yang berasal dari bahasa Arab yang merupakan kata terbitan kepada perkataan *wa-sa-ta* (وسط). Ianya membawa kepada beberapa pengertian iaitu kebajikan, pertengahan, keadilan, kebaikan dan perantaraan¹.

Dari segi istilah Wasatiyyah adalah berasal daripada perkataan *wasatan* (وسط) yang telah disebut di dalam al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wata’ala:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا²

Tafsirnya:

“Dan demikian pula Kami telah menjadikan (umat Islam) umat pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi atas manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”

Secara jelasnya, ayat ini menisbahkan kepada umat Islam sebagai umat “*wasatan*”.

Ibnu Kathir menyebutkan dalam kitab tafsirnya mengenai perkara ini: “Demikianlah, Allah menjadikan umat ini sebagai umatan *wasatan* (umat pilihan) kerana umat ini diberi syariat yang paling sempurna, jalan yang paling lurus serta mazhab yang paling jelas”³.

Ibnu Kathir juga di dalam tafsirnya berpendapat bahawa perkataan Wasatan atau Wasatiyyah adalah bermaksud terbaik atau sebaik-baik umat iaitu *الخير والأجود*.

¹ Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*. (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.), 7: 426.

² Surah Al-Baqarah, ayat 143.

³ Ibnu Kathir (700-774H), *Tafsir Ibnu Kathir*, Dar Thayyibah, 1420H/1999M. juz 1. Hlm. 454.

Hujahnya dikaitkan dengan firman Allah dalam Surah Al-‘Imran ayat 110 iaitu كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ bermaksud kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan kepada golongan manusia pada hari kiamat ada kaitannya dengan kesaksian Baginda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dan umatnya terhadap kenyataan nabi-nabi dan umat-umat sebelumnya mengenai tugas menyampaikan risalah tauhid⁴.

Imam Bukhari meriwayatkan dari Abi Sa’ed Al-Khudri Radiallahu ‘Anhu, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda Nabi Nuh ‘Alaihissalam pada hari kiamat akan ditanya: adakah engkau telah menyampaikan risalah tauhid kepada umatmu? Nabi Nuh ‘Alaihissalam menjawab: Ya. Lalu umatnya dipanggil dan ditanya: adakah dia (Nabi Nuh ‘Alaihissalam) menyampaikan risalah tauhid kepada kamu? Umatnya menjawab: tidak ada seorang pun membawa berita baik atau buruk. Lalu Nabi Nuh ‘Alaihissalam ditanya: siapakah saksi kamu? (terhadap kenyataan Nabi Nuh ‘Alaihissalam). Nabi Nuh ‘Alaihissalam menjawab: Muhammad dan umatnya. Kerana itulah Allah Subhanahu Wata’ala berfirman: "وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا"⁵

Dalam Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya juga menterjemahkan “*umatan wasatan*” sebagai umat yang pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan)⁶.

Berdasarkan penafsiran para ulama tafsir seperti Ibnu Kathir, At-Thabari, Al-Qurtubi dan Al-Fakhrurrazi dalam kitab-kitab tafsir mereka, Wasatiyyah mencakupi di dalam ruang lingkup tiga tafsiran utama iaitu terbaik, adil dan pertengahan.

Yusuf Qaradawi mendefinisikan manhaj Wasatiyyah sebagai keseimbangan dan kesederhanaan dalam segala sesuatu; di dalam akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan perundangan serta jauh daripada cuai (التفريط) dan melampau (الغلو)⁷.

Dapatlah disimpulkan Wasatiyyah bermaksud keadilan, pertengahan, kesederhanaan⁸ dan tidak melampau. Ia juga membawa maksud sebagai pilihan dan terbaik.

⁴ Ibnu Kathir, *Tafsir Ibnu Kathir*, juz 1. Hlm. 454.

⁵ ibid. hlm. 455.

⁶ *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya*, cetakan pertama 1435H/2014M, hlm. 58.

⁷ Yusuf al-Qaradawi, “*al-Wasatiyah wa al-I’tidal*” dalam Mu’tamar Wasatiyah: *Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah*. <http://www.wasatia.org/wp-content/uploads/2010/05/book.pdf>

⁸ Kecenderungan untuk mentafsirkan “*ummatan wasatan*” sebagai umat yang sederhana dan seimbang juga mungkin kewajarannya, iaitu berdasarkan kepada penjelasan beberapa penafsiran tentang istilah ini dalam ayat 143 Surah Al-Baqarah tersebut yang menyebut bahawa umat Islam adalah umat yang mengikut jalan tengah iaitu jalan yang tidak berat ke kiri dan tidak ke kanan, tidak terlalu kebendaan seperti Yahudi, dan tidak terlalu kepederian seperti Nasara, antara kebebasan yang melampau atau kongkongan secara zalim. Syariat agama Islam menyahut segala keperluan manusia, sama ada individu ataupun kumpulan, kesepaduan antara kehendak akal, tubuh badan dan ruh manusia, tanpa ada keterlaluan dan kecuaiian.

Generasi Muda

Generasi ialah kumpulan individu yang lahir dan waktu hidupnya lebih kurang sama, angkatan, turunan⁹. Muda pula diertikan sebagai belia remaja iaitu golongan muda secara keseluruhannya baik lelaki atau wanita, pemuda dan pemudi¹⁰. Menurut perspektif Islam, golongan muda atau remaja atau belia ini termasuk dalam kategori pemuda yang seringkali dinyatakan dengan pengertian bahasanya iaitu *syabab* atau *fataa*.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Kahfi ayat 10:

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Tafsirnya:

“(Ingatlah ketika pemuda-pemuda itu berlindung di dalam gua lalu mereka berdoa: Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu dan sempurnakan bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami”.

Dalam surah yang sama ayat 13 Allah Ta'ala berfirman lagi:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَا هُدًى

Tafsirnya:

“Kami menceritakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) kisah mereka dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan hidayat kepada mereka”.

Dalam Surah Al-Anbia ayat 60 Allah Ta'ala berfirman:

قَالُوا سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُ إِبْرَاهِيمُ

Tafsirnya:

“Mereka berkata: Kami mendengar ada seorang pemuda yang menyebut-nyebut (mencela) berhala-berhala itu, namanya Ibrahim”.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam juga telah menyentuh mengenai golongan muda dengan menggunakan perkataan *syabab* dalam beberapa hadith, antaranya:

Ismail Ibrahim, *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*, hlm. 5. http://www.academia.edu/7212880/Konsep_Wasatiyyah_Perspektif_Islam Lihat juga: Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir Al-Maraghiy*, Mesir, juz 2, hlm. 6.

⁹ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa & Pustaka Brunei, cetakan pertama, 2003, hlm. 804.

¹⁰ *Kamus Dewan*, edisi ketiga, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 109.

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ
بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ (رواه البخاري ومسلم)

Maafumnya:

“Wahai kaum muda (belia)! Sesiapa di antara kamu yang berkemampuan maka hendaklah dia berkahwin, maka sesungguhnya perkahwinan itu akan dapat memelihara pandangan dan memelihara kemaluan. Dan sesiapa yang tidak berkemampuan hendaklah dia berpuasa maka sesungguhnya puasa itu dapat menyelamatkannya”.

(Hadith riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Dalam hadith yang lain, Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

اغْتَنِمْ حَمْسًا قَبْلَ حَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَعِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ،
وَحَيَاتِكَ قَبْلَ مَوْتِكَ. (رواه النسائي)

Maafumnya:

“Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa mudamu sebelum datang masa tua, masa sihatmu sebelum sakit, masa kayamu sebelum datangnya masa sempit (miskin), masa lapangmu sebelum tiba masa sibuk dan masa hidupmu sebelum tiba masa mati”.

(Hadith riwayat an-Nasaie)

Jika diperhatikan konsep Wasatiyyah yang membawa makna pertengahan itu terdapat pada golongan muda itu sendiri. Orang muda adalah pertengahan di antara kanak-kanak yang masih lemah dan usia tua juga yang sudah lemah. Kekuatan itu pertengahan di antara dua kelemahan sebelum dan sesudah dewasa.

Penerapan Wasatiyyah Di Kalangan Generasi Muda

Generasi muda merupakan komposisi terbesar dalam sesebuah masyarakat, generasi ini secara umumnya dilihat sebagai tuggak dan kekuatan masa hadapan dalam sesebuah negara. Masa depan agama, bangsa dan negara salah satunya ditentukan pada hari ini. Kita sering mendengar ungkapan “Belia Aset Negara”. Ungkapan ini memang tepat dan perlu dijadikan satu realiti atau dijadikan matlamat yang utama. Agama Islam memerintahkan agar kita mempersiapkan generasi muda dengan sebaik-baiknya. Konsep Wasatiyyah perlu diterapkan pada generasi ini agar mampu menguatkan keyakinan mereka terhadap Islam dan melahirkan generasi muda yang beraqidah, bersyariah dan berakhlak menurut landasan Islam yang sebenarnya.

Kita akan membawakan beberapa contoh penerapan prinsip Wasatiyyah kepada golongan muda.

1. Wasatiyyah Dalam Beragama

Berlebih-lebihan dan bersangatan dalam melaksanakan ketaatan dan menghalangi tubuh seseorang untuk mendapatkan hak-haknya seperti istirahat dan memakan makanan yang baik-baik. Sikap ini akan mendatangkan kelemahan, letih, lelah dan bosan yang selanjutnya akan memutuskan dan meninggalkan aktivitiya itu. Bahkan kadang-kadang dapat menyimpang dengan menempah jalan lain yang merupakan kebalikan dari jalan yang selama ini ditekuninya. Akibatnya seseorang akan berbalik dari berlebih-lebihan menjadi menyia-nyiakan dan dari bersangatan menjadi mengabaikan.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam pernah mengingatkan kepada seorang sahabat bernama Abdullah bin Amr bin Ash Radhiallahu ‘Anhuma:

يَا عَبْدَ اللَّهِ لَا تَكُنْ مِثْلَ فُلَانٍ كَانَ يَقُومُ اللَّيْلَ فَتَرَكَ قِيَامَ اللَّيْلِ. (رواه البخاري)

Mafhumnya:

“Wahai Abdullah! Janganlah engkau menjadi seperti si Fulan. Ia pernah melakukan sembahyang malam, tetapi kemudian ia meninggalkannya”.

(Hadith riwayat Imam Bukhari)

Ini merupakan masalah yang sangat jelas, kerana manusia itu kemampuannya terbatas. Apabila dipaksa terus, maka dia akan *futur*¹¹, lemah, letih, malas, terputus dan berhenti. Itulah sebabnya di antara rahsia Islam melarang memberatkan-beratkan diri dan berlebih-lebihan. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

وإِيَّاكُمْ وَالْعُلُوَّ فِي الدِّينِ فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِالْعُلُوِّ فِي الدِّينِ. (رواه أحمد)

Mafhumnya:

“Janganlah kamu berlebih-lebihan dalam beragama, maka adapun umat-umat sebelum ini telah binasa disebabkan sikap keterlaluan dalam beragama.”.

(Hadith riwayat Imam Ahmad)

Sabda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam lagi:

هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ قَالَهَا ثَلَاثًا. (رواه مسلم)

¹¹ *Futur* ialah suatu penyakit yang dapat menimpa seseorang, bahkan menimpa mereka secara praktikal (dalam bentuk perbuatan). Tingkatannya yang paling rendah berupa kemalasan, lemah menunda-nunda atau berlembat. Sedangkan kemuncaknya ialah terputus atau berhenti sama sekali setelah sebelumnya rajin dan terus bergerak.

Ma'fhumnya:

“Celakalah *al-Mutanaththi'un* (orang yang berlebih-lebihan, yang melampaui batas dalam perkataan dan perbuatannya) kalimat ini Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam ucapkan sebanyak tiga kali”.

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Dalam hadith yang lain Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ. (رواه البخاري)

Ma'fhumnya:

“Sesungguhnya agama Islam ini mudah, dan tidaklah seseorang memberat-beratkan diri dalam beragama melainkan ia akan dikalahkan olehnya”.

(Hadith riwayat Imam Bukhari)

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim daripada Anas bin Malik Radhiallahu ‘Anhu yang menceritakan tentang tiga pemuda bertanya kepada isteri-isteri Baginda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tentang ibadat yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Jawapan yang diberikan oleh ketiga-tiga pemuda itu ialah melakukan sembahyang sepanjang malam selama-lamanya tanpa henti-henti, berpuasa sepanjang hari tanpa berbuka, menjauhi wanita dan tidak berkahwin selama-lamanya. Mendengar jawapan dari ketiga-ketiga pemuda tersebut, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam menegur mereka supaya tidak keterlaluan dalam melakukan ibadat sehingga meninggalkan tuntutan fitrah jasmani sedangkan Baginda seorang rasul yang mendapat keampunan daripada Allah, orang paling dekat dan paling bertakwa kepada Allah tetapi Baginda tetap berpuasa dan berbuka, melakukan sembahyang dan berehat serta berkahwin. Baginda mengingatkan bahawa sesiapa yang tidak mengikut sunnahnya maka dia bukan dari umatnya

Dari kisah ini menjelaskan bagaimana Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam mengingatkan umatnya supaya tidak keterlaluan dalam melakukan ibadat sehingga mengabaikan tuntutan fitrah jasmani, kerana sikap berlebih-lebihan, keterlaluan dan bersangatan dalam beragama bertentangan dengan konsep Wasatiyyah dalam Islam.

Sebenarnya menjauhkan diri dari sikap berlebih-lebihan, keterlaluan dan bersangatan dalam beragama akan membantu seseorang itu untuk beramal secara berkesinambungan (berterusan). Walau bagaimanapun apa yang dimaksudkan dengan menjauhkan diri atau membebaskan diri dari bersangatan dan berlebih-lebihan tidak bererti meninggalkan dan mengabaikan amal, tetapi bersikap sedang dan tengah-tengah dengan memelihara amalan yang biasa dilakukan dengan mengikut sunnah.

2. Wasatiyyah Dalam Menunaikan Hak

Wasatiyyah juga merujuk kepada maksud keadilan. Keadilan itu ialah memberi kepada setiap yang mempunyai hak akan haknya, tanpa lebih dan tanpa kurang.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam menentang tabiat melampau dalam menunaikan ibadat puasa, solat, berzikir dan membaca al-Quran sehingga melakukan kezaliman ke atas hak diri, hak keluarga dan hak masyarakat.

Kisah berikut sepatutnya menjadi panduan kepada kita semua. Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

آخَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ سَلْمَانَ وَأَبِي الدَّرْدَاءِ فَزَارَ سَلْمَانُ أَبَا الدَّرْدَاءِ فَرَأَى أُمَّ الدَّرْدَاءِ مُتَبَدِّلَةً فَقَالَ لَهَا مَا شَأْنُكَ قَالَتْ أَخُوكَ أَبُو الدَّرْدَاءِ لَيْسَ لَهُ حَاجَةٌ فِي الدُّنْيَا فَجَاءَ أَبُو الدَّرْدَاءِ فَصَنَعَ لَهُ طَعَامًا فَقَالَ كُلْ قَالَ فَإِنِّي صَائِمٌ قَالَ مَا أَنَا بِأَكِلٍ حَتَّى تَأْكُلَ قَالَ فَأَكَلَ فَلَمَّا كَانَ اللَّيْلُ ذَهَبَ أَبُو الدَّرْدَاءِ يَقُومُ قَالَ نَمْ فَنَامَ ثُمَّ ذَهَبَ يَقُومُ فَقَالَ نَمْ فَلَمَّا كَانَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ قَالَ سَلْمَانُ قُمْ الْآنَ فَصَلِّ يَا فَقَالَ لَهُ سَلْمَانُ إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا فَأَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدَقَ سَلْمَانُ.

Mafhumnya:

“Suatu hari Salman al-Farisi menziarahi Abu Darda’, yang dipersaudarakan oleh Nabi dengannya ketika sampai di Madinah. Beliau dapati isteri Abu Darda’ berada dalam keadaan tidak terurus dan kusut masai, lalu Salman pun bertanya: “Mengapa dengan engkau ini?” “Saudaramu tidak lagi menghiraukan kemewahan dunia ini,” jawabnya. Bila Abu Darda’ datang, dia menyambut kedatangan Salman dan menjamunya makanan. Salman menyuruhnya makan tetapi Abu Darda’ berkata: “Aku sedang berpuasa”. Salman berkata: “Aku bersumpah tidak akan makan kecuali engkau juga memakannya.” Salman bermalam di rumah Abu Darda’. Ketika tengah malam, Abu Darda’ bangun, tetapi Salman memegangnya dan menyuruhnya tidur, lalu Abu Darda’ pun tidur semula. Sebelum malam berakhir, Salman mengejutkan Abu Darda’ dan mereka berdua bertahajud. Lalu berkata Salman: “Hai Abu Darda’! Tuhanmu mempunyai hak ke atasmu. Dirimu mempunyai hak ke atasmu. Dan keluargamu juga mempunyai hak ke atasmu. Maka berikanlah hak kepada masing-masingnya.” Kemudian Abu Darda’ keluar menemui Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan menceritakan kisah yang telah berlaku. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam menyokong perbuatan Salman itu”.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam pernah menegur Abdullah bin Amr ketika beliau terlalu melampau dalam beribadat, Baginda bersabda kepadanya:

فَإِنَّ لِحَسَبِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِعَيْنِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِرُؤُوكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِرِزْوَجِكَ عَلَيْكَ حَقًّا. (رواه البخاري)

Ma'fhumnya:

“*Sesungguhnya bagi badan kamu ada hak keatas kamu, bagi mata kamu ada hak keatas kamu, bagi pelawat rumahmu ada hak keatas kamu, dan bagi isteri kamu ada hak ke atas kamu*”.

(*Hadith riwayat Imam Bukhari*)

Dari riwayat-riwayat ini menjelaskan bagaimana Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam memberikan bimbingan kepada umat Baginda supaya tidak keterlaluan dalam melakukan ibadat sehingga mengabaikan hak-hak yang perlu ditunaikan, kerana Baginda berpendapat bahawa keadilan itu ialah memberi kepada setiap yang mempunyai hak akan haknya dan tidak menzaliminya, kerana menzalimi itu sangat bertentangan dengan konsep Wasatiyyah dalam Islam.

3. Wasatiyyah Dalam Memahami Konsep Jihad

Jihad sering disinonimkan dengan sikap umat Islam yang ekstrem dan fundamentalis, jihad bukanlah berbentuk peperangan dan penentangan semata-mata terutama bagi mereka yang jahil tentang jihad. Jihad tidak harus dikelirukan dengan “*Holy War*” kerana ianya merujuk kepada peperangan oleh salibi-salibi “*crusaders*” Kristian dalam zaman pertengahan.

Konsep jihad juga telah disalahertikan sebagai peperangan sabil untuk membunuh orang kafir. Sedangkan berjihad adalah dilakukan ketika menentang kekerasan yang dilakukan ke atas umat Islam dan gerakan yang dilakukan untuk menghapuskan Islam itu sendiri, malah tidak timbul sama sekali tuduhan yang mengatakan bahawa orang bukan Islam itu harus diperangi dan dibunuh.

Malahan jihad juga mempunyai konsep yang lebih luas, iaitu memerangi hawa nafsu buas manusia, memerangi kemiskinan dan kefakiran, memerangi kejahilan dan kemunduran. Maka konsep jihad dalam pengertian ini adalah merupakan konsep jihad yang lebih utama lagi yang seharusnya dilancarkan oleh “*ummatan wasatan*” ini¹².

Ulama meluaskan maksud jihad kepada perjuangan menaikkan martabat umat Islam dalam bidang akedemik, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Dr. Yusof Qardhawi menyebutkan jihad masa kini semakin luas, seperti penyebaran ilmu, mendirikan pusat-pusat kegiatan Islam, memelihara aqidah dan sebagainya. Umat Islam mesti malah wajib memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar dan memberikan contoh terbaik kepada umat dan bangsa yang lain¹³.

¹² Ismail Ibrahim, *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*, hlm. 7. http://www.academia.edu/7212880/Konsep_Wasatiyyah_Perspektif_Islam

¹³ Walau bagaimana luasnya perspektif Islam terhadap jihad, namun pentafsiran jihad tentang peperangan melawan musuh tidak boleh dipinggirkan dengan begitu sahaja, terutama dalam konsep membina kekuatan persenjataan dan ketenteraan yang maju dan canggih kerana ianya juga satu tuntutan agama dalam mempertahankan kesucian Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Anfal, ayat 60:

وَأَعِدُوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ

Berusaha dan bekerja yang bermatlamatkan kebaikan pada pandangan syara', juga dikatakan berjihad di jalan Allah, kerana kalimah jihad diistilahkan secara umum kepada setiap usaha yang memerlukan curahan daya dan tenaga kekuatan demi untuk mencapai matlamat dan cita-cita mulia dan ideal, iaitu matlamat dan cita-cita Islam, keampunan Allah, keredhaanNya dan rahmatNya.

Pada suatu ketika Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam sedang duduk-duduk dengan para sahabat, tiba-tiba tampaklah di sana seorang yang masih muda yang amat kuat dan perkasa tubuhnya. Ia pagi-pagi itu telah bekerja dengan penuh tekun dan bersemangat. Para sahabat lalu berkata: "*Kasihannya sekali orang ini, andaikata kemudahan serta kekuatannya itu digunakan untuk sabilillah, alangkah baiknya*". Demi mendengar ucapan salah seorang sahabat Baginda, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam lalu bersabda:

إِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى وَلَدِهِ صِغَارًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى أَبْوَيْنِ شَيْخَيْنِ كَبِيرَيْنِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ يَسْعَى عَلَى نَفْسِهِ يُعَفِّهَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ خَرَجَ رِيَاءً وَمُفَاخَرَةً فَهُوَ فِي سَبِيلِ الشَّيْطَانِ. (رواه الطبراني)

Maafhumnya:

"Jika seorang itu keluar bekerja untuk mencari nafkah menyara anaknya yang kecil, maka bererti dia berjihad di jalan Allah, jika seorang itu keluar bekerja untuk mencari nafkah menyara kedua orang tuanya, maka bererti dia berjihad di jalan Allah, jika seorang itu keluar bekerja untuk menjaga kehormatan dirinya, maka bererti dia berjihad di jalan Allah, dan jika seorang itu keluar bekerja untuk riya' (menunjuk-nunjuk) dan bermegah diri, maka bererti dia berada di jalan syaitan.

(Riwayat at-Thabarani)

Islam menggalakkan umatnya bekerja dan berusaha. Keseluruhan tindakan dan amalan manusia, pekerjaan dan tugasnya yang dijalankan sehari-hari tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam istilah ibadah jika tindakan dan amalan pekerjaan itu dilaksanakan dengan ikhlas, jujur dan patuh kepada undang-undang Allah dan peraturanNya. Aktiviti dan amalan terangkum dalam kategori inilah yang diistilahkan sebagai ibadah umum iaitu ibadah yang dilakukan dalam bentuk pekerjaan yang dilakukan di kilang, di pejabat, di hospital, di rumah dan di mana sahaja ia berada dan pada bila-bila masa tanpa terikat dengan suatu jangkamasa tertentu.

Islam menuntut dan menyuruh umatnya agar bekerja dan berusaha untuk mendapatkan sumber pendapatan yang halal, terutama sekali bagi orang yang mempunyai tanggungan keluarga. Sikap pemalas iaitu yang hanya sentiasa mengharapkan bantuan dan pertolongan

Tafsirnya:

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya".

orang lain bagi membiayai keperluannya adalah sangat dibenci oleh syara'. Sikap malas itu amat bertentangan dengan konsep Wasatiyyah.

4. Wasatiyyah Dalam Memenuhi Tuntutan Dunia

Islam yang wasat yang adil dan terbaik ini, tidak pernah melihat adanya pertentangan antara dunia dengan akhirat. Malah wasatiyyah menggabungkan antara dua kebaikan, dunia dan akhirat, ia menjadikan dunia sebagai ladang bagi akhirat. Jadi, membangunkan dunia adalah dikira satu ibadah dan seterusnya menolak sikap ekstrem orang agama yang selalu mengabaikan kepentingan dunia, yang melampau mengharamkan segala perhiasan dunia. Walau bagaimanapun Islam juga mengawal agar manusia itu tidak pula hidup penuh keseronokan dan melupakan suruhan agama.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ. (سورة القصص، الآية 77)

Tafsirnya:

"Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".

(Surah Al-Qashash, ayat 77)

Ummatan Wasatan bukan bererti umat yang mundur yang meninggalkan dunia seluruhnya, yang hanya melihat kepada dunia akhirat tanpa mengusahakan peluang yang diberikan Allah kepada manusia di dunia ini.

Kemunduran negara-negara Islam dalam pembangunan ekonominya berkemungkinan besar kerana umat Islam merasakan bahawa mereka tidak seharusnya mengejar kebendaan dan terlalu ghairah untuk mencari kekayaan dunia ini. Dan menganggap ini bertentangan dengan sifat zuhud.

Di sini ingin kita menyentuh mengenai dengan sifat zuhud. Sesetengah orang ada yang tersilap memahami mengenai dengan maksud zuhud, ada yang mengatakan bahawa zuhud itu adalah menolak dunia. Zuhud yang dianjurkan oleh bukanlah mengharamkan kebaikan-kebaikan kehidupan dunia, menolak amal usaha dan meningkatkan taraf hidup sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang. Tetapi zuhud itu ialah memiliki kebaikan-kebaikan dunia dan kekuatan jiwa yang dapat mengawal fitnah-fitnah keinginan dan keelokan dunia, disebabkan oleh rangsangan kehidupan di akhirat.

Orang yang zuhud itu ialah orang yang memiliki kehidupan dunia di tangannya, dengan maksud dia yang mempermainkan dunia, bukan dunia yang mempermainkannya. Dunia yang

menghendaknya, bukan dia yang menghendaki dunia. Dunia baginya adalah sebagai alat yang berada di genggamannya yang digunakan untuk mendapatkan kebaikan hidup di akhirat.

Imam Al-Ghazali ada menjelaskan mengenai dengan zuhud itu: “*Bukanlah orang yang zuhud itu orang yang tiada berharta, tetapi orang yang zuhud itu ialah orang yang tiada dibimbangkan oleh hartanya sekalipun harta seluruh alam ini kepunyaannya belaka*”¹⁴.

5. Wasatiyyah Dalam Menuntut Ilmu

Salah satu pemikiran yang tidak selari dengan konsep Wasatiyyah itu ialah apabila hanya mementingkan ilmu ukhrawi semata dan mengabaikan ilmu duniawi serta menganggap bahawa ilmu duniawi itu adalah ilmu sekular dan tiada kaitannya dengan agama Islam. Pemikiran sebegini perlu diperbetulkan agar ianya tidak terus menerus menular di pemikiran generasi muda.

Kita perlu mengetahui, dalam Islam sumber ilmu itu ialah al-Quran dan Sunnah. Dalam Islam, ilmu sama ada duniawi atau ukhrawi adalah sama penting.

Pembahagian ilmu di dalam Islam itu dua, iaitu: Ilmu yang bersifat Fardhu 'Ain dan ilmu yang bersifat Fardhu Kifayah. Ilmu Fardhu 'Ain adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan asas kehidupan sebagai seorang Islam yang berhubungkait dengan aqidah, syari'ah dan akhlak. Ilmu Fardhu 'Ain ini adalah wajib ke atas setiap individu untuk mempelajarinya. Ilmu Fardhu Kifayah ialah ilmu-ilmu yang bersifat umum atau pun ilmu pengetahuan umum yang memberi manfaat kepada orang yang mempelajarinya. Ilmu Fardhu Kifayah bukan semata-mata wajib ke atas setiap individu, tetapi wajib ke atas sebahagian sahaja daripada kita, seperti: ilmu metamatik, ilmu kedoktoran / perubatan atau seumpamanya.

Menuntut ilmu dalam Islam tidak terpisah dari motif bagi menjadikan seseorang itu seorang Muslim yang bertaqwa, berakhlak mulia yang mendatangkan manfaat bagi masyarakat sekelilingnya. Maka sebab itu, Islam tidak pernah menyisihkan ilmu-ilmu yang berhubungkait dengan perubatan, sains, sastera, politik, matematik, sejarah, ekonomi, kejuteraan, pengurusan dan sebagainya dan menganggap ianya sebagai ilmu dunia dan seolah-olah tidak ada hubungkaitnya dengan agama. Sebenarnya, semua ilmu yang berbentuk sebegini adalah dikategorikan sebagai ilmu fardhu kifayah dan termasuk dalam ilmu nafi' علم

نافع (ilmu yang bermanfaat) yang dituntut oleh Islam untuk mempelajarinya bahkan disarankan untuk menguasainya, kerana sepertimana yang dijelaskan oleh Imam Al-Ghazali, ilmu sebegini diperlukan untuk kepentingan umat Islam di bidang kebendaan dan lain-lain, bagi mencapai kesempurnaan, keselesaan dan keamanan hidup umat Islam. Walau bagaimanapun, ilmu fardhu 'ain janganlah diabaikan, ianya perlu diberikan keutamaan, dipelajari, dihayati dan diamalkan, kerana ianya bertujuan untuk melahirkan muslim yang

¹⁴ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya Ulumiddin*, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Juz 4, hlm. 230.

soleh yang akan berjaya di dalam melaksanakan tugas dan peranannya sebagai khalifah Allah pemakmur bumi ini¹⁵.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud ayat 61:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Tafsirnya:

"Dia telah menjadikan kamu dari tanah dan kamu dituntut supaya memakmurkan / membangunkannya".

Salah satu aspek paling penting ajaran Islam berkaitan ilmu ialah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang pertama kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu *Iqra'*.

Firman Allah Ta'ala:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ * خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ * اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ * الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ * عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Tafsirnya:

"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya".

(Surah al-'Alaq, ayat 1 – 5)

Perkataan yang pertama ini turun dalam bentuk perintah atau suruhah iaitu "*Bacalah olehmu (Ya Muhammad)*". Ertinya perintah baca itu mendahului perkara lain dan sudah tentulah sangat utama dan banyak manfaatnya kepada manusia.

Membaca yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah sekadar mencapai tahap celik huruf. Membaca juga bukan sekadar mampu mengenal, menyebut dengan fasih setiap huruf atau kalimah yang tertera.

Tuntutan *Iqra'* (membaca) itu membawa maksud seperti berikut:

1. Mempelajari dan memperolehi ilmu.
2. Menguasai berbagai ilmu dan mencapainya ditahap yang paling tinggi.

¹⁵ Al-Ghazali, *Ihya Ulumiddin*, Juz 1, hlm. 25-26.

3. Menguasai pengetahuan dalam berbagai bidang sama ada secara khusus (kepakaran) atau secara umum (general knowledge).
4. Menghidupkan akal dan kuat berfikir. Melalui pembacaan akal seseorang itu semakin pintar dan bijaksana. Umpama jasad perlukan makanan untuk kesihatan dan kecerdasan. Maka membaca dan ilmu pengetahuan itu merupakan makanan bagi akal. Sebab itu ada perbezaan tahap akal orang berilmu dan orang jahil. Tanpa ilmu ertinya akal kebuluran atau kekurangan makanan. Akal yang beku dan jumud berpunca dari kurangnya pengisian.

Ketinggalan negara-negara Islam dalam bidang teknologi dan ilmu pengetahuan mungkin kerana sikap umat Islam yang sambil lewa dalam menuntut ilmu. Padahal tujuan menuntut ilmu di dalam Islam itu adalah untuk memerangi kejahilan di samping meningkatkan tamadun dan peradaban umat itu sendiri.

Peranan KUPU SB Dalam Memperkasakan Prinsip Wasatiyyah

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ditubuhkan pada awal Tahun Baru Hijrah 1428 bersamaan dengan 20 Januari 2007, iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ali saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena sambutan awal Tahun Baru Hijrah 1428. Baginda telah menitahkan bagi penaikan taraf kepada peringkat Kolej Universiti daripada peringkat Maktab Perguruan Ugama¹⁶.

Pada masa ini KUPU SB merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang perguruan ugama dan sebagai sumber utama bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang perguruan Islam.

Falsafah KUPU SB ialah usaha berterusan bagi pembinaan umat bermaruah berasaskan keupayaan sistem pendidikan dalam menjana tradisi pengajaran-pembelajaran formal dan non-formal, untuk melahirkan pendidik dan pemimpin bertaqwa menerusi pemaduan tenaga pendidik yang berwibawa, berakhlak mulia, berbudaya ilmu yang tinggi dan kesediaan masyarakatnya untuk dibimbing bagi mendapat keberkatan, keredhaan dan keampunan Allah Subhanahu Wa Ta'ala¹⁷.

KUPU SB meletakkan visinya mencapai kemuliaan akhlak dan kecemerlangan ilmu perguruan ugama yang terbilang di Alam Melayu bertaraf antarabangsa. Manakala misi KUPU SB pula ialah memartabatkan pengajian perguruan ugama bagi melahirkan pendidik berjati diri melalui pengintegrasian ilmu latihan, kajian, perkhidmatan, ketrampilan dan teknologi berasaskan prinsip-prinsip Islam, Konsep Melayu Islam Beraja dan Falsafah Pendidikan Negara.

¹⁶ <http://www.kupu-sb.edu.bn/index.php/profil-kupu-sb/latar-belakang>

¹⁷ <http://www.kupu-sb.edu.bn/index.php/profil-kupu-sb/aspirasi-kupu-sb>

Tidak keterlaluan jika dikatakan peranan KUPU SB bukan lagi terhad dalam menerapkan prinsip Wasatiyyah di kalangan pelajaranya yang majoritinya adalah generasi muda, malahan lebih menjurus kepada memperkasakan. Ini kerana proses penerapan prinsip Wasatiyyah itu telah dilalui oleh para pelajar semenjak belajar di peringkat persekolahan rendah dan menengah lagi menerusi kurikulum yang telah disusun oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertujuan untuk menjadikan para pelajar itu *ummatan wasatan* berdasarkan ajaran agama Islam yang sejati.

Justeru, ke arah memperkasa prinsip Wasatiyyah di kalangan para pelajaranya, KUPU SB bukan saja memperkenalkan kurikulumnya yang unik dan bersifat integrasi, malah KUPU SB secara konsisten cuba memberi penekanan kepada peranan Islam dalam pendidikan yang dipersembahkan dalam bentuk relevan dan intelektual, bersesuaian dengan keperluan masyarakat kontemporari. Oleh itu, para pelajar KUPU SB bukan sahaja dilengkapi dengan persediaan untuk menjadi tenaga pengajar (guru ugama) di sekolah-sekolah ugama bahkan juga diberikan asas kekuatan jiwa dan kemantapan rohani sebagai rujukan dan *role model* kepada murid-murid serta didedahkan kepada perkhidmatan kemasyarakatan dan persekitaran penghidupan sebenar apabila mereka menjadi tenaga pengajar bidang pendidikan Islam¹⁸ sesuai dengan matlamat penubuhan KUPU SB iaitu melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khalifah Allah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam, untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertaqwa menurut ajaran Ahli Sunnah Waljama'ah bermazhab Syafi'e serta mendukung kedudukan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara dan Konsep Negara Melayu Islam Beraja¹⁹.

Penutup

Perhatian Islam yang besar terhadap generasi muda menunjukkan bahawa masa muda merupakan masa yang sangat penting dan masa yang paling berharga. Generasi muda merupakan rahsia kekuatan suatu umat, tiangnya kebangkitan, kebanggaan dan kemuliaan. Di atas pundak merekalah masa depan umat terpikul, kerana pemuda memiliki keistimewaan tersendiri, baik dari segi keberanian, kecerdasan, semangat, maupun dari kekuatan jasmaninya. Generasi muda seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan generasi ini dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara berkenaan dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang.

Generasi muda di seluruh dunia menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi tidak semestinya baik dan menguntungkan semua pihak. Globalisasi ada membawa kebaikan dan dalam masa yang sama ada juga kesan negatifnya terhadap masyarakat dunia. Cabaran yang dihadapi oleh para generasi muda sudah semakin sulit dan kompleks. Godaan untuk melakukan tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam boleh datang dari berbagai

¹⁸ *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*, cetakan pertama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei, Universiti Teknologi Mara, Malaysia, 2012. Hlm. 265.

¹⁹ <http://www.kupu-sb.edu.bn/index.php/profil-kupu-sb/aspirasi-kupu-sb>

